

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Bil. 9	Isnin	21 Mei 2007
---------------	--------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006	(Halaman 32)
Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006	(Halaman 63)
Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006	(Halaman 66)
Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006	(Halaman 75)
Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006	(Halaman 78)

USUL:

Perlantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Di Bawah P.M. 70(1)	(Halaman 32)
--	--------------

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 21 Mei 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak Ahli-ahli Yang Berhormat menyertai Dewan dalam perjuangan memupuk minda kelas pertama. Kita sedia maklum masa pertanyaan ialah masa bagi Dewan mencungkil betapa *accountablenya* kerajaan selaku pemerintah. Minggu ini adalah minggu terakhir dan Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai empat hari untuk memainkan peranan mencungkil perkara. Selepas ini Dewan hanya akan bersidang pada bulan Julai dan Disember. Di antara masa-masa ini, rakyat hanya berpeluang untuk mengetahui mengenai isu-isu melalui *statement-statement* dan ucapan-ucapan menteri dan barisan kerajaan yang lain. Gunakanlah kesempatan ini dengan sebaik mungkin dan bersabarlah jika saya tidak membenarkan pertanyaan-pertanyaan terkeluar daripada isu-isu yang hendak dicungkil.

1. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan rasionalnya terhadap salah satu keputusan yang telah diluluskan semasa "Mesyuarat Negara Kerajaan Tempatan" (MNKT) ke-57 yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah pelantikan Yang di-Pertua PBT sebagai Pesuruhjaya Bangunan bagi membolehkan bangunan yang belum diserahkan Hak Milik Strata dikendalikan sepenuhnya PBT dan adakah dengan keputusan ini akan mempercepatkan urusan di PBT.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007, Akta 663 telah diubah bertujuan untuk mengatasi masalah yang timbul dalam penyenggaraan dan pengurusan bangunan berstrata di seluruh negara kita kecuali di Sabah dan Sarawak. Pelantikan Yang di-Pertua (YDP) pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai Suruhanjaya Bangunan yang boleh menguatkuasakan Akta 663 adalah berdasarkan kepada beberapa justifikasi seperti berikut:

- (i) PBT mempunyai kakitangan dan tenaga kerja yang berpengalaman dalam bidang perundangan, penguatkuasaan dan khidmat nasihat bagi pelaksanaan Akta 663 ini;
- (ii) PBT mempunyai rekod-rekod berkaitan semua kemajuan yang dilaksanakan dan yang dicadangkan berkaitan dengan hak milik strata dalam kawasan pentadbirannya; dan
- (iii) PBT juga mempunyai Ahli-ahli Majlis untuk membantu YDP melaksanakan dan menguatkuasakan Akta 663 ini serta PBT merupakan agensi yang paling dekat dengan masyarakat dalam mengetahui permasalahan sebenar di sesebuah kawasan di dalam kawasan pentadbirannya.

Tuan Yang di-Pertua, rasional keputusan ini dapat mempercepatkan urusan di PBT adalah kerana PBT mempunyai rekod-rekod pemajuan semasa permohonan kelulusan, pelan pembangunan, rekod-rekod pengeluaran *Certificate of Fitness* (CF) dan rekod-rekod semua jenis pembangunan hak milik strata. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain dan kemudian Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan yang diberikan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi, ia menunjukkan bahawa kementerian amat yakin sedangkan kita tahu banyak keputusan dan tugas serta tanggungjawab PBT yang tertangguh selama hari ini. Soalan saya ialah apakah yang meyakinkan kementerian bahawa PBT dapat membantu kementerian dalam mempercepatkan urusan ini sedangkan banyak keputusan, tugas dan tanggungjawab PBT yang tertangguh. Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian saya KPKT dan kerajaan negeri akan memastikan supaya kakitangannya mencukupi kerana kalau kurang, kami akan memohon dari Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambahkannya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya menyentuh tentang perubahan kuasa untuk mengeluarkan sijil kelayakan.

■ 1010

Beban tugas yang dipertanggungjawabkan kepada pejabat tanah pada hari ini berapa banyak jumlahnya, *backlog* nya yang menyebabkan kuasa ini diserahkan kepada PBT dan yang kedua harapan rakyat dengan kuasa yang ada pada PBT, berapa lama proses *strata title* itu boleh dikeluarkan. Kalau dahulu, sampai tujuh tahun atau lapan tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dahulu.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Semua maklum bahawa pejabat tanah di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mengeluarkan *strata title*, bukan di kementerian saya. Tentulah kerana dia ada satu *cash team* bersama kita. Ada kerja supaya saya *again* dengan kerajaan tentu akan cepat keluar *strata title*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

2. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian bercadang mengambil alih pengurusan Hospital Gombak. Sekiranya tidak, apakah sebabnya dan apakah langkah-langkah bagi meningkatkan tahap pengurusannya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Hospital Gombak adalah merupakan hospital di bawah seliaan dan jagaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan secara amnya pengurusan hospital tersebut berjalan dalam keadaan baik. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk mengambil alih pengurusan hospital berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat urusan Orang Asli telah membayar hampir RM6 juta untuk membayar gaji dan elaun dan juga ubat-ubatan sebanyak hampir lebih RM3 juta. Saya rasa kalau wang ini dapat diuruskan oleh kementerian sendiri, maka kesihatan Orang Asli dapat dijamin, keciciran Orang Asli dan juga masalah kemiskinan Orang Asli ini peruntukan ini dapat diagihkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Soalan saya apakah kriteria ataupun punca-punca yang menyebabkan kementerian tidak mahu mengambil alih dan juga apakah penambahbaikan soalan yang kedua apakah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah beri kelonggaran di situ.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab pertanyaan asalnya mengenai pengurusan Hospital Gombak.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Kesihatan berlapang dada. Kita tidak ada masalah untuk ambil alih Hospital Gombak ini kalau pengambilalihan hospital ini mewujudkan suasana penjagaan kesihatan yang lebih baik kepada Orang Asli. Kita berlapang dada tetapi oleh kerana hospital tersebut di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dari awal dahulu dari sudut sejarahnya jadi dan sebenarnya RM9 atau RM10 juta

untuk mengurus sebuah hospital setahun adalah tidak banyak tetapi kita perlu ingat bahawa hospital ... Orang Asli ini dia berselerak.

Di kawasan saya Yang Berhormat Tuan Osman pun tahu ada 5,000 Orang Asli. Di kawasan saya ada dekat 800 orang Tuan Yang di-Pertua dan sebahagian besar daripada penjagaan kesihatan, Orang Asli adalah masih lagi tertakluk di bawah jagaan Kementerian Kesihatan. Cuma Hospital Gombak sahaja sebab hospitalnya diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Pegawai-pegawai semuanya dilatih oleh Kementerian Kesihatan dan rangkaian baik di antara Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mengenai Hospital Gombak dengan kementerian amat baik.

Kita sentiasa memberi kerjasama dan jika perlu, ada komitmen dan permintaan di antara masyarakat Orang Asli ...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan yang tersirat daripada Yang Berhormat tadi mengapa agaknya kerajaan enggan sangat hendak mengambil alih hospital. Kenapa Kementerian Kesihatan enggan sangat mengambil alih hospital ini?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak enggan. Kalau tak ada *offer*, kita pun tak berani. Kita tak berani perigi cari timba.

Tuan Yang di-Pertua: Itu jawapannya Yang Berhormat. Yang Berhormat tolong lobi bagi ada *offer* lah. Sebelum itu saya bagi pihak Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

3. Dato' Azian bin Osman minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan masalah serta langkah penyelesaian berhubung kemerosotan mutu sukan bola sepak negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan daripada Senator Dato' Azlan bin Osman...

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Azian.

Tuan Sa. Vigneswaran: Maaf, Dato' Azian akan dijawab bersama soalan No.30 oleh Senator Datuk Soon Tian Szu bertarikh 22 Mei 2007 dan soalan No.48 oleh Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik bertarikh 23 Mei 2007 yang turut berkaitan isu kemerosotan prestasi pasukan bola sepak dan langkah-langkah yang diambil ke arah memperbaiki kemerosotan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, adalah benar seperti tanggapan banyak pihak bahawa mutu bola sepak negara ini telah merosot dan mengecewakan berbanding dengan suatu masa dahulu. Walau bagaimanapun dari segi populariti sukan ini masih lagi merupakan sukan yang paling popular jika dibandingkan dengan sukan-sukan yang lain. Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama rapat dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia

dan perbincangan berterusan sentiasa diadakan dengan pemimpin persatuan berkenaan untuk mencari jalan supaya prestasi sukan ini dapat dipertingkatkan lagi.

Persatuan Bola Sepak Malaysia telah memulakan Liga Semi Profesional mulai tahun 1989 dan kemudiannya dijadikan Liga Profesional sepenuhnya. Program pembangunan pemain-pemain remaja dalam peringkat umur juga dilaksanakan bagi tujuan untuk melatih lebih ramai lagi pemain bola sepak yang berkaliber.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai usaha untuk menaikkan imej negara dalam bidang bola sepak. Pengenalan Liga Semi Profesional dan seterusnya terjemah kepada Liga Profesional perlulah dilihat sebagai suatu usaha yang bersungguh oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Azian, kemudian Dato' Musa, kemudian Puan Hajah Sharifah Azizah.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih di atas jawapan pihak kementerian. Berbagai-bagai usaha telah dijalankan kerjasama usaha Liga Profesional. Soalan tambahan saya pendek sahaja Yang Berhormat. Mengapa sampai sekarang masih semakin teruk mutu bola sepak kita, banyak usaha telah dibuat?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya beri jawapan memang merosot tetapi kegemilangan pasukan-pasukan kita pada awal tahun 60an memang tidak ada lagi. Tetapi buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara bersama FAM dan kerjasama JPJS telah mencadangkan program-program bola sepak di mana FAM melalui Majlis Sukan Negara akan mewujudkan lebih banyak lagi pusat daerah dan negeri di seluruh Malaysia.

Di antara peringkat-peringkat umur ialah:

- | | | |
|-----------------------|---|---------------------|
| (i) 7 hingga 12 | - | Tunas Bola Sepak; |
| (ii) 13 hingga 15 | - | Tunas Cemerlang; |
| (iii) 16 hingga 17 | - | Akademi Bola Sepak; |
| (iv) 18 hingga 19 | - | Piala Belia; |
| (v) 20 hingga 21 | - | Piala Presiden; dan |
| (vi) 20 tahun ke atas | - | Liga Malaysia. |

Tuan Yang di-Pertua, melalui Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kerajaan menyedari bahawa sukan bola sepak adalah sukan yang diminati dan popular dan jawatankuasa ini telah memilih sukan bola sepak sebagai salah satu daripada lapan teras jenis sukan. Terima kasih.

■ 1020

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, dalam setahun berapakah anggaran gaji dan elaun yang dibayar oleh kementerian kepada pemain bola sepak negara?

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, gaji memang tidak dibayar oleh Kementerian Belia dan Sukan, gaji dibayar oleh persatuan bola sepak tetapi Jawatankuasa Kabinet Sukan telah memutuskan supaya pasukan bawah 20 tahun, FAM akan diletakkan di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan. Pada tahun lepas kita telah membelanjakan sebanyak RM2 juta untuk pasukan di bawah umur 20 tahun. Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setiap apa yang diterajui oleh wanita biasanya ianya akan mencapai satu kejayaan yang cemerlang. Jadi, saya ingin tanya soalan tambahan kepada kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk melantik seorang wanita untuk menguruskan bola sepak negara. *[Ketawa]* Apakah yang menyebabkan kewujudan sekolah sukan negara ini tidak langsung membantu bola sepak negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat agaknya lupa, Yang Berhormat Menteri Kementerian Belia dan Sukan sendiri adalah wanita. *[Ketawa]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Itu jawapan saya nombor satu. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sekolah sukan memang kita ada program yang saya telah jawab sebentar tadi. Program-program yang dijalankan dengan sukan-sukan sekolah, dengan kerjasama MSN. Terima kasih.

4. Tuan Lee Chee Keong minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan secara telus sebab-sebab laluan terowong SMART ditangguhkan untuk aliran trafik dan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menjamin keselamatan pengguna-pengguna terowong SMART berkenaan pada musim-musim banjir.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tempoh kontrak pembinaan projek SMART adalah sehingga 30 Jun tahun 2007. Walau bagaimanapun, komponen lebuhraya terowong SMART ini telah disiapkan lebih awal oleh syarikat konsesi dan ianya telah pun dirasmikan pada 14 Mei yang lepas telah diputuskan oleh Kabinet. Selepas semua sistem di dalam terowong SMART telah berfungsi dengan baik.

Berhubung dengan langkah-langkah keselamatan yang diambil semasa aras air di hulu Sungai Klang dan Sungai Ampang meningkat pada paras berbahaya, keseluruhan terowong akan digunakan untuk menyalurkan lebih air banjir ke Sungai Kerayong. Situasi ini dijangka akan berlaku hanya tiga hingga empat kali setahun sahaja. Sebelum operasi ini dijalankan syarikat konsesi dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan memastikan tidak ada

kenderaan berada di dalam terowong dan pintu kalis air untuk lebu raya akan di tutup sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menurut laporan akhbar semalam, sudah terdapat tanda-tanda keretakan di beberapa tempat di dalam terowong SMART itu. Jadi, saya ingin tahu sudahkah kementerian mengambil langkah-langkah keselamatan untuk mengelak daripada banjir kilat yang dikatakan tiga-empat kali setahun itu. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita dapat maklumkan daripada pihak konsesi, keretakan yang berlaku hanyalah di peringkat *expansion joint*, ataupun di mana *plastering* dan bukan berlaku di dalam terowong itu sendiri tetapi berlaku ke laluan masuk terowong, di mana ianya bukan panel yang pasang siap. Kita pastikan keadaan banjir kilat ini tidak berlaku di sebelah timur Kuala Lumpur, iaitu hanya untuk sungai-sungai Klang dan Sungai Ampang. Maksudnya di sebelah Sungai Gombak, di sebelah barat Kuala Lumpur masih lagi, sebab kita tidak ada SMART *tunnel*.

Jadi, maksudnya apabila air berlebihan di Sungai Klang tersebut dan Sungai Ampang untuk masuk ke Kuala Lumpur, di situ akan ada satu kolam takungan di mana air lebih tersebut akan dipintaskan melalui terowong SMART tersebut ke hulu sungai, iaitu masuk ke dalam Sungai Kerayong. Jadi, air lebih tersebut lah yang kebiasaannya membuatkan banjir kilat di sebelah timur Kuala Lumpur. Jadi inilah yang kita pastikan supaya yang dua-tiga kali ini tidak berlaku. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan soalan tambahan tadi, walaupun di bawah Peraturan 22 (i) menyatakan:

“Pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan betul atau tidaknya penerangan-penerangan dalam surat-surat khabar atau penerangan-penerangan yang dikeluarkan oleh seorang bagi dirinya sendiri atau penerangan badan-badan kewangan.”

Tetapi oleh kerana ini satu perkara yang mempunyai ciri-ciri *public interest* yang penting dan kita berada dalam sesuatu *grey area*, dalam tarif Peraturan Mesyuarat saya telah membenarkan. Terima kasih.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Tadi, dikatakan semua telah siap dan dibuka secara rasmi tetapi baru-baru ini saya lalu dalam SMART *tunnel* ini, perkhidmatan radio tidak ada. Jadi, adakah ini satu perkara yang diambil kira dalam SMART *tunnel*. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Sebenarnya memang ada yang radio dan juga telefon. Saya pun cuba juga hari itu semasa larian terowong yang pertama kali di dalam dunia hanya sekali seumur hidup. Yang Berhormat sudah *miss that one*, kan? Masa itu kita *test* radio, *test* telefon, semua berjalan dengan baik tetapi dalam masa sebulan ini, masa *free* lagi ini sehingga 15 Jun ini. Kita pun buat pelbagai *testing* termasuklah *ventilation fan*, dengan izin, tangga-tangga keselamatan, *frequency* radio, *frequency* telefon dan juga *emergency responses plan*, di mana

kita takut kalau ada bom meletup, *accident* dalam *tunnel* dan sebagainya, jadi kita juga tengok keadaan apabila hujan lebat, macam mana ianya digunakan untuk keadaan yang sebenar. Kita masih juga buat *testing* sehinggalah ia dibuka dengan rasminya apabila kena bayar tol pada 15 Jun ini. Insya-Allah. Terima kasih.

[Soalan No. 5 – Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Saya mohon maaf, Yang Berhormat, kerana Barisan kerajaan semua mohon maaf kepada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat boleh kemukakan secara bertulis.

6. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini apakah petunjuk dan perkembangan terhadap pencapaian negara dalam menuju Wawasan 2020.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 15 tahun pertama Wawasan 2020, negara telah mencatat kemajuan yang memberangsangkan dalam pelbagai bidang. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia telah berkembang pada kadar purata 6.2% setahun dalam tempoh tersebut. Walaupun menghadapi suasana ekonomi dunia yang tidak menentu, di antaranya akibat krisis kewangan Asia 1997, 1998, peristiwa 11 September pada tahun 2001, peperangan di Afghanistan dan Iraq, wabak sindrom pernafasan akut yang teruk, selesema burung serta kenaikan harga minyak dunia.

KDNK per kapita berdasarkan pariti kuasa beli atau *purchasing power of parity*, dengan izin, telah juga meningkat sebanyak dua kali ganda kepada USD10,318 pada tahun 2005. Berdasarkan petunjuk ini, Malaysia berada di kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan Mexico dan Turki, iaitu dua buah negara OECD, yang kita panggil Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan bagi Negara Maju. Untuk makluman Yang Berhormat kaedah pengukuran berdasarkan KDNK per kapita pariti kuasa beli telah digunakan kerana selain daripada perubahan dalam kadar pertukaran asing ringgit berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, ia juga turut mengambil kira kesan harga barangan dan perkhidmatan.

Dalam tempoh 15 tahun pertama Wawasan 2020, asas ekonomi juga kekal kukuh di mana kadar inflasi dan kadar pengangguran adalah rendah, manakala berbanding akaun semasa imbangan pembayaran dan akaun sektor awam yang disatukan telah mencatatkan lebih berkembar.

■ 1030

Paras tabungan dan *reserve* luar juga melonjak semula ke tahap yang lebih baik daripada kedudukan sebelum krisis kewangan Asia. Dari segi struktur ekonomi pula, Malaysia telah mula mencerminkan struktur sebuah ekonomi negara maju dengan sektor perkhidmatan

yang terus meningkat daripada 46.8% kepada KDNK pada tahun 1990 kepada 58.2% pada tahun 2005. Di samping itu sektor pembuatan yang menyumbang 31.6% kepada KDNK telah mencatatkan kepelbagaian produk serta mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi.

Kepesatan pertumbuhan sektor tersebut telah juga disokong oleh kemajuan infrastruktur termasuk sistem telekomunikasi, lebuhraya, pelabuhan serta lapangan terbang yang bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dalam bidang ekonomi sahaja bukanlah hanya satu pengukur bagi kemajuan ke arah negara maju. Kita telah juga mencapai kejayaan besar dari segi petunjuk sosial di mana kualiti hidup yang diukur melalui Indeks Kualiti Hidup Malaysia telah meningkat sebanyak 10.9% dalam tempoh 1990 hingga 2004. Kadar kemiskinan pula terus berjaya dikurangkan kepada 5.7% manakala kemiskinan tegar kepada 1.2% pada tahun 2004 yang lalu.

Walaupun ekonomi telah berkembang sebagaimana dirancang namun kerajaan adalah komited untuk terus meningkatkan usaha bagi mempercepatkan lagi proses ke arah pencapaian negara maju menjelang tahun 2020. Bagi tujuan ini ada beberapa strategi yang telah dilaksanakan termasuklah meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi, mengembalikan peranan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan, penekanan ke arah melahirkan masyarakat minda kelas pertama, merapatkan jurang ketidakseimbangan dari segi pencapaian pendapatan antara kaum, antara yang kaya dengan yang miskin, serta antara kawasan bandar dan luar bandar dan antara wilayah, dan meningkatkan kualiti hidup rakyat terutama berkaitan dengan keperluan asas, kebajikan, kemakmuran di samping mengekalkan keamanan, keselamatan dan keharmonian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok, kemudian Yang Berhormat bagi Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya apakah perancangan dan usaha Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, Kerajaan Tempatan untuk memastikan bumiputera tidak lagi ketinggalan ke belakang dari kaum yang lain dari aspek pendidikan, ekonomi sebelum tahun 2020.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan tadi, dari segi perancangan memang cukup baik. Umpamanya dasar-dasar yang telah diletakkan oleh kerajaan seperti dasar ekonomi baru, tetapi dari segi bagaimana ia dilaksanakan, inilah yang menjadi masalah kepada kita dan sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan beberapa perkara asas.

Di antaranya tujuan-tujuan untuk memastikan bahawa dalam Wawasan 2020 kita menjadi sebuah negara maju yang lebih seimbang, tidak tertumpu kepada satu kaum sahaja atau pun wilayah seperti yang saya jawab tadi atau di antara kaya dengan miskin dan sebagainya.

Langkah memperbetulkan semula, khususnya dari segi sistem pentadbiran yang ada, umpamanya kalau kita ada pada masa dahulu majlis-majlis gabungan peniaga-peniaga, usahawan dan sebagainya. Dalam masa ini kita harus lebih perlu menekankan kepada *smart partnership* ataupun gabungan bestari di antara semua gabungan ini agar ia tidak menjadi Ali sahaja atau Baba sahaja, dia mestilah yang gabungan yang sebenarnya, maknanya kita harus mempercayai. Ini ialah untuk mengelakkan, pada saya sendiri, saya ingin mengatakan iaitu untuk mengelakkan ketirisan yang melampau yang berlaku. Memang ada ketirisan Tuan Yang di-Pertua, tetapi ketirisan yang melampau ini harus kita perbetulkan, dan sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan itu, konsep, falsafah Dasar Ekonomi Baru ini mesti dinilai dengan lebih tepat lagi supaya tidak berlaku perkara-perkara seperti yang timbul oleh Yang Berhormat tadi agar jurang perbezaan pendapatan semua kaum ini dapat diperbaiki dan diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, tidakkah berlaku pertembungan antara Wawasan 2020 dan Misi Nasional yang baru dilancarkan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada langsung, bahkan inilah salah satu, kita kata langkah untuk hendak memastikan bahawa Wawasan 2020 itu menjadi kenyataan. Kalau tidakkah diperbetulkan perkara ini mungkin, ini perkataan mungkin saya gunakan, Wawasan 2020 ini hanya menjadi sebagai angan-angan sahaja, tetapi dengan adanya cara dan pendekatan baru yang kita hendak laksanakan ini dengan memperbaiki sistem yang ada, memperbaiki nilai ditambah yang harus kita berikan kepada perkara-perkara yang selama ini jauh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang dikatakan Misi Nasional itu?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Inilah alatnya Misi Nasional, pastikan ianya mencapai Wawasan 2020 bahkan selepas itu barulah kita hendak melonjak ke arah yang selepas.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

7. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) adakah benar Malaysia mendapat bekalan import beras daripada Amerika Syarikat bagi memenuhi keperluan beras di negara ini dan jika ada, setakat ini berapa banyakkah yang berada di pasaran; dan
- (b) apakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa beras import daripada Amerika Syarikat adalah dihasilkan menerusi teknologi kejuruteraan genetik (GE) berlebihan yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia ada mengimport beras daripada Amerika Syarikat tetapi dalam kuantiti yang kecil. Jumlah import beras oleh Malaysia daripada Amerika Syarikat dari Januari hingga Mac tahun ini adalah sebanyak 171.6 metrik tan yang bernilai, berjumlah RM693,887.60. Jenis beras yang diimport adalah daripada *variety* kalros.

Bagi menjawab soalan (b), dakwaan yang mengatakan beras import daripada Amerika Syarikat dihasilkan daripada teknologi kejuruteraan genetik adalah tidak benar. Ini adalah kerana penggunaan teknologi kejuruteraan dalam pertanian di Amerika Syarikat adalah tertumpu kepada komoditi pertanian bukan makanan seperti kapas dan juga komoditi yang digunakan sebagai makanan haiwan contohnya kacang soya dan jagung. Bagi tanaman padi, terdapat aktiviti kajian dan pembangunan yang dijalankan khususnya dalam menghasilkan *variety* yang rintang terhadap musuh seperti musuh penyakit dan rumpai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya menyentuh tentang pengimportan beras dari Amerika Syarikat. Apakah apabila wujudnya Perjanjian FTA, ia akan memberi kesan kepada petani-petani tempatan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi padi kita tidak masukkan dalam senarai itu, kita masuk dalam senarai sensitif bermakna mesti ada rundingan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kalau kita benar-benar ikut masa pertanyaan ini tidak perlu beli surat khabar esok.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang hadir sendiri untuk menjawab soalan ini. Soalan saya ialah Nombor 8.

8. Tuan M. Munusamy minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan statistik kaum India yang telah melibatkan diri dalam program MECD di skim usahawan siswazah, tabung usahawan siswazah dan SMIDEC semenjak dua tahun yang lalu.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-pertua, Skim Usahawan Siswazah merupakan satu program berpakej yang merangkumi latihan dan pembiayaan bagi memberi peluang kepada siswazah untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Program ini terbuka kepada siswazah daripada semua kaum yang memiliki diploma atau ijazah, yang berumur tidak melebihi 35 tahun. Latihan Keusahawanan Siswazah adalah merupakan satu Program Latihan Keusahawanan bagi melayakkan pesertanya memohon pinjaman dari Tabung Usahawan Siswazah.

■1040

Pada tahun 2005 seramai 39 orang siswazah kaum India telah menyertai latihan iaitu 4% daripada 1,070 orang penyertaan dan seramai 21 orang pada tahun 2006 iaitu 2% daripada 1,107 orang penyertaan.

Di bawah skim ini pembiayaan perniagaan dibiayai melalui tabung usahawan siswazah yang dikendalikan oleh Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia ataupun SME Bank. Bilangan siswazah kaum India yang telah mengemukakan permohonan pembiayaan di bawah tabung usahawan siswazah pada tahun 2005 adalah seramai tujuh orang, manakala bagi tahun 2006 adalah seramai enam orang. Bilangan yang diluluskan daripada jumlah adalah seramai lima orang, bernilai sebanyak RM410.

Bagi soalan mengenai SMIDEC, sebenarnya tidak ada program MECD dalam SMIDEC kerana SMIDEC merupakan satu agensi lain di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi jawapan dengan tepatnya berkenaan dengan angka-angka, cuma saya khuatir beberapa bilangan saja 39 orang dan juga tujuh orang bagi tahun 2005 dan tahun 2006, 21 orang dan enam orang sahaja.

Adakah kementerian mengkaji apakah sebabnya sambutan ini kurang daripada masyarakat India, adakah ini sebenarnya kurang publisiti? Sebab menambahkan...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat!

Tuan M. Munusamy: Okey, terima kasih

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, pertamanya mungkin kesedaran ataupun kesediaan siswazah kaum India untuk menjadi usahawan sebagai satu kerjaya menjadi penyebab dan dalam soal kementerian meningkatkan kesedaran pembudayaan kepada semua kaum supaya memilih keusahawanan itu sebagai satu kerjaya, saya juga mengharapkan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa meningkatkan kesedaran kepada semua kaum supaya melihat bidang keusahawanan ini sebagai kerjaya pilihan masing-masing, itu yang pertama.

Kedua, setelah mereka mengikuti latihan, itu tidak bermakna bahawa mereka secara automatik akan mendapat pinjaman. Mereka perlu mengemukakan perancangan perniagaan dan yang ini biasanya kelemahan yang terdapat, walaupun mereka telah melalui latihan tetapi tidak tahu apa bidang perniagaan yang hendak mereka ceburi.

Jadi atas sebab itulah mungkin kekurangan ataupun jumlah yang sedikit yang kita dapati penglibatan kaum India dalam skim ini.

9. Tuan Chiw Tiang Chai minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyeragamkan kelulusan profesion perguruan pra-sekolah di negara ini supaya bersesuaian dengan tema Hari Guru tahun lepas iaitu Guru

Berkualiti Pemangkin Kecemerlangan dan Guru Berkualiti Aspirasi Negara, memandangkan kepentingan mereka dalam mendidik dan membimbing generasi kanak-kanak hari ini untuk menjadi rakyat Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang di masa depan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Guru atau BPG adalah bertanggungjawab dalam pemilihan dan latihan bakal guru termasuklah guru-guru yang akan mengikuti kursus-kursus pra-sekolah.

Untuk makluman pemilihan calon guru yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui saringan yang ketat dan calon-calon guru perlu melalui beberapa siri ujian bagi memastikan calon yang berjaya mengikuti kursus perguruan ini termasuk kursus-kursus yang melibatkan pendidikan pra-sekolah, dan pilihan adalah supaya jaminan yang terdiri daripada mereka yang benar-benar berkelayakan.

Antara peringkat ujian tersebut adalah:

- (i) MTEST dengan izin *Malaysian Teacher Selection Test* yang merangkumi kemahiran verbal, kuantitatif dan analytical;
- (ii) INSAK iaitu Inventori Sahsiah Keguruan yang mengandungi unsur-unsur kemahiran berfikir, kreatif, dan kritis; dan
- (iii) tapisan kedua adalah temu duga. Panel temu duga sekali lagi akan menilai aspek kemahiran kreatif, komunikasi, sahsiah dan tahap pengetahuan calon agar mereka yang terpilih nanti adalah calon yang benar-benar layak.

Guru-guru pelatih yang mengikut latihan ini akan diberi penekanan kepada subjek atau *content knowledge* dengan izin serta kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi elemen kemahiran berfikir, kreatif, inovasi dan kemahiran berkomunikasi. Penekanan kepada elemen-elemen tersebut adalah untuk memastikan apabila mereka bertugas sebagai guru kelak akan benar-benar *confident* dan berkualiti, terima kasih.

Tuan Chiw Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, soalan saya adakah kerajaan bercadang untuk menyeragamkan kurikulum pra-sekolah memandangkan terlalu banyak kementerian dan agensi terlibat dalam pembangunan dan pengurusan pra-sekolah? Contohnya seperti FELDA, FELCRA, RISDA, KEMAS, Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara dan lain-lain lagi, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran berpandangan bahawa dalam memberikan kemudahan pendidikan pra-sekolah, semua tadika dan pra-sekolah juga mempunyai peranan yang tersendiri.

Namun demikian semua pra-sekolah tidak kira tajaan kerajaan ataupun bukan kerajaan (secara swasta), secara wajib perlu menjalankan kurikulum pra-sekolah kebangsaan yang sama dan ini pun telah dilaksanakan sejak tahun 2003. Sekiranya ada kurikulum tambahan yang ingin dilaksanakan oleh agensi-agensi berkenaan mereka sebelum itu perlulah memaklumkan kepada pihak Kementerian Pelajaran, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya adalah adakah kementerian sedar bahawa buat masa ini ada guru pra yang berijazah tetapi tidak pula digunakan kepakarannya ini di sebabkan oleh taburan penempatan guru yang tidak seimbang dan bagaimana kementerian mengatasi masalah ini supaya tenaga mahir seperti ini tidak terbuang begitu sahaja, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan penempatan guru manakala pokok soalan ini berkaitan dengan pendidikan. *Philosophy* di Kementerian Pelajaran penempatan guru itu secara satunya, kita ikut keperluan guru itu sendiri, dari segi keperluan guru dan kemudiannya kita akan ikut bidang pengkhususan. Itu adalah *philosophy* yang diamalkan oleh Kementerian Pelajaran, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kementerian ambil maklum mengenai perkara yang mungkin merupakan satu kerugian ini, orang yang tahu tetapi tidak digunakan, itu Yang Berhormat hendak dengar.

Puan Komala Devi: Kementerian akan cuba sedaya upaya untuk memaksimumkan potensi guru-guru dan juga kelayakan yang sedia ada, terima kasih Yang Berhormat.

10. Puan Wan Ubaidah binti Omar minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk mendidik rakyat supaya mengamalkan gaya hidup yang sihat. Apakah Kementerian memberi penekanan dan galakan kepada '*preventive medical practice*' dan apakah kejayaan utama setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan telah melaksanakan usaha mendidik masyarakat tentang kesihatan menerusi program Kempen Cara Hidup Sihat.

Objektif kempen ini adalah untuk mempromosikan kesihatan serta menggalakkan rakyat supaya mereka dapat meningkatkan usaha untuk mencegah penyakit-penyakit yang berkaitan amalan cara hidup yang tidak sihat.

Kumpulan sasaran Kempen Cara Hidup Sihat secara umumnya merangkumi semua golongan sama ada di bandar dan di luar bandar. Kementerian Kesihatan menggunakan dua pendekatan dalam menghebahkan mesej-mesej kempen ini kepada kumpulan sasaran.

Pendekatan pertama adalah berbentuk massa media yang melibatkan iklan-iklan di radio, televisyen, *bill board*, poster, risalah dan juga media pengiklanan lain. Mesej-mesej penting

yang diberikan tumpuan adalah pemakanan secara sihat, melakukan aktiviti fizikal, tidak merokok, memupuk minda sihat dan sihat tanpa alkohol di samping penyakit berjangkit dan tidak berjangkit mengikut masalah semasa yang di hadapi.

Pendekatan kedua adalah berbentuk komunikasi interpersonal yang melibatkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan melalui sesi ceramah, dialog, kem kesihatan, karnival kesihatan, pameran kesihatan dan bentuk pendidikan-pendidikan kesihatan lain yang dirasakan sesuai bagi satu-satu tempat dan kumpulan sasar, sekian.

■ 1050

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad dan kemudian Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapakah orang doktor yang terlibat dalam usaha-usaha pencegahan ini dan mengapakah wujud perbezaan gred gaji di antara doktor klinikal dan doktor yang terlibat dalam usaha-usaha kempen pencegahan.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan bilangan doktor yang terlibat dalam usaha ini, kita ada satu angka yang spesifik tetapi dengan keseluruhannya. Yang pentingnya adalah kita mesti ada satu rancangan di mana kita adakan program ini melalui kerjasama kakitangan kita juga seperti jururawat dan pegawai-pegawai yang lain, tidak semestinya doktor. Kadang-kadang pegawai-pegawai kita yang bukan doktor ini, mereka boleh adakan program kesihatan juga di mana mereka boleh bergabung dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja di peringkat akar umbi. Sekian.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah untuk menggalakkan gaya hidup sihat ini juga ialah melalui kawalan-kawalan terhadap iklan-iklan seperti rokok, arak, *fast food* dan sebagainya, tetapi mengapakah dalam melaksanakan untuk mengawal iklan-iklan seperti ini, kementerian sering mengalah dengan pengiklan-pengiklan? Satu lagi ialah apakah kementerian tidak berhasrat untuk menggalakkan senam aerobik di waktu malam selepas waktu pejabat di tempat-tempat seperti di hadapan KLCC dan sebagainya.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan iklan-iklan yang dikatakan tadi, kalau kita lihat dari segi rokok, kita telah mengharamkan iklan-iklan rokok di mana-mana tempat. Ini adalah di bawah *Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)*, di mana kita sudah tidak nampak lagi iklan-iklan rokok atau tajaan oleh rokok. Dulu kita ada sukan yang ditaja oleh pengilang rokok, sekarang kita tidak benarkan lagi. Dulu kalau kita nampak F1 ada pengiklanan rokok, sekarang kita sudah tidak benarkan lagi.

Berkaitan dengan *fast food*, kita tengah mewujudkan satu kaedah di mana kita akan cuba untuk mengurangkan atau mengharamkan pengiklanan pada waktu program kanak-kanak supaya mereka tidak dipengaruhi oleh iklan-iklan ini. Sekian.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk menyenaraikan makanan-makanan sihat bagi memberi perbezaan di antara *junk food* dengan izin, yang banyak di pasaran sekarang?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan cadangan yang dikatakan tadi, kementerian memang mengalu-alukan cadangan begitu iaitu kita akan mewujudkan satu logo seperti "*Healthy Food*" di mana kita akan memberi sesuatu atau syarat-syarat seperti kandungan minyak, kandungan garam, gula dan sebagainya. Jikalau kita rasa mereka telah dapat memenuhi syarat-syarat Kementerian Kesihatan, bermakna kita boleh bagi mereka gunakan logo "*Healthy Food*" ini supaya pelanggan (*consumer*) dapat memilih makanan mereka dengan lebih bijak lagi. Sekian.

11. Datuk Latiff bin Datuk Haji Thamby Chik minta Perdana Menteri menyatakan untuk meneliti akan rasional cadangan menaikkan kos mengerjakan haji memandangkan kenaikan harga minyak janganlah dijadikan alasan bagi tujuan tersebut. Kenaikan kos akan hanya membebaskan umat Islam bagi mengerjakan ibadat rukun Islam yang ke lima tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kos Wang Perbelanjaan Haji (WPH) bukan sahaja merangkumi tambang kapal terbang. Ianya merangkumi beberapa komponen yang besar seperti berikut:

- (i) penginapan dan makanan di Tanah Suci. Jadi ia bukanlah maksud seperti soalan ditanya oleh Yang Berhormat tadi hanya minyak;
- (ii) tambang kapal terbang; dan
- (iii) bayaran-bayaran wajib kepada pihak berkuasa tempatan di Arab Saudi seperti bayaran khemah di Arafah, Mina, bayaran Muassasah, bayaran di kenderaan di Tanah Suci dan bayaran-bayaran lain.

Tabung Haji sudah mengkaji kos sebenar perbelanjaan haji dengan mengambil kira faktor-faktor yang menyumbang kepada kenaikan seperti berikut:

- (i) kadar sewa rumah di Mekah dan Madinah yang meningkat di antara 15% hingga 20%; dan
- (ii) tambang kapal terbang yang meningkat sebanyak 27%.

Selain daripada itu, bayaran-bayaran lain juga perlu dijelaskan untuk mendapat perkhidmatan yang terbaik semasa jemaah haji berada di Tanah Suci. Oleh kerana kita hendak beri perkhidmatan yang terbaik, kita kena tambah bayaran-bayaran tertentu, Tuan Yang di-Pertua.

Tabung Haji telah tidak menaikkan wang perbelanjaan haji ini sejak musim haji 2001 atau tahun 1422 Hijrah sehingga 2006 yang lalu iaitu 1427 Hijrah. Bahkan semenjak 2006 yang lalu, Tabung Haji telah beri diskaun sebanyak 5% walaupun kenaikan berlaku sama ada dari segi aspek penyewaan rumah di Mekah dan Madinah atau kos pengangkutan.

Kos Wang Perbelanjaan Haji bagi negara-negara jiran sudah jauh berbeza dengan kos Wang Perbelanjaan Haji di negara kita atau dengan erti kata yang lain kos perbelanjaan bagi negara-negara jiran kita telah naik lebih jauh daripada kita, tetapi kita tetap dengan kedudukan yang sama.

Persoalannya sekarang, wajarkah Wang Perbelanjaan Haji ini ditanggung oleh Tabung Haji semata-mata, sedangkan haji itu hanya diwajibkan kepada mereka yang berkemampuan sahaja? Inilah yang menjadi persoalan kepada kita, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: *[Bangun]*

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan kemudian Yang Berhormat Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak beri peluang kepada wanita dulu. Takut soalan bercanggah nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Itu boleh tapi keputusan muktamadnya dari saya.
[Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah untuk menggalakkan rakyat Malaysia ini menunaikan haji, apakah tidak ada cadangan iaitu menggunakan KWSP untuk memberi kemudahan menunaikan haji dari kita menaikkan tambang dan juga pinjaman di bank. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa rukun haji adalah rukun yang kelima. Yakni kalau mampu barulah kita boleh pergi, jadi takkanlah kita hendak pinjam-meminjam. Kita sudah memberi kelonggaran itu, itu satu. Yang kedua, saya juga ingin memberitahu bahawa dalam pendeposit Tabung Haji sekarang ini kita ada akses, 200 ribu lebih Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang sedang menunggu pun belum dapat kita selesaikan kerana kuota yang ditetapkan kepada negara-negara Islam. Jadi kalau kita bagi peluang seperti itu lagi, sudah tentulah ia akan menimbulkan perkara yang lain pula, iaitu mengapa kita tidak boleh pergi haji walaupun kita sudah boleh pinjam dan sebagainya. Jadi kita selesaikan satu persatulah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah mengenai adanya saranan supaya Tabung Haji ini menyediakan skim pinjaman yang menjadi pertelingkahan di antara mufti-mufti pada dua, tiga hari yang lepas. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Jadi macam yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini kita tidak ada lagi bagi kelonggaran untuk pinjam dan sebagainya. Setakat inilah.

12. Datuk Soon Tian Szu minta Menteri Kesihatan menyatakan dua buah persatuan pengguna baru-baru ini mendesak kerajaan mengenakan cukai jualan yang lebih tinggi supaya sekotak rokok 20 batang yang dijual di negara ini berharga sekurang-kurangnya RM10.00, adakah cadangan ini dapat mengurangkan orang ramai daripada berhenti merokok.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, langkah percukaian dan kawalan harga merupakan salah satu strategi penting dalam mengurangkan penggunaan rokok dan ianya terbukti berkesan.

Laporan yang diterbitkan oleh Bank Dunia juga menyatakan peningkatan harga rokok di mana peningkatan harga sekotak rokok sehingga 10% akan dapat mengurangkan penggunaan rokok di antara empat hingga lapan peratus bergantung kepada latar belakang sosioekonomi seseorang perokok.

Sebagai kawalan harga rokok yang efektif, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mencadangkan agar cukai rokok ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 65% daripada harga runcit rokok. Malaysia pada masa ini, nilai cukai ke atas sekotak rokok 20 batang adalah sekitar RM3 ringgit iaitu secara puratanya merupakan 40% dari harga runcit rokok.

■ 1100

Selain itu, penetapan harga minimum rokok juga merupakan salah satu langkah yang boleh mengawal harga rokok di pasaran. Penetapan harga minimum bermakna rokok-rokok tidak lagi boleh dijual di bawah paras harga minimum yang ditetapkan dan ia bertujuan untuk mengawal lambakan rokok yang terlalu murah di pasaran. Kedua-dua langkah tersebut iaitu peningkatan percukaian dan penetapan harga minimum rokok akan mengurangkan permintaan terhadap rokok terutamanya di kalangan remaja. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Soon Tian Szu kemudian Datuk Wira Syed Ali dan kemudian Dato' Hajah Saripah Aminah.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, setakat ini sejauh manakah pihak kerajaan adakan kempen ataupun hasil kempen khasnya kepada kempen Tak Nak Merokok? Sekian. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat, berkaitan dengan keberkesanan Tak Nak, kempen yang kita jalankan ini kita dapati bahawa ia disambut baik oleh orang ramai. Daripada kajian yang kita jalankan kita dapati lebih kurang 70% daripada kalangan rakyat mereka

tahu apa itu kempen Tak Nak. Cuma kita kena jelas kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan dengan keburukan merokok.

Tetapi ia tidak bertujuan untuk mengurangkan perokok kerana ia adalah dua kempen yang berbeza kerana pada masa tahun 2004 kita adakan kempen Tak Nak ini ia hanya ada satu kempen media massa iaitu meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan dengan keburukan merokok. Sekarang kita akan jalankan kempen seterusnya di mana kita akan mengadakan program akar umbi di mana kita akan mengurangkan permintaan rokok daripada orang ramai. Sekian.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana kempen dan juga orang ramai masih lagi menghisap rokok, tidakkah kerajaan bercadang setelah melihat berbagai-bagai-bagai penyakit yang berlaku kepada orang ramai bercadang untuk mengharamkan penghisapan rokok? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk mengharamkan rokok ini memang adalah satu cadangan yang senang tetapi bukan senang dijalankan. Kita pada masa sekarang lebih tertumpu pada pendidikan supaya rakyat kita faham berkaitan dengan keburukan menghisap rokok. Jikalau kita ada cadangan untuk mengharamkannya, kita juga kena tengok berkaitan dengan praktis negara-negara lain. Tidak salah saya di dunia ini tidak ada banyak negara yang telah mengharamkan rokok dan jikalau kita jalankan praktis ini saya rasa kita akan menghadapi cabaran yang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah bin Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kementerian berapakah kementerian telah berbelanja bagi kempen Tak Nak ini? Berbaloi kah dengan 70% yang tahu bahawasanya rokok itu tidak bagus tetapi masih juga merokok?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Pada mulanya melalui kempen Tak Nak ini kita telah merancang untuk membelanjakan sebanyak RM100 juta iaitu RM20 juta setiap tahun untuk lima tahun berturut-turut. Tetapi selepas tahun pertama kita telah gunakan duit RM20 juta ini kita agihkan di mana RM10 juta adalah untuk iklan dan RM10 juta kita akan gunakan untuk projek-projek akar umbi. Walaupun kita nampak RM20 juta ini adalah satu angka yang besar tetapi kalau dibandingkan dengan peruntukan yang diberikan oleh pengilang-pengilang rokok untuk iklan dan untuk aktiviti-aktiviti untuk menggalakkan rakyat menghisap rokok ini, ia adalah jauh lebih besar iaitu kalau tidak salah saya ia dianggarkan lebih daripada 60 juta setiap tahun. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz binti Md Nawi.

13. Puan Mumtaz binti Md Naw minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan jumlah dan bilangan penuntut yang diberikan biasiswa dan pinjaman oleh kerajaan kepada penuntut yang menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah untuk tempoh 2001 -2007.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai golongan profesional dalam pelbagai bidang yang menjadi teras untuk pembangunan negara. Kerajaan sentiasa menyediakan ruang dan peluang khususnya kepada penuntut yang cemerlang dalam akademiknya untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah universiti dalam dan luar negara. Namun demikian, pada amalnya biasiswa kerajaan bagi peringkat Sarjana dan PhD banyak tertumpu pada peningkatan profesional pegawai dalam perkhidmatan. Beberapa agensi yang menawarkan biasiswa khusus untuk pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan tertentu misalnya, kerajaan di universiti adalah kepada pensyarah-pensyarah.

Kementerian Pelajaran Malaysia kepada pegawai perkhidmatan pendidikan dan JPA membiayai pegawai-pegawai selain dua skim perkhidmatan tersebut. Hanya beberapa agensi termasuk JPA, MARA dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun MOSTI yang menawarkan biasiswa dan pinjaman di peringkat ijazah lanjutan yang terbuka kepada pelajar yang tidak terikat kepada mana-mana perkhidmatan. Bagi pegawai kerajaan yang diberikan biasiswa melalui JPA dan MOSTI mulai tahun 2001 ialah sebanyak 4,903 orang penuntut telah diberikan biasiswa untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana dan 988 pula di peringkat PhD.

Penekanan diberikan kepada pegawai dalam perkhidmatan di mana daripada jumlah tersebut seramai 2,367 orang pegawai mengikuti program peringkat sarjana dan 529 orang pegawai lagi di peringkat PhD. Program-program pembiayaan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pegawai awam dalam bidang dan profesion masing-masing di samping memperbagaikan usaha penyelidikan dan pembangunan ataupun R & D dengan izin. Sedangkan bakinya 2,536 orang penuntut di peringkat sarjana dan 459 orang di peringkat PHD adalah penuntut yang bukan pegawai yang sedang berkhidmat yang melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang kepakaran.

Bagi pensyarah IPTA pula, tajaan dibuat oleh JPA dan Kementerian Pengajian Tinggi bermula pada tahun 2001 hingga sekarang dan jumlahnya mencecah 1,952 orang di peringkat sarjana dan 2,318 orang di peringkat PhD. Pembiayaan ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang tahun 2010.

Selain tajaan dari kerajaan terdapat juga agensi-agensi berkenaan yang berperanan dalam memberi tajaan kepada penuntut-penuntut cemerlang untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan sama ada di universiti dalam ataupun di luar negara. Jumlah tajaan ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa memberi komitmen untuk menyediakan peluang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan kedoktoran bagi calon-calon yang sesuai dan

berkelayakan selepas mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz dan kemudian Puan Heng Seai Kie.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■ 1110

Soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai polisi untuk memastikan semua bidang diberi perhatian dan mempunyai pelajar yang mengambil bahagian sarjana dan PhD bagi memastikan ianya mengikut keperluan dan keseimbangan kepakaran bidang masing-masing.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kementerian saya ini iaitu Kementerian Pengajian Tinggi hanya merupakan salah satu agensi yang menawarkan kemudahan yang dimaksudkan bukannya KPT ataupun Kementerian Pengajian Tinggi sahaja yang menawarkan biasiswa ataupun pinjaman dan untuk menjawab soalan Yang Berhormat sesungguhnya pihak kerajaan sememangnya memberikan tumpuan kepada semua bidang dan tiada sebarang pilih kasih, ini yang saya hendak jelaskan. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah daripada jumlah dan bilangan penuntut yang diberikan biasiswa dan pinjaman ini, apakah komposisinya dari segi jantina dan apakah pula punca wujudnya ketidakseimbangan ini? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Heng Seai Kie walaupun apa yang ada pada saya, perangkaan yang saya sebutkan tadi hanya merupakan perangkaan yang pihak kementerian saya menerima dengan kerjasama misal kata pihak MOSTI dan juga JPA. Ada juga agensi kerajaan yang lain termasuk juga GLC dengan izin yang setakat ini belum saya dapat maklumat yang menyeluruh. Jadi saya khuatir saya tidak dapat menjawab apa yang dibangkitkan Yang Berhormat secara khusus mengikut jantina. Saya minta maaf.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada satu ketika dulu Yang Berhormat, peminjam-peminjam PTPTN yang berjaya mencapai *first class honours*, dengan izin diberi peluang memohon pelepasan daripada pembayaran balik. Tetapi kemudahan ini telah ditarik balik oleh kementerian. Saya ingin tahu apakah sebabnya? Tidakkah kita hendak beri insentif kepada pelajar-pelajar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini di persempadanan, *borderline*.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau *first class* kemungkinan mereka lanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana nanti. Saya benarkan.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan yang sama pernah dibangkitkan oleh orang ramai khususnya mereka yang terbabit dalam kategori yang dimaksudkan Yang Berhormat dan untuk makluman Dewan yang mulia ini mulai bulan Julai

tahun 2005, apa yang kita istilahkan sebagai pinjaman PTPTN boleh ubah yang dikhususkan kepada mereka yang berprestasi cemerlang khususnya mereka yang mendapat *first class honours* dengan izin. Sebelum tarikh yang saya sebut itu adalah dikecualikan daripada membayar balik pinjaman. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat sesungguhnya perubahan yang terpaksa dibuat oleh PTPTN adalah disebabkan oleh semakin banyak pinjaman yang tidak dijelaskan. Ini juga akan kita sentuh dalam pembentangan Akta Pindaan PTPTN nanti. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, kalau hendak bangun tolong bagi bunyi apa-apa sedikit ketuk pensel ke apakah.

14. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adanya sebarang cadangan untuk mendirikan 'Gimnasium Rakyat' secara percuma bagi setiap bandar supaya masyarakat setempat menjaga kesihatan dengan sempurna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:
Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan gimnasium rakyat semenjak tahun 1989. Sehingga kini terdapat 78 buah gimnasium rakyat yang aktif yang diwujudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Selain daripada ibu negeri-ibu negeri, daerah, gimnasium rakyat juga telah diwujudkan di semua Kompleks Belia dan Sukan negeri dan 11 buah gimnasium di Institut Kemahiran Belia Negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan yuran, memang gimnasium rakyat Kementerian Belia dan Sukan meletakkan sedikit yuran penggunaan kepada pengguna-pengguna gimnasium rakyat iaitu RM0.50 sehari hingga RM2.00 dan kalau sekiranya pengguna itu terlalu miskin dan tidak mampu membayar yuran tersebut, mereka boleh berbincang dengan wakil rakyat tempatan untuk mendapat pengesahan berkenaan dengan kemiskinan mereka dan ia akan diberi secara percuma. Terima kasih.

15. Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah pekerja asing mengikut warganegara yang terlibat dalam kes-kes jenayah seperti rogol, bunuh, penculikan, peras ugut dan sebagainya.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:
Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dari statistik PDRM bagi tempoh Januari hingga Mac tahun 2007, sebanyak 947 kes jenayah indeks yang telah dilaporkan melibatkan warganegara asing.

Warganegara Asing\ Kes	Bunuh	Rogol	Pemerasan	Ugutan Jenayah
Indonesia	10	16	7	10
Filipina	5	7	2	20
Myanmar	2	1	0	6

Vietnam	2	0	0	7
Bangladesh	1	0	0	1
Pakistan	0	0	1	0
Thailand	0	0	0	1
Jumlah	20	24	10	45

Walau bagaimanapun PDRM mendapati penjenayah-penjenayah warga asing sering terlibat dalam jenayah-jenayah seperti kes samun tanpa senjata api iaitu di mana 118 kes telah dilaporkan dan kes curi sebanyak 318 kes. Terima kasih.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adalah jelas terlalu ramai warga asing di negara kita sehingga boleh menimbulkan kecemasan di sesetengah tempat. Soalan saya adakah benar kita terlalu banyak berkompromi dalam soal keselamatan negara dengan pengambilan ataupun penggunaan pekerja asing di lapangan terbang dan di pintu masuk negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan terkeluar. Diperluaskan daripada statistik jenayah yang dikaitkan dengan warga asing dengan soal dasar, pengambilan pekerja asing dengan pertanyaan berkenaan keselamatan.

16. Tuan Ir. Hiang A Li minta Menteri Pengangkutan menyatakan pemberian mata demerit Sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) yang diperkenalkan pada tahun 1997 diakui oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mempunyai kelemahan. Apakah langkah-langkah mengatasi kelemahan itu kerana sejak diperkenalkan berapakah jumlah pesalah trafik yang dipotong mata demerit atau digantung atau ditarik balik lesen memandu mereka.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sedar bahawa sistem Kejora mempunyai kelemahan dan ianya perlu dikaji bagi meningkatkan keberkesanan khususnya dari segi peruntukan perundangan yang sedia ada. Kementerian Pengangkutan melalui JPJ sedang mengkaji semua sistem Kejora secara keseluruhannya yang meliputi penelitian terhadap peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan juga peruntukan-peruntukan di bawah kaedah kenderaan motor (mata demerit 1997). Antara skop yang diberi perhatian adalah merangkumi:

- (i) menambahkan jenis-jenis kesalahan-kesalahan berjadual dan mata demerit yang diberikan;
- (ii) memasukkan peruntukan-peruntukan baru demi mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan terhadap mereka yang melakukan kesalahan di bawah kesalahan berjadual; dan

- (iii) mengemaskinikan tatacara serta sistem dan prosedur pelaksanaan penguatkuasaan akta dan peraturan berkaitan.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, semenjak pelaksanaan Sistem KEJARA sebanyak 320,655 notis tunjuk sebab ke atas pemegang lesen memandu kompeten (CDL) telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 23,059 lesen memandu telah digantung. Pada masa yang sama sebanyak 16,997 notis yang sama telah dikeluarkan ke atas pemegang lesen memandu percubaan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 6,382 lesen telah dibatalkan.

Dalam tempoh yang sama sebanyak 280,000 pemegang lesen memandu telah mendapat pengurangan mata *demerit* sebanyak tujuh mata kerana tidak melakukan apa-apa kesalahan terjadual dalam tempoh 24 bulan berturut-turut di bawah kaedah-kaedah kenderaan motor mata *demerit* 1997.

Tuan Yang di-Pertua: Kerajaan menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Dewan ini. [*Tepuk*] Tuan Ir. Hiang A Li, kemudian Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat memberi jawapan. Memandangkan masih wujud kelemahan dalam sistem sedia ada, adakah kementerian bercadang supaya satu sistem baru untuk menggantikan sistem yang sedia ada ini. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita nampak ada kelemahan pada sistem kita yang ada sekarang, tapi kalau kita lihat dari angka-angka tadi ia memang satu kaedah yang boleh kita gunakan untuk beri satu kaedah mengatasi masalah keselamatan jalan raya dan mengurangkan kemalangan di jalan raya. Jadi kita tidak bercadang untuk menukar Sistem KEJARA kepada sistem yang baru. Cuma kita hendak memperbaikinya di mana kelemahan-kelemahan yang ada tadi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah Sistem KEJARA menampakkan ketidakmampuan untuk mengatasi masalah jalan raya ini. Saya ingin bertanya apakah kita tidak berhasrat meminjam sistem yang ada di barat iaitu kalau melakukan tiga kali kesalahan, apa saja kesalahan jalan raya, automatik lesennya itu digantung ataupun dibatalkan supaya lebih ketat sistem itu sebenarnya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian sekarang sedang meneliti kaedah-kaedah yang akan diambil untuk menentukan bahawa usaha kita untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya akan berkesan. Satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membuat beberapa keputusan dan keputusan-keputusan tersebut antaranya ialah untuk menimbang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi sama ada kita hendak menjalankan itu terpulang kepada jawatankuasa untuk menimbang dan tidak lama lagi kita

mungkin akan menggubal Akta Jabatan Pengangkutan Jalan atau JPJ untuk memasukkan pelbagai tindakan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat telah dapat paparkan betapa masa pertanyaan ini *goldmine of information* mengenai *state of the nation* dalam pelbagai isu. Saya pun hairan mengapa media massa mencari di tempat lain sedangkan di sini *goldmine of information*. *What's going on?* Tuan Tan Bon You.

17. Tuan Tan Bon You minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kajian mengenai kesan kepada alam sekitar dijalankan sebelum sesuatu jalan raya/lebuhraya dibina bagi memastikan gangguan yang minimum berlaku ke atas alam sekitar, kehidupan liar dan kehijauan keseluruhannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian mengenai kesan kepada alam sekitar dijalankan dalam dua peringkat sebelum sesuatu jalan raya atau lebuhraya dibina bagi memastikan gangguan yang minimum berlaku ke atas alam sekitar, hidupan liar dan kehijauan keseluruhannya. Peringkat pertama merupakan kajian awalan kesan alam sekitar yang diluluskan di peringkat perancangan sesuatu projek. Peringkat yang kedua adalah laporan kajian penilaian kesan alam sekitar yang lengkap dengan pelan mitigasi yang perlu dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk kelulusan sebelum kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan.

Laporan kajian alam sekitar ini merupakan sebahagian daripada syarat yang termaktub dalam setiap dokumen perjanjian jalan raya atau konsesi lebuhraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia sentiasa memantau patuhan pelaksanaan pelan mitigasi kajian alam sekitar bagi setiap projek yang sedang dalam peringkat pembinaan. Syarikat-syarikat konsesi juga dikehendaki mengemukakan laporan pemantauan alam sekitar pada setiap 10 tahun. Sekian.

18. Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa buah sekolah di kawasan luar bandar akan dapat menikmati bekalan elektrik dan air bersih. Sekiranya belum dilaksanakan bilakah akan dilaksanakan dan jumlah sekolah yang mendapat kemudahan tersebut. Pada masa ini bekalan elektrik, bekalan air dan talian telefon di beberapa buah sekolah di luar bandar masih belum mendapat kemudahan sewajarnya terutama di negeri Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan projek bekalan elektrik alternatif akan dilaksanakan bagi sekolah-sekolah yang tidak dapat disambung dengan talian grid awam dan bagi sekolah-sekolah yang tidak dapat disambung dengan sistem retikulasi air awam akan dibekalkan dengan pejabat bekalan air bersih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 290 buah sekolah akan dibekalkan dengan air bersih manakala 798 buah sekolah akan dibekalkan dengan bekalan elektrik alternatif. Terima kasih.

19. Tuan Tay Puay Chuan minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mencegah secara berkesan agar banjir secara besar-besaran tidak lagi melanda negeri Johor dan negeri yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan pengairan dan saliran telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kejadian banjir dan kesannya kepada negara yang melibatkan langkah-langkah struktur dan bukan struktur.

Langkah-langkah struktur termasuklah pembinaan empangan-empangan dan kolam takungan banjir dan kerja-kerja memperbaiki keadaan sungai seperti melebar, mendalam, melencong serta membina ban-ban di tebing bagi mengalirkan keluar lebih air hujan. Kerja-kerja tersebut dilaksanakan melalui Program Tebatan Banjir di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM3.83 bilion telah diperuntukkan untuk menjalankan kerja-kerja tersebut dan tidak termasuk permohonan perbelanjaan tambahan bagi negeri Johor.

Langkah-langkah bukan struktur pula terdiri daripada penyediaan Pelan Induk Tebatan Banjir melalui kajian tertentu, penyediaan garis panduan pengurusan sungai dan manual saliran mesra alam untuk diterima pakai oleh sektor awam dan swasta dengan tujuan kawalan banjir pada punca, *control at source* dengan izin. Sistem ramalan dan juga amaran banjir dan program peningkatan kesedaran awam melalui program-program seperti Cintailah Sungai Kita dan satu sungai sebuah negeri. Terima kasih.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Adakah kementerian bercadang untuk menyemak semula keputusan ataupun dasar yang dibuat selama ini iaitu menyerahkan usaha penyelenggaraan ataupun *maintenance* dengan izin kepada ketua kampung untuk tugas-tugas pembersihan parit-parit kecil dan sungai-sungai kecil. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Kita belum lagi bercadang untuk membuat semakan semula, tapi apa yang dicadangkan itu boleh saya ketengahkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain yang pada mulanya saya tak mahu beri peluang sebab sudah banyak dah, tapi sebab orang Johor bolehlah. Silakan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya lebih kurang walau bagaimanapun izinkan saya. Sungai adalah antara punca penyebabnya banjir. Jadi adakah pihak kementerian dapat menyatakan berapa tahun sekalikah kajian dibuat ke atas mendalamkan sungai-sungai. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kajian dibuat dari masa ke semasa melibatkan keadaan tertentu. Seperti yang berlaku di Johor baru-baru ini adalah dalam keadaan yang amat luar biasa sekali, tidak pernah berlaku. Di mana kerajaan tidak menjangkakan ia boleh berlaku. Jadi perkara-perkara seperti ini memerlukan kajian yang agak

cepat. Jadi sebab itulah pihak EPU sedang menyediakan kertas kerja, di mana JPS juga sebagai salah satu panel dalam kertas kajian tersebut yang melihat bagaimana sama ada kita kena gali sungai baru, hendak kena mendalamkan sungai baru dan empangan dan sebagainya.

■ 1130

Jadi ini kita buat sekurang-kurangnya lima tahun sekali, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang kita dapat saksikan betapa ahli anggota barisan kerajaan lari masuk untuk menjawab kerana mahu *accountable*, maka gunakanlah peluang masa pertanyaan ini untuk mencungkil akauntabiliti tersebut dan bukan untuk *posturing* dan *politicking*.
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah di atas kepintaran dan *attentiveness* Tuan Yang di-Pertua.

20. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bilakah Malaysia dapat menjadi negara yang mencukupi dalam keperluan hasil pertanian seperti beras, daging, susu, sayur, ikan, dan lain-lain. Apakah bahan pertanian yang masih tidak mencukupi dalam jangka masa 5-10 tahun akan datang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, nampak juga tadi. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan, telah menetapkan sasaran pencapaian tahap sara diri yang spesifik bagi sepuluh komoditi pertama menjelang tahun 2010. Daripada sasaran tersebut enam komoditi iaitu sayuran, buah-buahan, ikan, daging, ayam dan itik, daging babi dan telur telah mencapai tahap sara diri 100%. Manakala tahap sara diri bagi tiga komoditi iaitu beras, daging lembu dan daging kambing masih belum mencapai sasarannya.

Kementerian ini yakin bahawa dengan usaha dan kesungguhan semua pihak yang terlibat, tahap sara diri bagi komoditi yang boleh dihasilkan oleh negara akan dapat ditingkatkan menjelang tahun 2010 di mana pengeluaran bahan makanan akan mencukupi bagi menampung permintaan dalam negara termasuk untuk tujuan pemprosesan industri asas tani dan juga eksport. Namun demikian, pengeluaran beras, daging lembu, dan daging kambing masih tidak mencukupi dan akan bergantung kepada pengimportan. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah rancangan kerajaan bagi menambah tahap sara diri bagi barang-barang keperluan seperti beras, daging lembu, dan daging kambing.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi telah menjawab dan kita sebenarnya semua itu disasarkan kita memanglah kepada 100% iaitu sekurang-kurangnya kita cukup untuk kegunaan sendiri dan selebihnya untuk dieksportkan. Tetapi buat masa ini daging lembu hanya 28% yang kita dapat capai setakat Rancangan

Malaysia Kesembilan, daging kambing hanya 10%, dan yang lain-lainnya khasnya susu juga hanya 5%. Jadi yang lainnya sudah melebihi seperti yang saya nyatakan tadi, terima kasih.

21. Tuan Lee Chee Keong minta Menteri Pelajaran menyatakan kriteria-kriteria pemilihan penawaran susu lembu dalam Rancangan Makanan Tambahan Susu Berperisa dan nama-nama syarikat yang berjaya mendapat tender dengan sebut harga masing-masing pada tahun 2005 dan 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, kriteria pemilihan pembekalan dilaksanakan melalui tender terbuka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang mendapat tender bagi tahun 2005 dan 2006 adalah Kart Food Industri Sdn. Bhd dengan harga 82.5 sen sekotak, Amir Ent. - 82.5 sekotak, Perdagangan Mufaz Sdn. Bhd. Ent - 82.5 sen sekotak, Harta Wajah Gemilang Malaysia Sdn. Bhd - 83 sen sekotak, RHD Marketing Sdn. Bhd -78 sen sekotak, Sarasotaz Sdn. Bhd - 80 sen sekotak, AGT Ent. - 78 sen sekotak, Ehsan Dagang Sdn. Bhd 78 sekotak dan Wawasan Ikrar Sdn. Bhd. - 70 sen sekotak, terima kasih.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak silap saya harga-harga yang disebut itu nampaknya lebih tinggi daripada tahun-tahun yang lepas. Tetapi apa yang saya nampak sekarang ini, empat lima kali berlakunya keracunan susu berperisa, apakah sebabnya. Nampaknya kementerian agak lembap, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa keracunan makanan dan juga susu memang berlaku dari masa ke semasa. Namun demikian, di kementerian kami mengambil semua *precaution* dengan izin kalau boleh dan dari segi kantin pun semua pengurus kantin, mereka dikehendaki untuk pergi ke kursus sehari yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan. Kes-kes keracunan yang berjalan pada masa ini atau dengan izin *food poisoning* tidaklah begitu kerap dan sekiranya ada kotak-kotak yang dicemari oleh kuman seperti yang baru-baru ini berlaku di negeri Kelantan *this weekend* dengan izin, maka Jabatan Pelajaran Negeri akan tarik balik semua kotak dan pembekal akan diberi arahan untuk memberi bekalan yang baru, terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di dalam kes-kes di mana terdapatnya keracunan kepada makanan yang disediakan, adakah bukan sahaja bekalan itu ditarik balik, tetapi adakah kontrak yang diberikan kepada pembekal yang menjalankan kantin di sekolah-sekolah tarik balik.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, apabila satu kes keracunan makanan berlaku, Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Kesihatan akan turut melawat sekolah dan biasanya kantin itu akan ditutup selama dua minggu sehingga semua siasatan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan. Selagi Kementerian Kesihatan tidak memberikan *green light* dengan izin, kantin itu tidak boleh dibuka. Amalan buat masa ini adalah untuk pemilihan pengurus kantin dijalankan secara sebut harga yang akan dikemukakan kepada PPD ataupun Pejabat Pelajaran

Daerah dan biasanya kontrak ini adalah selama dua tahun dengan kemungkinan untuk dilanjutkan setahun lagi. Jadi secara 2+1. Tetapi selepas tiga tahun mereka kena juga mengemukakan sebut harga yang separuh dan pihak sekolah dan juga pihak PPD ada hak untuk memilih pengurus kantin yang baru, terima kasih.

22. Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan mengapakah kementerian memberikan kelulusan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk melupuskan hutan simpan kepada hutan biasa seluas 23,000 hektar di Lojing, hutan yang dikatakan miskin, contohnya tapak Majlis Sukan Negara, mengeluarkan balak pada tahun 2000 dan 2001 yang jumlah nilai jutaan ringgit. Persoalannya apakah kementerian meluluskan tanpa melihat asas-asas di tapak tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan tanah tinggi Lojing mempunyai keluasan keseluruhan sebanyak 32,216 hektar berada di ketinggian 1,400 meter dan bersuhu 16 darjah celsius. Kawasan ini bersempadan dengan kawasan tanah tinggi Cameron Highlands di Pahang dan juga di kawasan Simpang Pulai di Perak. Sebanyak 25 ribu hektar daripada kawasan Lojing tersebut telah diberi milik kepada badan-badan berkanun dan juga persendirian. Terdapat tiga kategori status tanah di tanah tinggi Lojing iaitu hutan simpan kekal Lojing yang meliputi kawasan seluas 13,063 hektar yang telah diwarta pada 11 Mei 1989.

Tanah jenis kedua ialah tanah milik kerajaan dan yang ketiga ialah tanah diberi milik. Di bawah Perlembagaan Persekutuan, Perkara 74(2) tanah adalah di dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu setiap negeri berkuasa membuat undang-undang dan merumuskan dasar-dasar berkaitan tanah dan juga hutan mereka. Dalam hal ini Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak pernah memberi kelulusan ataupun keizinan kepada kerajaan negeri Kelantan untuk melupuskan kawasan hutan simpan dan hutan simpan lojing tersebut yang masih berstatus hutan simpan keluasan yang asal. Apa yang berlaku ialah pembangunan yang tidak terancang, yang tidak terkawal dan kurang cerdik di tanah-tanah kerajaan dan tanah milik yang telah menyebabkan berlakunya hakisan dan penggondolan bukit secara berleluasa.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenapakah kerajaan atau kementerian tidak menggunakan kuasa yang ada dengan tegas untuk mengajar mereka yang tidak bertanggungjawab ini dan menjadikan satu peringatan kepada mereka yang berkepentingan tinggi masa akan datang. Adakah tidak mencukupi petugas-petugas dari pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, terima kasih.

■ 1140

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini bukan masalah tegas ke tidak tegas? Ini masalah cerdik ke tidak cerdik sahaja. Ini masalah kita sayang kepada alam sekitar ke tidak

sayang? Jadi apa yang berlaku di Lojing, nampak gayanya, pihak kerajaan negeri tidak berapa sayangnya.

Jadi, dari segi tegas, undang-undang yang kita ada, memang kita akan buat. Di bawah kementerian ini kita telah pun siapkan siasatan untuk lapan buah syarikat yang mencemari sungai-sungai. Sebab apa yang berlaku di tanah milik persendirian, kita tidak buat apa-apa kecuali kerajaan negeri boleh buat sesuatu. Di dalam tanah kita, kita boleh buat apa sahaja. Hendak gondolkan bukit ke, suka hati kitalah sebab Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai undang-undang untuk menyaman mereka yang buat macam itu. Yang boleh kita buat, yang kita buat sekarang inilah.

Hasil daripada menggondolkan bukit-bukit tersebut, masuklah tanah-tanah tersebut ke dalam sungai, kita ambil tindakan mencemarkan sungai. Yang dapat bala, orang Kota Bharu, orang Machang, orang Kuala Krai, banjir lumpur dan sebagainya. Jadi ini kita terikatlah. Maksudnya memang betul, Yang Berhormat Menteri di kementerian saya pun cakap, kita harimau yang kurang taring ataupun tak panjang sangat, tak tajam sangat. Kuasa ini banyak terletak di bawah kerajaan negeri, seperti hutan, tanah, semua sekali yang saya cakap tadi. Fasal petugas pun tidak menjadi masalah. Kita boleh letak seberapa ramai orang pun. Baru-baru ini petugas kita hendak masuk satu kawasan pun, kena letak senapang. Sebab kita tidak boleh masuk, *private property*. Apabila kita sudah bagi tanah-tanah tersebut kepada orang-orang asing ke, orang-orang bukan bumiputera ke, apa kita boleh buat?

Walaupun dari segi moralnya, etikanya memang tidak betul. Jadi saya berharaplah, bukan sahaja Kerajaan Negeri Kelantan, tetapi kerajaan-kerajaan negeri lain pun. Jangan kita ambil mudah, atau pun ambil tidak kisah berkenaan alam sekitar. Ini yang akan kita tinggalkan kepada generasi akan datang. Mereka akan sumpah kita kalau kita tidak tinggal benda yang elok-elok. Hendak minum air pun susah, hendak pergi hutan, hutan tidak ada. Jadi kita semua bertanggungjawab. Janganlah kita tunjukkan satu contoh yang tidak baik kepada generasi akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob. Saya membenarkan satu sahaja soalan tambahan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebahagian daripada soalan saya telah pun dijawab, tetapi sedikit sahaja saya mohon pandangan Yang Berhormat dari segi tidak ada kuasa ataupun kuku pihak kementerian. Satu lagi tentang kuasa-kuasa asing juga diberi hak untuk membuat kerja-kerja pembalakan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang kerja-kerja yang dibuat oleh syarikat-syarikat asing tentang pembalakan itu. Yang kedua, apakah pandangan Yang Berhormat tentang kita tidak ada kuku? Apa yang patut dibuat sekarang? Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengambil tindakan proaktif apabila kita dapati ia dilakukan secara tidak mengikut lunas undang-undang dan sebagainya, kita

ambil tindakan proaktif. Maksudnya, sekarang ini kita ada petugas-petugas yang menjaga kawasan-kawasan tanah tinggi di Lojing, Cameron Highland dan juga di Simpang Pulai secara bersepadu di bawah kementerian kita.

Maksudnya, kita tidak tumpukan mengikut sempadan negeri sahaja. Kalau dahulu, Kelantan jaga Kelantan, Pahang jaga Pahang, Perak jaga Perak, sekarang kita satukan untuk kawasan tanah tinggi. Itu yang pertama. Kita juga akan masukkan dalam senarai bersama di antara Persekutuan dengan negeri. Ini akan kita kemukakan kepada Kabinet dan selepas Kabinet supaya kita masukkan juga seperti penjagaan sungai, hutan, tanah dan sebagainya, supaya masuk senarai bersama.

Maksudnya Persekutuan pun mempunyai hak untuk menegur, untuk tidak membenarkan kerajaan-kerajaan negeri membuat sesuka hati mereka sahaja. Jadi, ini proaktif kita. Yang saya tidak nampak proaktifnya, kerajaan-kerajaan negeri terutamanya Kerajaan Negeri Kelantan. Hari itu saya sudah cakap. Proaktifnya, tolonglah *preview* balik ke, semak balik ke perjanjian antara konsesi dan sebagainya tetapi mereka ceramah sahajalah, cerita bahawasanya orang ini tidak betul, orang itu tidak betul. Jadi, tidak selesaikan masalah.

Fasal orang asing itu, memanglah saya pun hairan juga. Dibahagi ada tiga kawasan ini, 400 hektar, 400 hektar, 400 hektar, 1200 hektar kepada syarikat yang ketiga-tiganya yang lain-lain, A, B dan C, tetapi di belakang A, B dan C ini, mengikut rujukan Suruhanjaya Syarikat ini. Di belakang A, B dan C itu, pemegang syer 100% ialah satu syarikat sahaja, dan syarikat ini pula 50%nya daripada warga asing. Jadi, inilah yang saya tidak faham. Terus bagilah 1200 hektar, lagi telus. Tidak payah hendak sembunyi-sembunyi. Jadi mesti ada sesuatu. Jadi, saya tidak hendaklah tuduh di dalam Dewan yang mulia ini tetapi kalau kita tengok di atas kertas pun sudah tidak berapa betul, di luar tak tahulah bukan? Jadi, ini kita kena elaklah.

Tidaklah boleh kita hendak balak, kita kata hendak tanam sayur, tetapi sebelum tanam sayur itu, kita kena potong balak. Cakap hendak balak apa salah? Cakaplah terus kepada rakyat, kita hendak balak. Bukan hendak tanam sayur, hendak balak. Ini hendak lombong emas pun dihentam balak. Hendak lombong bijih pun hentam balak, hendak tanam sayur pun hentam balak, hendak buat rumah pun hentam balak. Baik cakap dekat rakyat, kata kita hendak balak. Tambah-tambah lagi pilihan raya akan datang. Lagi setahun, semua orang hendak balaklah. Jadi, penuh di hotel-hotel di Kota Bharu semua dok berniaga balak sekarang ini. RM2,000, RM3,000 boleh dapat satu hektar. Saya sendiri pun pernah ditawarkan, dia tidak kenal. Ini Mat Lojing ini, dia tidak kenal. Dia kata, ini *boss* RM2,000 satu hektar. Okeylah, tetapi itu cara tak betul. Kita jangan tunjuklah ini kepada generasi akan datang, tetapi kalau hendak memerintah lama rasa kita kurangkanlah balak.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]

USUL**PERLANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PILIHAN DI BAWAH P.M 70(1)****11.46 pagi****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Kesebelas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh selaku Pengerusi;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Ir. Wong Foon Meng;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarajnam a/l S. Seevarajnam;
- (v) Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2006****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[17 Mei 2007]**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah untuk menyambung ucapan.

11.48 pg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap dapat membahaskan rang undang-undang ini dengan tidak begitu panjang tetapi juga tidak begitu pendek dan saya sebenarnya menerima kelulusan Tuan Yang di-Pertua pada hari Khamis dahulu untuk melebarkan sedikit perbahasan saya.

Sebagai mengingati semula apa yang saya cakapkan pada hari Khamis dahulu, supaya kita ada kesinambungan dalam aliran pemikiran kita, saya ingin mengatakan di sini bahawa sektor koperasi adalah satu sektor yang sudah pun memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan negara terutama sekali di dalam soal pembasmian kemiskinan, soal mendekatkan jurang perbezaan di antara penduduk terutama sekali di bandar dan luar bandar dan ia juga dapat mewujudkan pekerjaan. Dengan itu kita haruslah menerima dengan baik kedatangan ataupun saranan serta pembentangan rang undang-undang untuk mewujudkan Suruhanjaya Koperasi pada tahun ini.

■ 1150

Tuan Yang di-Pertua, untuk melihat betapa relevannya akta ini, kita harus melihat dengan secara menyeluruh apakah sumbangan sektor koperasi kepada negara kita dan juga negara-negara di dunia yang lain sama ada ianya adalah satu sektor yang dinamik dan yang terus berjaya untuk memberi sumbangan yang penting dan meningkat kepada negara-negara ini. Sebelum kita pergi terus untuk membincangkan perkara-perkara ini, kita harus melihat dan menyemat di dalam hati dan fikiran kita bahawa koperasi adalah satu sektor yang berfalsafah dan berkonsepkan pertolongan diri sendiri, *mutual self-help* dan autonomi merupakan satu perkara yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di dunia, koperasi telah pun menyumbang dengan begitu besar di dalam soal pekerjaan. Satu daripada tiga ahli di Kanada umpamanya adalah ahli koperasi. Saya beri contoh-contoh yang menunjukkan bahawa koperasi sebenarnya dapat membantu pembangunan negara. Di Singapura umpamanya, 50% merupakan ahli koperasi dan di negara-negara yang lain seperti Amerika Syarikat, ratusan ribu adalah ahli koperasi.

Di sini umpamanya saya mengambil di Kenya, satu daripada lima penduduk adalah ahli koperasi dan jumlahnya 5.9 juta. Di Amerika Syarikat, saya ulangi, empat dalam sepuluh ataupun 25% daripada penduduk adalah ahli koperasi. Di Malaysia seperti yang kita tahu, 5.4 juta ataupun 20% daripada penduduk adalah ahli koperasi dan di Finland 62% daripada isi rumah adalah ahli koperasi. Dari segi jumlah pekerjaan yang diwujudkan oleh sektor koperasi, kita lihat bahawa daripada jumlah 800 juta manusia di dunia ini adalah dalam sektor koperasi.

Ini menunjukkan kita tidak dapat nafikan lagilah bahawa sememangnya sektor koperasi adalah satu sektor yang amat penting. Sungguhpun kita sudah pun mempunyai 4,471 jumlah koperasi di negara kita dan 5.4% adalah ahli koperasi, namun saya rasa peningkatan dan pembangunan koperasi belum lagi sampai ke tahap optimum kalau kita bandingkan dengan

prestasi-prestasi yang sudah pun ditunjukkan oleh negara-negara lain seperti yang saya sebutkan tadi. Dengan ini, kita mengalu-alukan pertubuhan Suruhanjaya Koperasi supaya pembangunan sektor ini akan benar-benar menjadi sektor yang keempat pentingnya dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat negara kita sendiri, 70% daripada aset dipegang oleh satu koperasi sahaja iaitu Bank Kerjasama Rakyat. Jumlahnya RM27.5 bilion dan yang lainnya adalah koperasi-koperasi yang bukan Bank Kerjasama Rakyat. Ini menunjukkan bahawa pembangunan koperasi kita belum mantap lagi. Ini bermakna suruhanjaya yang akan ditubuhkan ini harus memberi tekanan untuk meningkatkan sejumlah yang besar tadi iaitu 4,470 lagi itu, meningkatkan asetnya sekurang-kurangnya kepada jumlah yang dipegangkan oleh Bank Kerjasama Rakyat.

Takkanlah satu koperasi memegang 70% daripada aset itu. Saya rasakan bahawa dengan adanya suruhanjaya ini, dengan segala program, aktiviti dan pemantauan yang akan dilakukan untuk menentukan sektor koperasi akan meningkat, saya rasa ianya akan dapat kita realisasikan.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, saya tengok dalam pindaan ini tidak termasuk di dalam kuasa yang diberikan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, tidak termasuk kuasa diberi untuk penubuhan koperasi. Sebab ini juga saya rasa perlu sebab kebanyakan koperasi yang ditubuhkan, kita tengok Lembaga Pengarah koperasi-koperasi yang ditubuhkan ini adalah orang-orang yang tidak berkelayakan, yang tidak mempunyai latar belakang perniagaan dan sebagainya. Ada kalanya kita tengok seseorang itu dia pergi ke laut sahaja tetapi dia boleh jadi sebagai Pengerusi Lembaga Koperasi Perikanan di sesebuah perkampungan. Jadi macam mana dia hendak membangunkan satu koperasi itu sedangkan diri dia sendiri dia tidak boleh bangunkan? Itu satu, Yang Berhormat.

Yang kedua ialah kalau kita hendak bangunkan satu-satu koperasi, sama juga kita membangunkan satu-satu syarikat. Kita perlukan Lembaga Pengarah itu duduk dalam satu koperasi itu biarlah lama sedikit sebab kalau tidak, ia akan jadi satu *politicking* dalam koperasi. Apabila satu koperasi itu sudah mempunyai wang yang begitu banyak, maka ramailah orang yang hendak pegang Lembaga Pengarah. Maka dia akan bertukar ganti, akhirnya koperasi itu akan menjadi lemah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Nooraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan pandangan yang telah dihuraikan tadi. Ini antara kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam pembentukan koperasi iaitu ilmu pengetahuan tentang apa dia falsafah dan apa dia konsep koperasi itu sendiri. Di dalam perbahasan saya, saya akan menyentuh juga tentang perkara ini sebab sememangnya banyak koperasi yang sudah wujud, lama-kelamaan

terlupus oleh kerana *management* (pengurusan) dan juga segala penyelenggaraan koperasi itu tidak berjalan dengan lancar semata-mata di antaranya yang terbesar ialah tidak memahami bahawa koperasi itu berkonsepkan *mutual self-help* iaitu menolong diri sendiri. Kitalah *enterprise*, kitalah pengurus dan kitalah juga yang mengawal koperasi itu.

Ini adalah satu *enterprise* keusahawanan atau usaha yang hendak kita lakukan sendiri. Bukanlah kalau kita menjadi pencarum, kita menjadi pemegang saham, kita letakkan wang kita itu, kita harapkan orang lain untuk menyelenggarakan. Ini yang salah faham di antara ramai ahli koperasi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan, Yang Berhormat. Yang Berhormat, mengenai isu yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi, Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar iaitu masalah koperasi disebabkan dipimpin oleh orang yang tidak ada pengalaman dan tidak ada pengetahuan. Saya fikir ini adalah satu hujah yang tidak begitu kukuh sebenarnya sebab kalau kita lihat Koperasi Angkatan Tentera Malaysia rugi RM45 juta kerana membuat pelaburan yang tidak sesuai. Kemudian kita lihat dahulu KUB, ia asalnya koperasi, konon hendak jadi konglomerat, pergi kepada korporat, akhirnya apa jadi? Sebab itu, saya fikir ini bukan soal orang itu profesional atau tidak, berpengetahuan atau tidak, tetapi ialah soal etika.

Saya tidak tahulah sama ada hujah sahabat saya tadi itu sebenarnya relevan dalam melihat masalah yang dihadapi oleh koperasi sekarang ini seperti mana yang saya beri contoh dua tadi. Saya minta pandangan Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Nooraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kedua-duanya adalah relevan. Ada di antara koperasi yang memang tidak tahu mengurus langsung. Ada koperasi yang tahu mengurus tetapi mengurus kepada urusan yang lain yang tidak mendatangkan faedah kepada koperasi. Penubuhan suruhanjaya ini ialah untuk menentukan perjalanan segala usaha aktiviti koperasi itu menjurus kepada pembangunan dan peningkatan. Inilah satu di antara saya rasa yang terpenting dalam penubuhan koperasi ini iaitu untuk menunjukkan tidak ada penyelewengan ataupun tidak ada aktiviti-aktiviti yang tidak mendatangkan faedah kepada ahli-ahli koperasi itu sendiri.

■ 1200

Inilah sebabnya semakin dipersoalkan perkara ini semakin relevanlah pertubuhan Suruhanjaya Koperasi pada pandangan saya.

Tuan Osman bin Bungsu: Mohon penjelasan, Yang Berhormat. Terima kasih. Bercakap tentang penyelewengan itu tadi, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah pengarah-pengarah ini diberi imuniti dalam soal pengurusan? Apa pandangan Yang Berhormat tentang imuniti ini di mana kita melihat pengarah-pengarah ini seolah-olah terlepas daripada tindakan undang-undang. Kita tengok ada beberapa koperasi ataupun kerjasama yang terlibat dalam kes penyelewengan ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Soal imuniti yang Yang Berhormat sebutkan tadi itu ialah di bawah 40(1) akta yang baru ini. Kalau diizinkan saya meneruskan perbahasan saya hinggalah ke perenggan itu dan di dalam tajuk itu dapat saya bincangkan. Jikalau saya menjawab soalan Yang Berhormat sekarang ini, maka tidak akan selarilah pemikiran perbahasan saya. Saya pohon izin. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat mohon laluan. Terima kasih. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi tentang penyelewengan dalam koperasi. Pertamanya Yang Berhormat mengatakan bahawa ramai lagi yang kurang berkeyakinan untuk menjadi ahli koperasi ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa banyak koperasi yang ditubuhkan dan dipimpin oleh pemimpin daripada koperasi ini mungkin tidak ada pengalaman dan mungkin lebih mementingkan diri sendiri apabila menerajui koperasi-koperasi? Ada ahli-ahli yang tidak yakin dengan koperasi ini kerana kadang-kadang dividen yang dijanjikan tidak diberikan. Kadang-kadang koperasi ini ada membayar saham koperasi, ada pula koperasi yang ditutup begitu sahaja. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa pejabat-pejabat koperasi yang ada di kawasan-kawasan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan ini tidak berfungsi dengan begitu baik untuk mengawal koperasi-koperasi ini? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih. Memang ada kebenarannya tentang apa Yang Berhormat sebutkan tadi. Maka itulah sebabnya kita hendak mewujudkan Suruhanjaya Koperasi untuk menangani segala masalah yang sudah pun hidup dan wujud oleh kerana tidak ada penghayatan yang sebenarnya dan mendalam tentang penubuhan koperasi dan falsafah koperasi itu sendiri. Masalahnya ialah penghayatan tentang apa ertinya koperasi itu tidak ada pada jiwa dan rohani mereka yang menjalan dan menguruskan koperasi, maka Suruhanjaya Koperasi, kalau kita teliti dengan perincian itulah tujuan suruhanjaya ini. Kalau kita dapat teruskan perbahasan, maka kita dapat melihat dari mana, sudut mana dan dalam aspek mana segala masalah yang sudah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat kita tangani.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah-masalah yang sudah pun ditimbulkan oleh sahabat-sahabat saya, maka saya rasa itulah sebabnya masa itu adalah tepat untuk Suruhanjaya Koperasi ini ditubuhkan. Sungguhpun masih ada terdapat beberapa kelemahan dalam akta ini yang dapat diperbaiki tetapi niat dan objektif serta matlamat suruhanjaya ini ialah untuk:

- (i) memberi pengiktirafan kepada sektor koperasi sebagai satu sektor yang amat penting; dan
- (ii) mewujudkan satu kredibiliti yang tinggi terhadap sektor ini.

Ini menjawab juga kepada soalan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir tadi. Kredibiliti koperasi terjejas oleh kerana banyak koperasi yang tidak maju, tidak berjaya. Pada tahun 1986, umpamanya 24 buah koperasi kredit terpaksa tutup kedai. Daripada itulah mulanya terhakis kepercayaan dan kredibiliti sektor koperasi. Dengan adanya Suruhanjaya Koperasi insya-Allah diharapkan begitulah matlamatnya ialah untuk mewujudkan satu kredibiliti yang tinggi, pengiktirafan yang tinggi dan sewajarnya pada pandangan saya kepada sektor koperasi supaya kita dapat setanding dengan prestasi-prestasi di negara-negara lain yang sudah pun menunjukkan bahawa sektor koperasi itu adalah suatu sektor yang benar-benar dapat membangun negara dan pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi negara-negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang beberapa saranan. Saya ingin membuat saranan memandangkan kepada kedudukan koperasi negara kita. Koperasi sebagai penjana pekerjaan di Malaysia tidak begitu tinggi oleh kerana seperti yang saya sebutkan tadi 70% aset bergantung ataupun dipegang oleh satu koperasi sahaja. Maka potensinya kalau kita bandingkan dengan apa yang sudah berlaku di negara-negara luar dan asing, potensinya begitu besar sekali. Dengan itu kita harus menyokong penubuhan suruhanjaya ini. Saya belum lagi membahaskan tetapi daripada mula lagi saya ingin mengatakan bahawa ini adalah sesuatu yang kita harus alu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak yang hendak saya cakapkan di sini tetapi ramai lagi yang hendak berbahas tentang perkara yang sama. Saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah tujuan kementerian dalam membangunkan koperasi juga hendak meletakkan taraf dan nilai yang tinggi kepada sektor koperasi dengan erti kata ia harus menjadi penyumbang (*contributors*) yang amat besar kepada pembasmian kemiskinan? Jurang perbezaan di antara bandar dan luar bandar begitu ketara dan sekarang ini apabila pasaran modal melonjak dengan begitu hebat kita tidak boleh menafikan bahawa impaknya terhadap jurang perbezaan ini akan melebar sungguhpun kita belum lagi ada data dan statistik. Adakah suruhanjaya dan kementerian akan memberi tekanan kepada sektor pertanian sebab di merata-rata di dunia ini koperasi dalam sektor pertanian prestasi mereka hebat. Saya ingin memberi contoh-contoh koperasi yang berjaya bukan sahaja mewujudkan pekerjaan tetapi menjadi *enterprise* yang amat besar sekali.

Desjardins saya rasa kalau pegawai-pegawai kementerian memang tahu apa koperasi ini. Desjardins satu koperasi kredit di Kanada mempunyai bukan sahaja lima juta ahli tetapi merupakan satu *enterprise* koperasi yang terbanyak sekali mewujudkan pekerjaan. Koperasi pertanian - *Farmland Industries* di Amerika Syarikat tersenarai di antara seribu syarikat yang terbesar di Amerika Syarikat dengan pendapatan sebanyak RM20 bilion. Di sini kita dapat lihat bahawa koperasi pertanian boleh dijadikan *enterprise* yang amat besar dan berprestasi tinggi kalau kita benar-benar mengawal dan mengurusnya dengan baik.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya persatuan-persatuan peladang ini diizinkan untuk menubuhkan koperasi-koperasi mereka sendiri di bawah suruhanjaya ini supaya mereka ini dapat benar-benar diurus dan dipantau untuk menjadi koperasi yang berjaya. Sekarang ini dengan maaf, saya mengatakan bahawa mereka ini agak lembap, tidak mencapai tema prestasi yang harus mereka capai.

■ 1210

Kalaulah mereka dibolehkan, diletakkan di bawah Suruhanjaya Koperasi dan dibentuk bukan sebagai persatuan peladang tetapi sebagai koperasi peladang. Ini satu saranan saya.

Yang keduanya ialah suruhanjaya harus memajukan beberapa sektor yang lain yang tidak begitu diterajui oleh koperator-koperator yang lain. Umpamanya yang mudah sahaja yang akan memberi pekerjaan kepada ramai mereka yang menganggur umpamanya *home bound care*, Tuan Yang di-Pertua. Terdapat mereka yang tidak keluar rumah lagi, tidak dapat bekerja, duduk di rumah tetapi kita dapat menghidupkan satu koperasi *home bound care* untuk menentukan bahawa mereka ini mendapat jagaan. Jadi kita boleh menjamin kejayaan koperasi ini dengan adanya kontrak-kontrak yang khusus dengan beberapa hospital.

Hospital tidak dapat membiayai atau menjaga mereka yang kurang dan sudah pun tidak berupaya ataupun sakit yang tidak dapat dijaga di hospital tetapi mereka ini yang merupakan ahli-ahli koperasi macam orang kata *home bound care* itu penjagaan di rumah ini untuk mereka menjaga mereka yang sakit-sakit ini di rumah. Ini sudah pun menjadi suatu koperasi yang amat berjaya di Amerika Syarikat, di Philadelphia, di Boston dan sedang dicontohi oleh negara-negara lain. Saya rasa ini adalah di antara satu-satunya koperasi yang dapat dijayakan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan apa yang disebutkan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi adalah amat relevan kepada penubuhan suruhanjaya. Bagi mereka menghayati sebenarnya soal penubuhan koperasi adalah menjadi tugas utama kepada suruhanjaya ini sebab kalau tidak ada penghayatan tentang pentingnya sektor koperasi, bagaimana kita hendak menjayakan koperasi melalui *self-help* iaitu berkonsepkan *owner control*, *owner user* iaitu kita yang menjadi pemegang, kita juga yang mengawal koperasi, kita juga yang menjadi mereka yang mendapat faedah daripada koperasi. Kalau ini dapat dihayati maka tentu sekali sektor koperasi akan berkembang dengan maju dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi terus kepada beberapa saranan lain yang hendak saya utarakan yang menjadi kemusykilan kepada kita juga umpamanya iaitu peruntukan 41, suruhanjaya hendaklah memegang dan mengendalikan wang-wang berikut iaitu kumpulan wang pusat koperasi, akaun deposit koperasi, kumpulan wang amanah pembangunan koperasi, kumpulan wang amanah pendidikan koperasi, akaun pelikuidasian koperasi dan kumpulan wang likuiditi pusat.

Dua yang baru yang hendak diwujudkan ialah (b) dan (f) iaitu akaun deposit koperasi dan (f) ialah kumpulan wang *liquidity* pusat. Di harapkan dengan adanya Suruhanjaya Koperasi ini, koperasi-koperasi dan juga ahli-ahli koperasi tidak akan dibebankan dengan pembiayaan-pembiayaan baru tetapi suruhanjaya sebenarnya memberi nilai tambahan kepada sektor koperasi.

Nilai tambahan yang dapat diperolehi daripada suruhanjaya ini ialah yang pertama saya rasa akaun deposit koperasi. Kita lupa bahawa apabila kita bercakap tentang koperasi, bukan sahaja *self-help* itu menolong diri sendiri, adalah antara ahli dalam koperasi tetapi antara koperasi dengan koperasi.

Saya ingin menyarankan dan saya rasa inilah matlamat suruhanjaya iaitu segala deposit-deposit lebih kewangan yang diperolehi daripada koperasi, keuntungan ada yang diletakkan dalam sebagai deposit di dalam bank-bank termasuk bank komersial. Kalau kita hendak memberi sokongan yang padu dan bermakna kepada sektor koperasi maka pendeposit-pendeposit ataupun deposit-deposit yang kini diletakkan di dalam bank-bank komersial harus atas nama membina dan membangun sektor koperasi harus diletakkan dalam bank-bank koperasi yang sedia ada ataupun yang akan ditubuhkan ataupun bank koperasi yang akan dimajukan untuk dijadikan bank koperasi yang lebih besar selain daripada Bank Rakyat.

Ini adalah saya kata satu syarat kalau dijadikan syarat yang harus kita puji dan dialu-alukan kerana sekiranya satu koperasi tidak membantu satu koperasi lain maka di mana letakkan nilai dan kecantikan sektor koperasi itu sendiri. Keduanya ialah kumpulan wang likuiditi pusat, saya rasa di sini harapan suruhanjaya ialah memastikan bahawa koperasi-koperasi yang berdaya maju akan meletakkan sejumlah wang di dalam kumpulan wang likuiditi pusat ini untuk memastikan bahawa apa yang berlaku dalam tahun 1986 umpamanya tidak akan berulang ataupun kalau ia berulang maka sudah ada satu kumpulan wang yang akan menjamin ataupun menentukan bahawa pendeposit-pendeposit tidak menjadi *victim* ataupun mangsa penyelewengan dalam pengurusan atau lain-lain musibah yang akan berlaku kepada koperasi itu.

Ini pada saya menunjukkan bahawa tanggungjawab untuk menghadapi krisis yang sedemikian rupa ini dipindah daripada Bank Negara Malaysia kepada suruhanjaya. Tetapi penting yang harus kita beri perhatian yang besar ialah supaya suruhanjaya ini mengendalikan wang yang ada dalam simpanan mereka ataupun akaun-akaun ini dengan baik dan dengan penuh integriti.

Tadbir urus yang cekap, *transparency* - ketelusan harus menjadi satu faktor yang amat penting dan utama. Kalau tidak di manakah kepercayaan dan keyakinan sektor koperasi itu sendiri. Kalaulah kita memantau perkembangan koperasi-koperasi kita juga harus memantau penyelenggaraan dan pelaksanaan segala urusan suruhanjaya itu sendiri jadi orang yang hendak memantau koperasi lain itu juga harus dipantau dengan mencari pendekatan yang lain dan

kaedah yang lain dan sudah tentu sekali lembaga pengarahnya adalah satu badan yang penting untuk menentukan ketelusan, penyelarasan yang baik dan berkesan dan *efficient* itu harus dilakukan.

Di sini yang penting saya sama-sama bersetuju dengan saranan kawan-kawan saya tadi, ahli lembaga pengarah haruslah terdiri daripada mereka yang berwibawa, yang cekap dan tahu bagaimana mengurus kewangan. Di sini Tuan Yang di-Pertua saya ingin kaitkan pula kepada peruntukan 61 di mana Yang Berhormat Osman bin Bungsu di mana saya rasa dia dengar saya di luar sana, bagaimana menentukan bahawa imuniti yang diberikan itu tidak akan *diabuse* dengan izin tidak akan dipergunakan secara ikut sesuka hati dan mereka diberi pelepasan dalam apa juga kesilapan dan kesalahan yang diadakan.

Di dalam memperkenalkan Akta Suruhanjaya Koperasi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan janganlah khuatir kerana niat adalah suci. Di sini Tuan Yang di-Pertua, niat tak pakai. Mana kita tahu niat orang, kita tak boleh baca. Niat tak pakai, yang pakai ialah ketelusan ini harus dibentuk dengan secara *institutionalize* dengan secara adanya satu badan yang benar-benar akan menentukan bahawa tidak adanya penyalahgunaan umpamanya.

Maka saya ingin menyarankan di sini atas nama ketelusan Laporan Suruhanjaya Tahunan harus dibentangkan kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

■ 1220

Maknanya kita harus halusi segala laporan, segala perjalanan dan usaha kerja suruhanjaya itu sendiri atas nama ketelusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang RM50 juta wang untuk permulaan suruhanjaya dan RM300 juta ialah *authorize capital* iaitu dana yang *authorize capital*. Saya tidak dapat ingat perkataan bahasa Melayunya. Dana yang di... [Disampuk] benarkan. Ya. Sudah tua-tua ini suka lupa.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya RM50 juta itu tidak akan menjadi lebih. Kalaupun suruhanjaya hendak menunjukkan kepada koperasi-koperasi yang lain tentang pengurusan yang cekap dan efisien maka RM50 juta itu kita harap tidak akan meningkat dan tidak akan ada permintaan tambahan dalam persidangan kita yang akan datang.

Pembangunan koperasi dalam soal pertanian dan juga usaha-usaha baru. Saya ingin ulangi tentang pentingnya sektor pertanian ini. Saya sudah sebutkan tadi dan saya harap untuk melihat persatuan-persatuan peladang akan menubuhkan koperasi-koperasi pertanian dan perladangan, sebab memang kejayaan yang ditunjukkan oleh negara-negara lain begitu terserlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tidak boleh dinafikan bahawa sektor pertanian boleh dimajukan dengan baik sekali, umpamanya di Finland, satu negara yang kecil, 74% daripada keluaran dagingnya adalah daripada koperasi. 96% daripada keluaran susu dan *dairy* produknya adalah daripada koperasi.

56 daripada keluaran telur adalah daripada koperasi. Di Belgium umpamanya, koperasi mengawal 20% daripada pasaran produk ubat-ubatan. Ini terkeluar daripada pertanian.

Di Norway umpamanya, 99% daripada produk *dairynya*, iaitu susuan datangnya daripada koperasi. Di Singapura, jiran kita yang terdekat umpamanya mengawal penggunaan *supermarket*, 55% daripada *supermarket* dan terutama sekali keluaran-keluaran bahan-bahan pertanian.

Jadi, kita tidak harus memandang rendah peranan dan prestasi yang telah pun dijayakan oleh negara lain, *best practices* itu harus menjadi satu yang fundamental kepada suruhanjaya, kepada kita. Kita tidak harus malu dan segan mengambil kira peranan dan juga kejayaan mereka yang lain sungguhpun dari negara-negara yang kadang kala kita ada perselisihan faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya suruhanjaya menyediakan KPI juga kepada koperasi-koperasi ini. Kalau mereka mencapai tahap kejayaan mengikut kaedah yang akan diperkenalkan, prestasinya meningkat umpamanya 10% ataupun 15% setahun, jauh daripada KPI yang ditetapkan, maka suruhanjaya harus juga memikir tentang satu sistem insentif. Terutama sekali kepada koperasi-koperasi pertanian, koperasi-koperasi yang ditubuhkan di luar bandar. Ini saya rasa, inilah satu caranya untuk menentukan bahawa satu-satu koperasi itu akan berjaya maju, berdaya maju dan bertindak sebagai satu industri, satu *enterprise*. Bukan sebagai satu koperasi hanya untuk menjayakan satu agenda politik atau agenda peribadi.

Inilah satu-satunya cadangan yang amat akan dapat memberi kesan yang baik kepada visi negara dan matlamat negara untuk meningkatkan pendapatan mereka di luar bandar, terutama sekali di antara petani dan mereka yang ke laut. Kita punya nelayan-nelayan supaya visi kita, matlamat kita untuk dekatkan jurang perbezaan antara luar bandar dan bandar itu dapat kita jayakan dengan sempurna. Ini di antara saranan-saranan saya yang hendak saya ajukan kepada suruhanjaya.

Kelimanya ialah pemantauan yang penting oleh suruhanjaya. Pemantauan yang amat penting sekali ialah seperti yang Yang Berhormat Dato' Musa sebut tadi, jangan dibiarkan koperasi seperti juga sahabat saya Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad menyatakan, jangan dibiarkan koperasi dijadikan medan berpolitik.

Kita selalu melihat bahawa tiap-tiap kali ada AGM ataupun mesyuarat tahunan yang penting ialah memilih presidennya, memilih naib presidennya dan mereka berlumba-lumba untuk memegang jawatan dalam koperasi. Sekiranya mereka ini sudah pun memegang jawatan presiden dan lain-lain, maka tunggulah dalam setahun lagi akan ada perlumbaan yang baru untuk mendapat jawatan tetapi diketepikan, dipinggirkan matlamat untuk menjayakan koperasi itu sendiri, bagaimana hendak mempertingkatkan pendapatan koperasi itu sendiri.

Ini jelas kita lihat banyak koperasi yang sudah pun ada di negara kita ini. Pemantauan ini haruslah merangkumi penjagaan, penentuan yang akan menjamin tidak adanya satu arena baru, iaitu aktiviti politik di dalam koperasi itu sendiri.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan. Yang Berhormat, apakah itu bermakna Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya orang-orang politik ini tidak boleh bertanding, merebut jawatan di dalam mana-mana badan koperasi untuk menjadi pengerusi atau ketuanya. Kita ambil contoh pertubuhan peladang yang akan diseragamkan di dalam Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini kebanyakannya dipimpin oleh orang-orang politik dan mereka menjadikan ini sebagai platform sebenarnya untuk bergerak di seluruh negara.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan besar di antara ahli politik dan *berpoliticking*. Ahli politik boleh menjadi presiden ataupun pengerusi kepada mana-mana koperasi sekiranya niatnya ialah untuk memajukan koperasi itu. Bukan semata-mata untuk berpolitik, untuk dijadikan landasan politiknya. *Berpoliticking* ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak sahaja oleh ahli-ahli politik, orang yang bukan ahli politik pun berpolitik juga dalam erti kata segala-galanya yang penting ialah memegang jawatan itu sendiri. Itu maksud saya dengan *berpoliticking*. Bukan sahaja khusus kepada ahli-ahli politik.

Ahli politik yang berdaya maju, yang mempunyai pengetahuan yang tinggi, hebat dengan segala urusan harus diterima sebagai pengerusi, tidak menjadi masalah. Tetapi hanya sekiranya ia tidak memberi tekanan ataupun 90% daripada masanya adalah untuk berpolitik. Dalam erti kata politik yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua,

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat mengenai dengan satu trend, mungkin menjadi salah satu sebab perdebatan dalam koperasi ini selain daripada menerima ganjaran sebagai ahli lembaga. Trend dalam koperasi sekarang ialah untuk menubuhkan syarikat. Kemudian syarikat itu pula sebenarnya yang berniaga bagi pihak koperasi.

Jadi, sebagai ahli lembaga koperasi, duduk dalam koperasi mendapat imbuhan ataupun elaun kemudian menjadi pula ahli lembaga kepada syarikat yang ditubuhkan oleh koperasi, *double allowance* kepada ahli-ahli lembaga. Jadi, adakah ini satu cara yang baik untuk membina koperasi itu dan pada pandangan peribadi saya, ini adalah satu sebab mengapa ramai berebut-rebut untuk menjadi ahli lembaga kerana banyak imbuhan yang dapat dan mungkin cara syarikat itu berjalan semua tidak diketahui sepenuhnya oleh ahli-ahli.

Jadi, tidak ada kuasa pengawalan oleh ahli-ahli biasa dalam koperasi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh menjawab dan selepas itu saya mencadangkan Yang Berhormat boleh menggulung ucapan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ada kalanya benar dan ada kalanya tidak benar oleh sebab soal elaun itu dipersetujui di mesyuarat AGM, mesyuarat tahunan. Segala yang berlaku dalam koperasi harus diketahui oleh ahli sebab dalam mengikut falsafah koperasi satu ahli, satu undi. Jadi bila ada AGM semuanya hadir untuk melihat bahawa segala perjalanan dan segala yang dilakukan oleh koperasi itu adalah sesuatu yang dipersetujui oleh ramai ahli-ahli.

Soal elaun tidak menjadi masalah kepada saya kalau ia mendapat *double* elaun ke apa ke, asalkan jumlah pendapatan, *revenue* yang dibawa kepada koperasi itu adalah sesuatu yang besar, yang dapat dirasai hasilnya kepada ahli. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, Rouble Bank, satu bank di antara bank yang terbesar di dunia dipunyai oleh koperasi tetapi ia dijalankan sebagai satu syarikat di bawah koperasi itu sendiri. Berjuta-juta ahli Rouble Bank iaitu yang *holding company* itu, *holding company* ialah koperasi tetapi Rouble Bank itu tidak berjalan sebagai koperasi. Ini berjalan dengan baik sebab segala pendapatan Rouble Bank yang sudah pun menjadi satu bank antarabangsa di antara yang terbesar faedahnya, hasilnya dirasai adalah kepunyaan ahli-ahli koperasi yang memegang *holding company* tadi.

Jadi saya rasa yang pentingnya ialah tidak adanya ketirisan sekali lagi dan ahli-ahli harus mempunyai satu keinginan mengetahui. Sebab soal ekuiti adalah sangat penting dalam koperasi. Ekuiti bermaknanya satu ahli satu undi. Di sini kita harus memberi tekanan bahawa ahli-ahli koperasi mesti mengetahui tentang *rights* mereka, hak mereka. Kalau mereka tidak mengetahui hak mereka maka tidak akan mengetahuilah perjalanan koperasi sebenarnya. Maka inilah yang saya rasa suruhanjaya harus memberi tekanan iaitu ahli-ahli mengetahui hak mereka dan ahli-ahli juga tahu mesti mengetahui tentang tanggungjawab mereka. Penjana segala pendapatan baru, segala *enterprise* baru adalah hak kepada ahli koperasi itu sendiri. Mereka harus memilih sebenarnya dalam di antara Ahli-ahli Lembaga Pengarah memilih mereka yang benar-benar dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab ini. Bukan kerana dia itu anak saudara kita ke, bapa saudara kita ke, jadi kita harus menentukan ini berjalan dengan baik berlandaskan falsafah dan prinsip koperasi.

Saya pernah menghadiri mesyuarat tahunan satu, dua koperasi yang besar ya. Di situ terdapat kelompok-kelompok orang yang akan mengundi satu-satu calon. Ini saya rasa adalah lari daripada landasan koperasi. Jadi kita harus menentukan ini dan suruhanjaya saya minta falsafah koperasi itu tidak akan lari itu iaitu autonomi, *independents*, satu ahli satu undi dan lain-lainnya. Saya...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Yang Berhormat boleh saya minta laluan?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Boleh.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak Yang Berhormat kata tadi satu ahli satu undi dan kalau sekiranya ditubuhkan suruhanjaya ini tidak ada kelompok-kelompok yang akan *sponsor* calon-calon ini. Adakah kalau dengan tertubuhnya suruhanjaya ini dapat melenyapkan budaya ini?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Budaya amat sukar dihapuskan sama sekali tetapi sekurang-kurangnya sekiranya ada pemantauan, apabila koperasi-koperasi ini menjayakan mesyuarat tahunannya ada pula wakil-wakil daripada suruhanjaya untuk memastikan bahawa perjalanan adalah sesuatu yang laris dan terbaik, maka saya rasa sedikit sebanyak ada terdapat budaya yang lebih baik, budaya yang lebih positif di kalangan ahli-ahli, tetapi kalau kita lihat kepada Bank Kerjasama Rakyat yang mempunyai lebih 705,000 *share holders* atau pemegang saham maka mustahil kita akan ada mesyuarat tahunan di mana semuanya ada sekali maka kaedah-kaedah yang berlainan diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Dato' Hajah Saripah Aminah bahawa budaya itu kadang kala adalah sesuatu yang mencegah pembangunan koperasi yang baik, *mind set*. Jadi di sini *training* dan *education*, latihan dan pendidikan merupakan prinsip yang ketujuh kepada koperasi. Maka *training* dan latihan itu harus dimajukan oleh suruhanjaya dan kita harus memastikan bahawa suruhanjaya memainkan peranan ini untuk menentukan bahawa sektor koperasi akan berdaya maju di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri saya ingin mengatakan sekali lagi bahawa pemantauan yang terbaik ialah menentukan bahawa suruhanjaya itu sendiri dipantau. Maka dengan itu saya merasakan bahawa segala laporan tahunan suruhanjaya itu dibentangkan untuk kita teliti bersama untuk menentukan bahawa suruhanjaya akan berjalan dengan baik dan sektor koperasi akan berjalan dengan baik dan Tuan Yang di-Pertua, *second last*, yang *last* sekali.

Janganlah kita terlalu sangat bukan sahaja kepada koperasi tetapi Suruhanjaya Koperasi itu sendiri, kita ini sangat-sangatlah dikongkong oleh budaya 'melawat sambil belajar'. Sikit-sikit pergi melawat untuk belajar, pergilah ziarah, pergilah melawat Finland. Ini Finland tadi sebut bagus, lepas ini semua hendak pergi ke Finland hendak lihat. Lepas itu saya pula kata *farmland industries* mungkin kita akan melawat pula ke *farmland industries*. Melawat boleh melawat tapi yang belajar itu adalah *core-business* kita. Yang itu yang harus kita bawa pulang. Ini lepas itu pula Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat presiden baru pula dia bawa geng baru pula untuk melawat sambil belajar. Ini di antara perkara-perkara yang menjadi budaya kita dan saya harap, melawat pergilah melawat tapi balikkah dengan pelajaran yang baik yang dapat kita jayakan di negara kita.

Saya dengan ini mengucapkan selamat maju jaya kepada Suruhanjaya Koperasi dan saya menyokong akta yang di hadapan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat bagi Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan selepas itu saya minta Yang Berhormat bagi Che Puan Sri

Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya untuk bersedia. Berapa lama Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya cuba habiskan sebelum pukul satu.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta kalau boleh Yang Berhormat tolong ringkaskan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan kerana berjaya menubuhkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini kerana ia memang amat ditunggu-tunggu. Kalau kita lihat kepada satu kajian yang pernah dibuat tentang masalah yang dihadapi oleh koperasi antaranya ialah kemudahan koperasi yang sering digunakan untuk kepentingan peribadi. Kemudian pergolakan dalaman khususnya di kalangan pemimpinnya. Kemudian timbul pertikaian di tribunal koperasi ini dan antara masalah yang lain kegagalan mengadakan mesyuarat agung, kemudian tidak memulangkan syer atau pun yuran anggota yang berhenti atau ditamatkan keahliannya, koperasi yang sering mengalami kerugian, tidak berdaya saing, dividen yang rendah, tidak profesional dan dibatalkan pendaftaran.

Jadi oleh sebab itu dengan adanya suruhanjaya ini iaitu menukar daripada Jabatan Pembangunan Koperasi kepada suruhanjaya. Maka dua perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah soal keberkesanan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini setelah kita melihat permasalahan-permasalahan yang dibangkitkan.

■ 1240

iaitu apakah dengan menukar nama, daripada Jabatan Pembangunan Koperasi kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, maka ada jaminan keberkesanan untuk menjadikan koperasi ini sebagai satu industri yang mendatangkan keuntungan yang besar kepada ekonomi negara. Ini kerana kita tahu bahawa koperasi ini antaranya platform kepada semua lapisan masyarakat untuk terlibat dalam bidang ekonomi.

Kedua ialah wadah ekonomi untuk membantu menjana ekonomi khususnya masyarakat di luar bandar. Jadi sebab itulah soal keberkesanan ini adalah amat penting terutamanya kalau kita melihat apakah SKM ini ataupun Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini:

- (i) dapat membimbing dan memberi khidmat nasihat kepada koperasi-koperasi, kerana ini adalah masalah yang sering di hadapi oleh koperasi di negara kita ini;
- (ii) memantau atau mengawal, tadi saya ada menyebut soal Koperasi Angkatan Tentera Malaysia. Ini berpunca adalah kerana koperasi ini membuat pelaburan tanpa kebenaran pendaftar atau ketua pendaftar koperasi. Ini maksudnya tidak ada kawalan, dia buat sesuka hati hingga satu syarikat lain untuk melabur dan akhirnya mengalami kerugian. Jadi apakah suruhanjaya ini bila di wujudkan,

- ia lebih baik daripada sebelum ini? Iaitu lebih baik daripada Jabatan Pembangunan Koperasi, yang ada ketua pendaftar ini; dan
- (iii) memulih, jika sekiranya koperasi ini menghadapi masalah kerugian dan sebagainya, apakah suruhanjaya ini mampu membantu koperasi yang bermasalah ini untuk dipulihkan semula? Ataupun memberi bantuan dari segi mengenal aktiviti-aktiviti baru supaya koperasi ini dapat hidup semula, berdaya saing dan memberikan manfaat kepada ahli.

Kemudian, soal anggota lembaga pengarah, tadi walaupun di sentuh sedikit oleh sahabat saya Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, saya ingin tahu selain daripada empat yang dilantik oleh kerajaan, ada enam lagi yang boleh dilantik. Jadi, saya berharap enam lagi yang boleh dilantik ini mestilah orang-orang yang mempunyai kredibiliti yang tinggi.

Kita ambil contoh seperti Profesor Diraja Ungku Aziz iaitu Pengerusi ANGKASA, orang-orang seperti ini sepatutnya diberikan tempat untuk duduk di dalam lembaga pengarah ini. Kalau ikut pandangan saya, sepatutnya dialah barangkali orang yang lebih layak dilantik sebagai pengerusi eksekutif yang pertama, sebab pengalamannya, kemampuannya dan kita mahu suruhanjaya ini seperti juga suruhanjaya-suruhanjaya yang lain seperti SUHAKAM yang ada kredibiliti, dihormati dan efektif.

Sebab itulah saya mengharapkan SKM ini atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia mempunyai imej yang sama seperti SUHAKAM ini, ia perlu dipimpin oleh orang yang benar-benar tahu tentang koperasi, terlibat dengan koperasi, berpengalaman tentang koperasi seperti mana Profesor Diraja Ungku Aziz. Ini kerana dia memberi pandangan dia kata masalah yang di hadapi oleh koperasi di negara kita selama ini ialah mereka lari daripada tujuan asal penubuhan koperasi. Inilah yang berlaku, ada orang yang koperasinya yang kononnya nak jadi korporat dan sebagainya akhirnya mendatangkan kesan yang buruk kepada kepentingan kepada ahli-ahlinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di sini bahawa antara yang perlu diberi perhatian oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini pertama ialah dari segi kepimpinan. Kepimpinan juga mesti di pantau sebab itu kadang-kadang saya merasakan barangkali koperasi di negara kita ini tidak begitu banyak dipimpin oleh golongan wanita. Mungkin kita harus galakan wanita yang memimpin koperasi ini, sebab dari segi latar belakang barangkali wanita ini dia lebih berdisiplin, mempunyai etika yang tinggi apabila memimpin sesuatu organisasi. Kurang '*politic thinking*' yang di sebut oleh sahabat saya Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad tadi iaitu, kalau kita lihat Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dipimpin oleh wanita.

Maka mungkin wanita diberi galakan untuk memimpin koperasi, kalau kita ambil contoh kajian yang di buat terhadap Amanah Ikhtiar Malaysia atau AIM ini, boleh dikatakan bahawa

wanita yang diberi peluang mendapat bantuan AIM ini, mereka lebih berhati-hati menggunakan wang pinjaman tersebut untuk menjalankan perniagaan.

Jadi saya fikir sikap yang berhati-hati ini ada kepada wanita, jadi sebab itulah saya harap Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini memberikan perhatian kepada persoalan ini.

Kedua, yang perlu diberi perhatian oleh suruhanjaya ini ialah kurangnya kefahaman konsep dan amalan koperasi. Ini yang saya bangkitkan tentang apa yang berlaku kepada Koperasi Angkatan Tentera Malaysia, iaitu kurang kefahaman dan sebagainya termasuklah, saya pun tidak tahu apa yang berlaku kepada Koperasi Polis sebagai contohnya, saya di fahamkan ia juga bermasalah.

Jadi ini semuanya berpunca kurang faham, sebab itu dia mudah lari daripada tujuan asalnya. Sedangkan kalau kita melihat antara tujuan penubuhan koperasi ini adalah untuk melindungi hak, peranan dan tanggungjawab anggotanya, kadang-kadang perkara ini di pandang ringan oleh orang yang memimpin koperasi.

Antara yang lain lagi peranan koperasi ini ialah memberi penghargaan kepada ahlinya dalam bentuk dividen dan sebagainya, dan ini juga menjadi sebab kenapa ramai orang merasa dukacita dan kecewa apabila koperasi yang dia menjadi anggota tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada mereka.

Ketiga, yang saya fikir yang perlu diberi perhatian oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini ialah soal modal koperasi. Saya ingin tahu bahawa apa terjadi kepada tabung modal pusingan ini. Dulu saya di fahamkan kita ada satu tabung modal pusingan di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi yang memberi bantuan modal, pinjaman dan sebagainya supaya koperasi ini dapat melebarkan atau memperluaskan aktiviti dan perniagaannya. Jadi sebab itulah kita mengharapkan tabung modal pusingan ini di mana kedudukannya sekarang ini? Apakah ia masih di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, yang perlu diberi perhatian ialah kurangnya penguatkuasaan undang-undang koperasi. Ini berlaku kalau kita merujuk kepada Undang-undang Koperasi 1993 terutamanya Akta 54 - Perkara 1 dan Perkara 2, iaitu dalam soal pelaburan. Banyak daripada koperasi-koperasi tidak mematuhi apa yang telah di tentukan, syarat-syarat pelaburan, syer dan sebagainya yang ada di dalam Akta Koperasi 1993 iaitu Akta 54 - Perkara 1 dan Perkara 2 ini.

Saya harap dengan adanya suruhanjaya ini, maka suruhanjaya akan lebih memperketat syarat-syarat pelaburan dari segi aktiviti dan penglibatan koperasi-koperasi ini. Tadi sahabat saya ada menyebut tentang tahap pengurusan, sebab antara masalah yang di hadapi oleh koperasi ini ialah soal tadbir urus, oleh itu Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini mesti mengambil perhatian terhadap masalah-masalah dari segi masalah tadbir urus ini.

Saya tidak tahu sebenarnya apa peranan Maktab Kerjasama yang ada di negara kita ini. Apakah Maktab Kerjasama ini sentiasa memberi ruang dan latihan kepada pemimpin-pemimpin

koperasi ini, baik koperasi nelayan, koperasi peladang dan sebagainya, terutamanya koperasi-koperasi yang mempunyai ahli yang sedikit ini.

Oleh kerana itu, saya fikir bahawa Maktab Kerjasama ini perlu diberi peranan dan tugas yang lebih besar iaitu bagaimana sebenarnya mereka boleh membantu pengurus-pengurus yang mengurus koperasi ini. Walaupun timbul tadi soal tidak ada pengetahuan, bukan barangkali mempunyai kelulusan yang tinggi. Saya rasa itu bukan isu yang besar, sebab kalau dia profesional pun tapi kerana hendak memaksimumkan keuntungannya, maka dia melanggar peraturan-peraturan koperasi tidak bermakna juga.

Sebab itu saya fikir yang paling penting ialah memberi latihan pengetahuan dan ilmu kepada mereka tentang kepimpinan koperasi ini. Apa yang perlu dilakukan dan terutamanya kepada kefahaman mereka terhadap peraturan-peraturan, undang-undang, termasuklah undang-undang kecil koperasi, termasuklah pekeliling-pekeliling yang di keluarkan oleh ketua pendaftar dan sekarang ini di ambil alih oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

■ 1250

Kalau sekiranya Suruhanjaya Koperasi mengeluarkan pekeliling pun, tetapi pemimpin koperasi tidak memahaminya dan tidak menghayatinya, ia tidak akan membawa sebarang makna.

Satu perkara lagi yang perlu diberi perhatian oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini ialah tentang memberikan maklumat tentang peluang-peluang yang sedia ada, peluang-peluang yang perlu direbut dan boleh direbut oleh koperasi-koperasi yang berada di negara kita ini. Inilah sebenarnya yang menjadi masalah. Sebab itulah kita tidak mahu koperasi-koperasi ini tidak berdaya saing hanya terlibat dengan aktiviti-aktiviti seperti peruncitan, buka kedai runcit dan sebagainya yang memberi pulangan yang kecil.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah yang dihadapi oleh koperasi-koperasi nelayan. Koperasi-koperasi nelayan ini boleh dikatakan antara koperasi yang banyak bermasalah kerana tidak mempunyai daya saing. Kadang-kadang kita amat sedih melihat kebajikan nelayan-nelayan menjadi anggota koperasi nelayan seperti tidak terbela. Maksudnya mereka tidak mendapat pulangan yang sepatutnya daripada keahlian mereka dalam sesuatu koperasi itu berbanding dengan Pertubuhan Peladang. Mungkin Pertubuhan Peladang kita lihat mereka lebih mendapat keuntungan yang besar, jutaan, ratusan jutaan. Sebab itulah kita melihat orang yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah dalam Pertubuhan Peladang ini, mereka berebut-rebut jawatan dan kedudukan dalam Pertubuhan Peladang ini sebab banyak kemudahan yang akan diterima. Jadi oleh kerana itulah saya harap bahawa Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini dapat membantu terutamanya kepada koperasi-koperasi yang kecil ini untuk merebut peluang-peluang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi membangkitkan soal Koperasi Usaha Bersatu (KUB) yang sudah pun disenaraikan di bursa kita. Ini satu contoh yang perlu diberi perhatian iaitu

sebenarnya apakah kedudukan KUB sekarang ini. Apakah sebenarnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini membenarkan mana-mana koperasi mengambil pendekatan untuk menjadi satu badan korporat iaitu arah tujuannya untuk menuju kepada satu organisasi korporat yang tidak dikawal. Sebab kita bimbang apabila mereka ingin memaksimumkan keuntungan ini dan ingin menjadi korporat, maka akhirnya yang timbul masalah ialah mereka akan melanggar peraturan-peraturan yang ada.

Sebab itu saya berharap bahawa ada satu garis panduan yang lebih jelas diwujudkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini supaya perkara-perkara seperti ini tidak berulang dan akan menimbulkan masalah. Akhirnya merugikan kepada ahli-ahli koperasi itu sendiri.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Boleh saya mencelah?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengajukan satu pandangan ataupun soalan kepada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad. Sekiranya Suruhanjaya Koperasi sudah pun wujud ketika KUB hendak *dicorporatisekan* itu, adakah Yang Berhormat berasakan bahawa ianya akan dapat diizinkan?

Yang keduanya, adakah kita harus mengadakan satu peruntukan khusus di dalam Suruhanjaya Koperasi ini supaya koperasi-koperasi yang sudah pun berjaya maju dan berprestasi tinggi jangan diizinkan dijadikan syarikat korporat. Sebab tujuan Suruhanjaya menjayakan sektor koperasi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mengenai dengan KUB tadi, jika sekiranya ketika itu sudah wujud Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini, saya tidak pasti sama ada ia akan dibenarkan ataupun tidak untuk pergi *listing* dan menjadi satu konglomerat yang besar. Itu saya kurang pastilah, tetapi itulah saya kata bahawa akhirnya apabila perkara ini tidak dipantau dan dikawal, sebab itu saya membangkitkan soal apakah sebenarnya koperasi ini juga dibenarkan untuk terlibat dengan pelaburan-pelaburan yang berbentuk spekulasi.

Saya rasa mesti ada satu garis panduan, saya tidak pasti sekarang ini sama ada di dalam Akta Koperasi 1993 ini, dalam aspek pelaburan ini, koperasi dibenarkan terlibat dengan pelaburan yang berbentuk spekulasi. Saya fikir tidak wajar dibenarkan. Sekiranya belum ada lagi, maka perlu dimasukkan di dalam akta tersebut oleh Suruhanjaya Koperasi. Sebab pelaburan yang berbentuk spekulasi ini, ia tidak menentu sepertimana yang berlaku kepada koperasi-koperasi yang banyak terlingkup ketika berlaku *crisis economy* ataupun *economic recession* satu ketika dulu. Memang banyak koperasi yang tutup, bungkus dan sebagainya.

Jadi ini juga harus diberi perhatian. Saya sebenarnya amat sukar hendak menjawab soalan Yang Berhormat sahabat saya tadi itu iaitu tentang KUB tadi. Jika sekiranya Suruhanjaya Koperasi ini wujud, apakah ia akan dibenarkan atau tidak. Cuma kita harus mengambil pengalaman iaitu pengalaman yang sudah kita lalui ini supaya kita lebih berhati-hati sebab kita tahu bahawa sepertimana yang diujahkan oleh rakan-rakan iaitu bahawa bidang koperasi atau

sektor koperasi ini boleh memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kewujudan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini kita harap, bukan sebenarnya hanya hendak tukar nama sahaja daripada Jabatan Pembangunan Koperasi kepada suruhanjaya, tetapi ia tidak berperanan sebagai satu suruhanjaya. Ia tidak mampu melaksanakan tugas yang kita harap dapat mengawal, memantau dan mengambil tindakan yang tegas terhadap koperasi-koperasi yang melanggar tujuan dan matlamat asal penubuhan sesuatu koperasi ini.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Boleh saya pohon? Sekejap sahaja. Yang Berhormat, saya pernah menjadi Ahli Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan yang amat berdaya maju. Tetapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat sendiri, apabila mereka memasuki dalam spekulasi, di situlah bermulalah masalah koperasi itu.

Saya sebut tentang MOCCIS dengan secara *direct*. Dulu kalau kita hendak kahwin pun ambil pinjaman MOCCIS. Semua orang hendak kahwin ambil pinjaman MOCCIS, tetapi MOCCIS kini tidak mempunyai daya tahan dan sudah pun menjadi satu syarikat yang boleh dikatakan banyak liabiliti dan tidak lagi ada keuntungan.

Jadi boleh atau tidak kita sarankan kepada kerajaan, kepada suruhanjaya seperti Yang Berhormat sebutkan, jangan diizinkan koperasi-koperasi ini terlibat di dalam tindakan ataupun aktiviti spekulasi terutama sekali sekarang ini nampaknya pasaran modal melonjak kepada 1,300 lebih. Kalau pun mereka hendak melibatkan diri di dalam pasaran modal, hanya peratusan lebihan keuntungan itu sahaja dapat mereka laburkan dalam pasaran modal. Umpamanya dalam hanya 10% berbanding dengan keuntungan yang diterima, kalau ada keuntungan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu saya ingin cadangkan supaya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ini mempunyai satu jawatankuasa khas. Pertama, saya ingin mencadangkan supaya pelaburan spekulasi tidak dibenarkan sama sekali. Yang kedua, jika sekiranya ada koperasi yang ingin terlibat dalam sesuatu pelaburan terutamanya dalam pembelian saham-saham tertentu, saya harap bahawa mestilah koperasi ini merujuk kepada satu badan yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Koperasi untuk menerima nasihat profesional ataupun sekurang-kurangnya bahawa diwajibkan sesuatu koperasi itu, jika mereka ingin terlibat dengan pelaburan saham ini ialah merujuk kepada mana-mana badan profesional lain.

Setelah dibuktikan bahawa mereka merujuk tentang kesannya, kepentingannya, keuntungan dan sebagainya, maka barulah barangkali suruhanjaya ini memberi kebenaran kepada koperasi-koperasi ini untuk melibatkan diri pelaburan saham ini. Sebab jika kita tidak ada satu badan khusus ini, maka kita bimbang bahawa koperasi ini tidak mendapat satu gambaran yang lebih menyeluruh sebenarnya, sama ada pelaburan saham yang ingin mereka ceburi ini

boleh mendatangkan pulangan yang baik atau tidak kepada koperasi dan juga ahli-ahli koperasi tersebut.

Oleh sebab itulah pada tahun 2004, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan apa yang dipanggil sebagai Dasar Koperasi Negara. Tetapi kalau kita melihat kepada Dasar Koperasi Negara ini, ia memang adalah satu bukti bahawa kerajaan sebenarnya memang memberi perhatian khusus tentang bidang koperasi ini sebagai satu sektor yang boleh menguntungkan.

Tetapi soalnya sekarang ini ialah sama ada koperasi-koperasi yang berdaftar ini memahami ataupun tidak sebenarnya Dasar Koperasi Negara ini? Sebab itulah saya Tuan Yang di-Pertua, melihat bahawa peranan suruhanjaya ini adalah cukup penting. Iaitu ia mestilah memastikan bahawa koperasi-koperasi yang ada di negara kita ini memahami Dasar Koperasi Negara ini dan mengikut apa yang telah ditentukan. Sebagai contohnya dalam soal pelantikan Ahli Lembaga Pengarah, soal mesyuarat agung dan sebagainya. Kalau kita melihat kepada laporan-laporan yang ada, kebanyakan koperasi-koperasi ini tidak mematuhi peraturan-peraturan ini terutamanya dalam soal pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan mesyuarat agung koperasi ini.

Yang lebih malang sekali ialah ahli-ahli tidak menggunakan kuasa mereka apabila berlakunya mesyuarat agung ini kerana berlaku apa yang disebut dan yang dibangkit oleh rakan saya tadi soal apa yang dikatakan sebagai *politicking* dan sebagainya. Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini. Walaupun tadi disebut tadi soal imuniti, maksudnya dia imuniti, tetapi saya tidak berasa gusar tentang imuniti ini asalkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini dianggotai dan dipimpin oleh mereka-mereka yang kredibiliti, kewibawaan dan sebagainya.

Oleh kerana itu, saya berharap Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini, walaupun ia adalah *accountable* kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kita harap bahawa ia diberikan kebebasan dengan kata lainnya bahawa Menteri tidak memberikan tekanan sebenarnya terhadap Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua asyik memerhatikan saya, saya sebenarnya memang sudah di penghujung. Saya sebenarnya menyokong tetapi saya berharap Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini benar-benar telus, efektif dan berwibawa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa telah cukup, dengan ini saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

■ 1430

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Ada beberapa aspek yang pada pandangan saya perlu untuk saya utarakan di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan menyambut baik penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau SKM yang diluluskan penubuhannya pada bulan Mac lalu bagi menggantikan Jabatan Pembangunan Koperasi JKM. Pada saya suruhanjaya ini akan dapat merealisasikan sektor ini sebagai salah satu pemangkin strategik dalam membangunkan ekonomi negara. Sesungguhnya kita melihat penubuhan SKM ini sebagai perlu kerana sebahagian besar koperasi menghadapi masalah serta kelemahan yang serius terutamanya dalam aspek pengurusan struktur dan kewangan.

Sehubungan itu, SKM akan mempunyai tanggungjawab dan amanah yang besar untuk mengawal selia kesemua 5,052 koperasi di negara ini di bawah satu bumbung bagi memastikan ia kukuh terutama sekali dalam aspek pengurusan dan kewangan. Saya mendapati sebahagian besar koperasi di negara ini mempunyai prestasi kewangan dan kedudukan mudah tunai yang teruk, standard urus tadbir yang lembap dan kepatuhan kepada Akta Koperasi yang lemah. Jika dibiarkan keadaan ini berterusan, sasaran untuk menjadikan koperasi sebagai sektor strategik menjana ekonomi negara sukar direalisasikan.

Oleh yang demikian, kewujudan SKM amat diperlukan untuk mengawal selia kegiatan koperasi tanpa khidmat orang tengah di samping memantapkan penguasaan, memasarkan produk dan menyediakan kemudahan pembiayaan untuk memulakan atau membesarkan perniagaan. Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua kita semua mengharapkan semoga koperasi menyeluruh. SKM juga akan mewujudkan kestabilan dan keseimbangan dalam sektor ini sejajar dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan Koperasi yang lebih efektif dengan menjadi penyumbang kepada ketiga terbesar ekonomi negara.

Di samping itu, dengan adanya SKM kita juga mengharapkan koperasi berkaitan pertanian dan perikanan juga dapat diselia di bawah suruhanjaya ini. Sebarang peningkatan yang dilakukan ini diharap mampu mengubah tanggapan orang ramai yang dulunya menganggap bahawa koperasi hanya sektor kebajikan. Sebaliknya, koperasi juga mampu menjana ekonomi bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengharapkan sesuatu perubahan yang bakal disuntik oleh SKM ini kita juga mempunyai harapan yang besar bahawa SKM akan hanya membantu memulihkan dana sesebuah koperasi yang menghadapi masalah kecairan kewangan tetapi bukan untuk koperasi yang sangat-sangat bermasalah dan mempunyai potensi akan ditutup. Contohnya ada beberapa koperasi yang *corrupt* dan sedang dalam siasatan BPR. Kita tidak perlu membantu koperasi yang mana pengurusannya terlibat di dalam salah laku pengurusan. Membelanjakan wang koperasi dengan melabur dan membeli aset dengan cara yang salah.

Selain daripada tidak mematuhi prosedur koperasi yang *corrupt* juga seolah-olah memporak-perandakan pertubuhan terbabit. Justeru itu, saya juga menyeru kepada ahli-ahli koperasi untuk tampil membuat aduan kepada pihak berwajib sekiranya ada salah laku yang berlaku di dalam pengurusan sesebuah koperasi. Ini adalah wang ahli yang melaburkan di bawah naungan koperasi untuk berniaga dan ini juga adalah menjadi hak kepada ahli-ahli untuk mendapat faedah dan ganjaran yang sewajarnya daripada pertubuhan.

Jadi adalah tidak adil kepada ahli-ahli koperasi sekiranya mereka ditipu dan tidak diberi maklumat yang telus mengenai hal ehwal pengurusan dan kewangan oleh pemimpin koperasi. Saya hendak tahu, berapa ramai ahli koperasi di seluruh negara yang tampil membuat aduan tentang adanya penyelewengan dalam koperasi di satu-satu kawasan?

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 (SKM) pada hemat saya akan membuka ruang yang lebih luas kepada semua ahli-ahli koperasi di Malaysia untuk mendapatkan pinjaman dana menerusi tabung yang disumbangkan oleh koperasi yang besar dan kukuh untuk mereka mula berniaga atau untuk membesarkan atau mengukuhkan lagi perniagaan bagi merencanakan lagi pembangunan sektor keusahawanan di Malaysia ini. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong penuh Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006. Sekian Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sukacita saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab dan menggulung perbincangan sekali gus sekali lagi menyatakan penghargaan kerana kesanggupan beliau sendiri. Istilah Parlimennya - *see the bill through*.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang dibentangkan pada hari ini. Ucapan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi dan juga Yang Berhormat Senator Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah yang telah bersama-sama turut serta dalam perbincangan ini. Memberi pandangan dan juga cadangan-cadangan dan kesemuanya adalah berasas dan sememangnya akan diambil kira oleh Suruhanjaya Koperasi ini bila diwujudkan kelak.

■ 1440

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini akan membolehkan kerajaan untuk meneruskan usaha bagi kita mengubah Jabatan Pembangunan Koperasi kepada sebuah suruhanjaya kerana perubahan ini penting berasaskan kepada skop dan fungsi yang dicadangkan bagi Suruhanjaya Koperasi ini adakah jauh lebih besar dan mencabar daripada fungsi yang ditangani oleh Jabatan

Pembangunan Koperasi sekarang terutamanya untuk membangunkan sektor koperasi sebagai pemangkin pembangunan ekonomi setanding dengan sektor-sektor yang lain khususnya sektor perbankan dan juga pasaran modal.

Pembentangan akta ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad merupakan satu pengiktirafan menunjukkan kredibiliti sektor itu dan saya tambah keyakinan kerajaan dan harapan masyarakat terhadap sektor ini untuk memenuhi segala keperluan masyarakat dan kerajaan dalam membantu usaha-usaha bagi membangun dan memajukan negara kita khususnya dalam bidang ekonomi. Memanglah kalau kita bandingkan sektor koperasi di dalam negara kita dan sektor koperasi di negara-negara yang lain kita dapati masih banyak lagi yang boleh kita lakukan dan penambahbaikan yang boleh kita bawa dalam sektor ini supaya ia setanding dengan sektor koperasi di negara luar.

Antaranya yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad ialah mengenai koperasi sebagai penyumbang terbesar dalam pekerjaan. Selain daripada itu sewajarnya kita memahami hakikat bahawa sebelum daripada ini koperasi diwujudkan sebenarnya pada mulanya adalah sebagai satu sumber untuk memenuhi keperluan masyarakat sama ada dalam bidang pendidikan, sama ada dalam soal-soal cabaran-cabaran besar yang dihadapi oleh anggota masyarakat yang tidak boleh ditanganinya secara bersendirian tetapi boleh dilakukan secara berkoperasi. Begitu jugalah selama ini koperasi dianggap sebagai sumber bantuan dan kebajikan bagi menghadapi satu-satu masalah oleh anggota ataupun anggota masyarakat di sesebuah tempat.

Persoalannya hari ini apabila kita sudah mempunyai dasar yang jelas iaitu Dasar Koperasi Negara dan diletakkan koperasi ini sebagai di bawah tanggungjawab sebuah kementerian yang juga turut berusaha untuk membangunkan keusahawanan maka kita memberi penekanan kepada koperasi sebagai satu instrumen ekonomi kepada anggota bukanlah semata-mata sebagai sumber bantuan dan kebajikan bagi mengatasi apa-apa masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Kita berpendapat dalam soal kita mahukan supaya koperasi terlibat dan berjaya menyediakan pekerjaan sama ada koperasi berjaya mengatasi kemiskinan, sama ada koperasi boleh menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara yang berada dengan yang tidak berada, segala-galanya bergantung kepada sama ada koperasi itu berjaya dalam kegiatan ekonominya ataupun tidak.

Maka di situlah kita memberi penekanan kepada sektor koperasi itu sebagai instrumen ekonomi sebagai satu tempat di mana dalam keadaan kita menghadapi pertumbuhan ekonomi, sebagai rakyat dan individu kita tidak berkuasa untuk menentukan kita mendapat nikmatnya secara langsung, maka kita boleh lakukan melalui penglibatan kita dan penyertaan kita dalam kegiatan koperasi. Di atas sebab itulah kerajaan memberi penekanan kepada sektor koperasi ini dalam negara menghadapi pertumbuhan supaya koperasi tidak tertinggal, supaya koperasi menjadi mekanisme bagi individu, bagi masyarakat yang tidak berkemampuan untuk terlibat

dalam perniagaan dan sebagainya menggunakan koperasi sebagai instrumen ekonomi untuk kita sama-sama mendapat nikmat daripada pertumbuhan ekonomi.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad mengenai kejayaan Bank Rakyat maka sebagai sebuah koperasi sememangnya tidak mustahil bagi koperasi-koperasi yang lain juga mendapat kejayaan sebagaimana kejayaan Bank Rakyat. Kita perlu lihat apakah yang menyebabkan Bank Rakyat itu berjaya, berbeza dengan sebahagian besar koperasi yang lain. Pertamanya, Bank Rakyat begitu fokus dan mempunyai *core business*. Keduanya pengurusannya dan lembaga pengarahnya diasingkan yang sememangnya kita ingin lakukan dalam sektor koperasi yang terdapat dalam negara kita pada hari ini.

Jadi ini semua merupakan antara sebab-sebab yang kita ingin lakukan tetapi kita sedar bahawa antara cabaran dan isu yang perlu kita lakukan ialah yang ada hubung kaitnya dengan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat semua iaitu peranan yang boleh dimainkan oleh anggota-anggota koperasi itu sendiri. Saya tidak nafikan hakikat bahawa pada hari ini anggota-anggota koperasi itu sendiri tidak mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai prinsip-prinsip koperasi dan mereka tidak begitu memahami akan hak dan juga maklumat mengenai koperasi mereka masing-masing.

Jadi berasaskan kepada hakikat itulah maka kita di peringkat kementerian apabila suruhanjaya ini diwujudkan kita berkehendakkan supaya di kalangan anggota itu sendiri didedahkan dengan maklumat dan juga ilmu serta latihan supaya mereka memahami hak dan juga peranan mereka supaya mereka akan lebih bertanggungjawab khususnya dalam soal-soal apabila mereka melaksanakan kewajipan mereka untuk memilih lembaga pengarah koperasi mereka masing-masing. Hari ini walaupun kita mempunyai Maktab Kerjasama tetapi fokus latihan yang dilaksanakan oleh maktab ialah kepada barisan ahli lembaga pengarah dan juga pengurusan koperasi. Setakat hari ini lebih kurang dekat 40,000 lebih anggota pengarah dan pengurusan koperasi yang telah pun melalui latihan di peringkat maktab tetapi di kalangan anggota sememangnya belum lagi melakukan itu.

Kita berpendapat untuk mengatasi kelemahan yang antara puncanya ialah kerana ketidakfahaman anggota itu sendiri maka perlu ada latihan yang meliputi, yang melibatkan anggota-anggota koperasi. Jadi melalui suruhanjaya itu kita akan luaskan bukan sahaja lembaga pengarah bukan sahaja anggota pengurusan tetapi anggota-anggota juga yang berjumlah lima juta itu akan perlu melalui program-program latihan dan pendedahan serta kesedaran yang mana boleh meningkatkan lagi peranan mereka dalam mereka menjaga dan sama-sama menjayakan koperasi masing-masing. Sememangnya kita juga sedar bahawa kalau kita berusaha untuk lakukan itu maka sudah tentulah usaha untuk memberi dan menyediakan program latihan itu perlu dilakukan di kawasan di mana koperasi itu berada.

Dalam konteks ini seperti yang telah saya nyatakan di dalam perbahasan Dewan Rakyat baru-baru ini kita juga telah mewujudkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah di seluruh negara yang buat ketika ini sebanyak 60 daerah telah pun terlibat. Maka antara peranan MPUD juga ialah untuk menyediakan program, kursus-kursus latihan untuk anggota-anggota koperasi yang terdapat dalam daerah masing-masing. Jadi ini kerana melibatkan orang ramai tentulah mereka tidak mempunyai kesempatan untuk mungkin pergi ke maktab lebih-lebih lagi jika kursus itu memakan masa yang panjang. Maka adalah lebih realistik jika program-program pendedahan itu dilakukan di kawasan di mana mereka tinggal.

■ 1450

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad juga telah membangkitkan secara khusus dan spesifik mengenai peranan koperasi dalam soal pembasmian kemiskinan yang menjurus kepada kemiskinan yang terdapat dalam sektor pertanian dan juga perikanan. Saya ucapkan banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Sememangnya tidak dinafikan bahawa tujuan penubuhan SKM ini ialah supaya semua koperasi yang sekarang ini bukan di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi khususnya yang terdapat dalam sektor pertanian dan perikanan kita akan masukkan dan akan diletakkan di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan kita akan tentukan supaya dalam usaha kita untuk sedikit-sebanyak apabila koperasi ini berada di bawah tanggungjawab suruhanjaya kita akan cuba menyelaraskan pembangunan koperasi ini dalam sektor-sektor ini dan akan menyediakan dan memberi segala kemudahan yang sedia ada kepada koperasi-koperasi asas tani dan juga koperasi pertanian.

Tapi yang paling yang hendak kita lakukan ialah supaya seperti yang dilakukan di negara-negara lain yang kita dapati koperasi dalam sektor ini begitu berjaya sekali ialah kerana mereka menguasai keseluruhan rantai nilai dalam sektor yang mereka ceburi. Mereka merupakan anggota koperasi nelayan mereka tidak berhenti setakat menjual ikan kepada koperasi mereka tapi mereka tentukan melalui koperasi. Koperasi melibatkan diri dalam keseluruhan rantai nilai perniagaan yang boleh dihasilkan melalui sektor itu.

Begitu jugalah dalam sektor pertanian dan atas sebab itu kementerian telah mengambil pendekatan pertama melalui koperasi pekebun-pekebun kecil dan kita telah pilih negeri Johor. Kita mahukan supaya mereka bergabung untuk mewujudkan koperasi sekunder (*secondary corporative*) supaya mereka tidak berpuas hati hanya menjual hasil kelapa sawit dan getah kepada pihak kedua tetapi mereka terlibat untuk sama ada memasarkan, memproses, menjual dan menjadikan ia sebagai bahan *manufacturing* ataupun bahan untuk perkilangan dan sebagainya supaya segala nilai tambah yang didapati daripada bahan itu boleh didapati oleh koperasi dan dengan kejayaan koperasi itu maka bolehlah diberikan nikmat dan diagihkan kepada anggota-anggota koperasi.

Jadi atas sebab itulah kita lihat di negara-negara maju kerana anggota itu yang juga menjadi petani dan nelayan terlibat dalam keseluruhan rantaian nilai sektor yang mereka turut terlibat. Maka kita dapati makin lama tidak ada kemerosotan jumlah sama ada petani ataupun nelayan dalam sektor itu kerana mereka mendapat pulangan yang lebih baik. Berbanding dalam negara kita nelayan setelah menangkap ikan dia berhenti setakat itu. Begitu juga petani setelah mereka sama ada membela lembu ataupun menanam tanaman dan sebagainya setakat mereka menjual dan sudah tentulah harga jual kepada orang tengah tidak memberi harga yang baik kepada mereka lama-kelamaan kita dapati jumlah petani, jumlah penangkap ikan dalam negara merosot kerana tidak ada pulangan yang baik dalam sektor itu.

Jadi kita akan cuba ubah melalui pendekatan koperasi sama ada asas tani, sama ada perikanan, mereka akan terlibat dalam keseluruhan rantaian nilai sektor mereka supaya mereka akan turut mendapat nikmat pada pulangan yang sememangnya amat besar daripada bidang-bidang yang mereka ceburi. Ini kita akan cuba usahakan melalui kewujudan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad juga telah menyebutkan mengenai koperasi dalam kegiatan-kegiatan baru, disebut mengenai koperasi wanita, disebut mengenai kegiatan seperti *home bound care* dan sebagainya dan juga disebut peranan yang boleh dimainkan oleh kaum wanita untuk menggerakkan koperasi. Sememangnya pertama, kementerian menggalakkan tiga golongan untuk menggerakkan koperasi dalam negara kita pada hari ini selain daripada golongan yang sedia ada. Pertamanya golongan wanita, keduanya golongan belia dan ketiganya golongan profesional. Dari segi ketiga-tiga golongan ini bukan setakat menjadi anggota tetapi menerajui dan memimpin koperasi-koperasi yang diwujudkan itu.

Kita berpendapat bahawa potensi yang besar boleh dilaksanakan jika ketiga-tiga golongan ini dapat menyertai dan menggerakkan koperasi di peringkat masing-masing kerana sebagai mana yang telah dinyatakan tadi antara tujuan berkoperasi ialah untuk memenuhi keperluan golongan-golongan yang tertentu. Golongan belia misalnya daripada mereka berkumpul untuk gerakkan soal-soal sosial apa salahnya mereka berkumpul untuk menggerakkan dan terlibat dalam aktiviti ekonomi dan begitu jugalah golongan profesional dan sebagainya kerana sektor koperasi mempunyai kekuatan, soal dana, soal modal, soal sumber boleh didapati sekiranya mereka menggunakan pendekatan koperasi. Hanya satu soal yang mungkin timbul walaupun banyak peluang baru yang boleh didapati dalam sektor koperasi ini ialah sama ada apabila ada peluang hendak buat secara bersyarikat ataupun berkoperasi.

Itulah isunya yang ada di hadapan kita dan saya berharap supaya kita semua di sini dapat sama-sama memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya antaranya memilih berkoperasi sebagai satu pendekatan dan meningkatkan keyakinan untuk keinginan dan keyakinan untuk berkoperasi di kalangan masyarakat dan begitu jugalah mengenai

soal galakan kepada wanita ini juga menjawab kepada apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi sebentar tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, juga tadi telah dibangkitkan mengenai akaun-akaun koperasi tabung-tabung yang baru yang diharapkan supaya tidak dibebankan dengan pembiayaan-pembiayaan baru. Sememangnya itulah yang menjadi hasrat kementerian dan juga suruhanjaya khususnya kumpulan wang likuidasi pusat. Ia adalah bertujuan untuk menentukan koperasi-koperasi yang memberi kredit sebenarnya. Ia melibatkan banyak koperasi yang memberi kredit yang perlu menyumbang kepada tabung ini. Ia bukannya koperasi-koperasi yang terdiri daripada lain-lain yang tidak melibatkan diri dalam pemberian pinjaman dan sebagainya dan sesungguhnya peranan suruhanjaya adalah sudah tentulah untuk menentukan supaya apabila akaun ini semua diwujudkan ia dapat dikendalikan dengan baik dan cekap dan kita akan tentukan pulangan-pulangan yang tertentu akan dapat kita berikan kepada koperasi yang menyimpan wang mereka dalam akaun-akaun yang dimaksudkan itu.

Selain daripada itu, mengenai soal imuniti. Kalau dimaklumkan bahawa imuniti yang dimaksudkan itu ialah imuniti kepada suruhanjaya dalam menjalankan tugas-tugasnya dan tanggungjawabnya dengan tanpa mempunyai maksud yang boleh dipertikaikan dan ia bukanlah imuniti terhadap lembaga pengarah koperasi. Dengan adanya suruhanjaya kita akan terus meningkatkan usaha-usaha untuk mengambil tindakan kepada mana-mana koperasi yang telah langgar peraturan dan menyalahi undang-undang dan sebagainya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di antara tindakan yang telah diambil ke atas koperasi ialah dengan mengenakan kompaun ke atas 61 buah koperasi sejak tahun 2005 dan 2006.

■1500

Manakala kita telah membubarkan lembaga pengarah enam buah koperasi dan memecat seramai sepuluh orang anggota lembaga membuat pemeriksaan dan membuat perintah pembetulan ke atas 146 koperasi dan juga mengeluarkan amaran bertulis kepada lembaga sebanyak lima belas orang. Dahulu jika ada apa-apa kesalahan, hanya koperasi itu yang dikenakan denda dan sebagainya tetapi selepas ini kita juga akan pinda Akta Koperasi Malaysia di mana ianya juga akan boleh dikenakan terhadap Ali Lembaga Pengarah. Dulu kalau ada apa-apa kesalahan, denda dan sebagainya, koperasi yang terlibat, lembaga pengarah tidak kena apa-apa yang paling maksimum, mereka kena tindakan ialah digantung atau dipecat tetapi kali ini mereka juga boleh didenda dan juga boleh dipenjarakan. Jadi itu antara usaha yang akan kita lakukan...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Yang Berhormat, boleh saya mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat kata selepas ada suruhanjaya ini ALP juga akan dikenakan tindakan. Adakah selepas ini apabila berlaku sesuatu kesalahan dari segi ALP ini, diambil tindakan ataupun boleh diambil tindakan kepada ALP

koperasi-koperasi yang sebelum ini yang banyak menghadapi masalah yang membawa koperasi kepada kebangkrutan dan lain-lain.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Dia ada dua. Kegagalan koperasi kerana silap melabur dan sebagainya bukanlah satu kesalahan dari segi undang-undang tetapi kalau melakukan sesuatu dengan niat yang sememangnya melanggar undang-undang yang itu memang....[*masalah rakaman*]....menakut-nakutkan pemimpin-pemimpin koperasi seolah-olah dengan pengumuman ini kita akan kejar semua sekali. Kita sedar bahawa dunia perniagaan ada turun, ada naik dan ada turunnya kerana mungkin suasana, kesilapan membuat pertimbangan itu, semuanya saya percaya bukanlah sesuatu yang rang undang-undang ini mendapati itu sebagai satu kesalahan yang ia boleh dipenjarakan atau didenda dan sebagainya.

Selain daripada itu juga telah diminta supaya dibentangkan laporan suruhanjaya, sememangnya perkara ini akan dilakukan sama ada di Dewan Rakyat, mahupun di Dewan Negara kerana sememangnya ini merupakan sebahagian daripada peruntukan dalam Akta Suruhanjaya Koperasi, khususnya seksyen 39 yang menghendaki penyata akaun dan diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan kepada Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara dan biasanya penyata akaun ini akan dimuatkan dalam buku laporan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Jadi itu, insya-Allah memang kita akan lakukan. Begitu jugalah saya mengambil panduan kepada pandangan supaya kita cuba berhemah, berbelanja tidak lebih daripada RM50 juta yang dinyatakan itu dan juga soal menghantar delegasi untuk membuat lawatan yang mana ditekankan kepada soal mempelajari dan berkongsi pengalaman apa yang ada semua itu kita akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad telah melahirkan kebimbangan, apabila suruhanjaya ini diwujudkan sama ada ianya akan menjadi lebih berkesan ataupun tidak dengan jabatan yang sedia ada. Kalau kita lihat kepada tujuan utama penubuhan suruhanjaya ini, ia adalah untuk merangsang pembangunan sektor koperasi yang terancang dan juga mapan, ia juga bertujuan untuk memastikan kedudukan kewangan dan operasi koperasi kukuh dan selamat, memastikan kestabilan dalam sektor koperasi dan seterusnya menyediakan persekitaran yang kondusif untuk membantu koperasi supaya dapat memenuhi harapan dan hasrat ianya diwujudkan sama ada kepada individu, masyarakat mahupun negara.

Maka atas sebab itu dalam akta ini, kita dapat lihat bagaimana suruhanjaya akan mempunyai kuasa-kuasa yang lebih daripada apa yang terdapat sebelum daripada ini dan kita juga akan menentukan adanya pertambahan pegawai dan kakitangan. Kita telah mengemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, penambahan pegawai dan kakitangan seramai 200 orang.

Di samping itu, dalam soal untuk melahirkan suasana yang kondusif dari segi kestabilan dalam sektor, kita mewujudkan tabung-tabung dan sebagainya kerana kita sedar bahawa dalam soal kita memberi penekanan dan galakan kepada koperasi untuk berniaga, adalah tidak mudah untuk koperasi mendapat pinjaman daripada institusi kewangan swasta kerana mereka tidak

begitu cenderung untuk memberi pinjaman kepada koperasi dan atas konsep hanya koperasi yang faham koperasi, koperasi yang boleh bantu koperasi maka atas sebab itulah kita wujudkan tabung yang bertujuan boleh memberi pinjaman kepada koperasi yang berhasrat untuk memulakan perniagaan dan sebagainya.

Mengenai soal anggota keluarga yang lain, daripada yang telah diputuskan, sukalah saya maklumkan iaitu enam orang anggota yang lain itu kita akan ambil daripada mereka yang mempunyai latar belakang yang berbeza kerana matlamat kita untuk menjayakan suruhanjaya ini adalah supaya menentukan peranan koperasi itu sebagai sektor ketiga penjana pertumbuhan ekonomi akan dapat kita lakukan. Jadi kita akan mengambil kira mereka yang akan menganggotai Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi itu terdiri bukan sahaja mereka yang faham mengenai serta mewakili sektor koperasi, tetapi juga mempunyai latar belakang perniagaan, perbankan, ekonomi dan sebagainya kerana penubuhan suruhanjaya ini bukanlah semata-mata mengenai soal penguatkuasaan, tetapi juga tanggungjawab untuk membangun dan merangsangkan sektor ini khususnya soal penglibatan mereka dalam kegiatan ekonomi. Jadi yang inilah yang akan kita lakukan.

Mengenai Tabung Modal Pusingan. Tabung Modal Pusingan ini merupakan satu tabung yang diwujudkan melalui dana yang diberikan oleh kerajaan dan ia tidak disebut dalam Akta Suruhanjaya Koperasi kerana tabung dalam Akta Suruhanjaya Koperasi adalah tabung yang didapati daripada sumbangan koperasi-koperasi. Itu adalah tabung yang diwujudkan melalui akta yang mesti disumbangkan oleh koperasi. Atas sebab itulah mesti diluluskan dalam akta ini sebagai kuasa undang-undang. Manakala Tabung Modal Pusingan adalah tabung yang diwujudkan oleh kerajaan sebagai satu bantuan kerajaan kepada koperasi yang ingin mendapat pinjaman mudah untuk menjalankan kegiatan dan juga perniagaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Suruhanjaya Koperasi ini, kita akan terus menentukan supaya tabung ini wujud dan kita telah pun mohon kepada Kementerian Kewangan supaya menyerahkan tabung ini kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Jadi tabung itu akan terus ada di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Mengenai Maktab kerjasama Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad sebentar tadi, sememangnya kita akan terus meningkatkan peranan Maktab Kerjasama Malaysia dan meluaskan lagi usaha-usahanya untuk memberi latihan, pendedahan dan ilmu pada pengurusan dan juga Lembaga Pengarah Koperasi dan sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi kita akan kembangkan ini pada soal peranannya untuk memberi pendedahan dan latihan kepada anggota-anggota koperasi itu juga.

Selain daripada itu, mengenai soal peluang-peluang yang sedia ada kepada koperasi, sememangnya ini merupakan satu perkara yang kita titik beratkan apabila sektor koperasi dibawa masuk dalam Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan lebih-lebih lagi apabila wujudnya Suruhanjaya Koperasi.

■1510

Kita akan meningkatkan lagi makluman mengenai peluang-peluang yang sedia ada, yang boleh direbut oleh koperasi. Sama ada program-program kementerian ataupun apa sahaja usaha yang hendak dilaksanakan oleh koperasi itu sendiri. Akhirnya, pendek kata yang pentingnya ialah koperasi itu sendiri mesti membuat keputusan apakah tujuan mereka berkoperasi dan apakah sebenarnya *core business* yang mereka hendak lakukan? Bukannya hanya semata-mata suruhanjaya ataupun kerajaan menetapkan apa peluang yang ada. Jika ini difahami oleh sektor koperasi, maka dengan sendirinya saya percaya, koperasi akan dapat memainkan peranannya sebagaimana yang diharapkan.

Atas sebab itulah pihak kementerian memberi penekanan kepada aspek keusahawanan koperasi. Ini kerana kita mahu nilai-nilai usahawan itu diterap di kalangan dalam sektor koperasi. Nilai-nilai usahawan yang dimaksudkan ialah pertamanya, mampu melihat peluang dan menterjemahkan peluang itu untuk membawa kemewahan. Kedua, menentukan dapat menjayakan kejayaan dan sebagainya. Semua nilai-nilai yang sememangnya ada pada seseorang usahawan. Di sinilah sebenarnya, penekanan yang diberikan oleh kementerian, iaitu soal keusahawanan dalam sektor koperasi itu sendiri.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad telah membangkitkan mengenai macam mana koperasi KUB dahulu boleh bertukar menjadi sebuah syarikat dan sebagainya, dan perlu adanya garis panduan yang tertentu yang dilahirkan supaya menghalang mana-mana koperasi daripada bertukar menjadi sebuah syarikat yang akhirnya boleh menjejaskan kedudukan koperasi itu sendiri. Dalam soal ini, satu perkara yang kita nyatakan bahawa semasa KUB bergerak sebagai sebuah koperasi, ia memang berjaya, tetapi apabila ia hanya menjadi syarikat yang diapung pasaran saham ia mengalami kerugian dan akhirnya tidak berjaya sebagaimana ia menjadi sebuah koperasi.

Atas sebab itu, memang ada asas yang kuat yang dibuat oleh hujah Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Dalam konteks ini kalau dahulu di bawah Akta Koperasi sedia ada, koperasi memang boleh diubah menjadi syarikat sekiranya mendapat kelulusan $\frac{3}{4}$ daripada anggotanya, tetapi selepas ini kita akan pinda Akta Koperasi kita meniadakan ini. Itu bermakna mereka perlu mendapat izin daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Dalam keadaan itu sudah tentulah Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan membuat garis panduan yang tertentu.

Dari apa yang berlaku, tidak akan berlaku pada masa akan datang kepada mana-mana koperasi. Ini kita memang sedar dan prihatin mengenai perkara ini dan kita percaya apabila Suruhanjaya Koperasi ini, ia jalankan tanggungjawabnya. Ini antara perkara yang ia akan memberikan perhatian untuk buat.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Che Puan Sri Kelana telah membangkitkan perkara-perkara yang telah juga saya jawab kepada perbincangan Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum daripada ini. Hanya mengenai soal berapa ramai ahli yang tampil membuat

aduan. Sukalah saya maklumkan bahawa dari segi jumlah angka sebenar saya tidak dapat berikan pada ketika ini, tetapi memang saya tidak nafikan banyak anggota yang membuat aduan terhadap koperasi masing-masing, yang menunjukkan bahawa prinsip-prinsip kebebasan dan amalan demokrasi dalam koperasi itu masih wujud.

Dari masa ke semasa siasatan akan dibuat oleh pihak JPK dan seterusnya selepas ini Suruhanjaya yang akan mempunyai lebih kuasa untuk menentukan keberkesanan kepada pemeriksaannya setelah mendapat aduan daripada pihak anggota dan ini adalah sesuatu yang sememangnya kita juga mengambil berat. Akhirnya, kegagalan untuk memuaskan ataupun memenuhi dan menyiasat aduan yang diberikan itu sedikit sebanyak akan menjejaskan keyakinan masyarakat kepada sektor koperasi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan seterusnya memberi sokongan kepada rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita berada dalam detik-detik yang sebenarnya detik-detik bersejarah kerana kini kerajaan berusaha mempelbagaikan lagi sektor ekonomi negara bagi peningkatan pergerakan koperasi supaya menjadi instrumen pertumbuhan ekonomi negara ternyata.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan Bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal 1 hingga 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD
(PERUNTUKAN KHAS) (PINDAAN) 2006**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.18 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Peruntukan Khas 1978 dibacakan kali yang kedua sekarang.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 adalah pindaan-pindaan berbangkit yang perlu dibuat berikutan daripada penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Cadangan pindaan adalah bertujuan untuk menyeragamkan istilah-istilah supaya selaras dengan istilah-istilah yang diguna pakai dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Rang Undang-undang Koperasi dan bagi menyelaraskan perkataan-perkataan yang terdapat di dalam teks bahasa Inggeris dan teks bahasa kebangsaan.

Bagi selaras dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006, pindaan telah dibuat ke atas Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 yang meliputi pindaan-pindaan konsekuen. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang ini bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas bersama dengan tiga rang undang-undang selepas ini yang merupakan rang undang-undang kesan akibat langsung atau *consequential legislation*.

Saya memaklumkan begitu rupa kerana perbahasan mengenai rang undang-undang induk janganlah serupa dengan perbahasan mengenai rang undang-undang yang mempunyai kesan akibat langsung atau *consequential legislation*. Selepas panduan itu, perbahasan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Mohd. Puad.

3.24 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada satu, dua perkara yang ringkas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Memang, tepat sekali. Apabila kita membahaskan, *consequential legislation* memang satu dua perkara yang ringkas sahaja. [Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Pertama, Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini apakah ia tidak mahu menggalakkan koperasi-koperasi yang ada ini menandatangani kewangan mereka itu ke dalam Bank Rakyat sebab kita tahu Bank Rakyat telah memperoleh keuntungan sebanyak RM626 juta pada tahun lalu dan membayar zakat sebanyak RM30 juta.

Jadi hingga setakat ini, oleh kerana Bank Rakyat ini diasaskan pada tahun 1954 berdasarkan kepada Akta Koperasi 1948, kenapakah koperasi-koperasi ini tidak menandatangani di Bank Rakyat? Kalau ada, berapa jumlah yang didepositkan oleh koperasi-koperasi ini di Bank Rakyat dan kalau ada sedikit maklumat, berapa pula jumlah yang didepositkan di bank-bank yang lain? Saya ingin tahu apakah Bank Rakyat ini memberikan kemudahan kepada koperasi-koperasi ini membuat pinjaman terutamanya untuk mereka melabur dalam bidang pertanian. Itu sahaja secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah.

3.25 ptg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada perbahasan, cuma memohon suruhanjaya dan kementerian memainkan peranan yang lebih berkesan untuk menentukan bahawa sekarang ini Bank Kerjasama Rakyat di bawah BAFIA Bank Negara Malaysia. Dengan tertubuhnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia, mereka juga akan *responsible* ataupun menjawab kepada suruhanjaya, jangan diadakan satu *confusion* atau beban yang lebih kepada Bank Kerjasama Rakyat sebab melaporkan kepada dua bos sekarang ini. Jadi saya memohon agar segala prestasi Bank Rakyat itu akan berterusan. Oleh kerana akta ini adalah satu akta *consequential*, tidak ada perubahan yang material, maka saya dengan ini menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Senator Dr. Haji Mohd. Puad dan juga Senator Dato' Dr. Norraesah. Pertamanya, Bank Rakyat merupakan sebuah bank yang bergerak atas prinsip-prinsip koperasi, tetapi perniagaannya adalah sebagai sebuah bank. Maka dengan sendirinya dari segi pinjaman dan sebagainya, apabila diberikan, ia dilakukan secara komersial. Jika tidak, sudah tentulah Bank Rakyat tidak akan mendapat keuntungan sebagaimana yang kita lihat pada hari ini.

Jadi berasaskan kepada hakikat itu, maka atas sebab itulah dalam banyak hal, koperasi lebih suka membuat pinjaman daripada tabung modal pusingan ataupun itu sahaja yang sedia ada. Apabila kita mewujudkan tabung-tabung yang lain, kemudian di bawah Suruhanjaya Koperasi, maka kita percaya bukan sahaja koperasi akan menyokong menyimpan dana dalam

tabung itu tetapi mudah bagi mereka untuk mendapat pinjaman daripada tabung yang dikelolakan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kalau hari ini Bank Rakyat dipertanggungjawabkan untuk memberi pinjaman kesemuanya kepada keperluan koperasi, kita percaya keuntungan Bank Rakyat tidak boleh sebagaimana yang ada pada hari ini. Atas sebab itulah ada perbezaan dalam konteks ini.

Mengenai kemudahan koperasi dalam sektor pertanian memandangkan selain daripada Bank Pertanian yang telah diwujudkan oleh kerajaan untuk membantu sektor pertanian dan juga yang masih terlibat pun masih boleh pinjam daripada sana. Bank Rakyat tidak secara khusus mempunyai tabung untuk memajukan koperasi yang terlibat dalam pertanian, tetapi itu tidak bermakna tidak boleh membuat permohonan dan pinjaman. Pokoknya kita mesti sedar bahawa Bank Pertanian diwujudkan oleh kerajaan, modal dan sumber datangnya daripada kerajaan.

Bank Rakyat, modal dan sumber datang dari orang ramai yang menjadi anggota-anggotanya iaitu 700 ribu orang. Atas sebab-sebab itulah, berasaskan kepada prinsip demokrasi dan autonomi sebagai sebuah koperasi, kementerian tidak campur tangan, apatah lagi suruhanjaya, terserahlah kepada Bank Rakyat. Pokoknya kena dibuktikan Bank Rakyat walaupun sebagai sebuah bank, tetapi yang bergerak atas prinsip koperasi boleh membuat keuntungan.

Hari ini kita berbangga kerana Bank Rakyat, Bank Koperasi dipunyai oleh 700 ribu individu telah berjaya membuat keuntungan. Jadi saya percaya, terserahlah atas kebijaksanaan pengurusan Bank Rakyat untuk menentukan bagaimanakah mereka boleh mengekalkan tahap keuntungan bank tersebut. Bagi koperasi, jika mereka memerlukan pinjaman, inilah kaedahnya yang kementerian dan suruhanjaya buat. Kita buat cara yang begini.

Hari ini tidak semua koperasi yang simpan duit di Bank Rakyat. Saya hendak katakan, kalau katakanlah koperasi pindahkan duit depositnya kepada tabung yang akan diwujudkan di bawah suruhanjaya, tidak mungkin ia juga menjejaskan Bank Rakyat. Atas sebab-sebab itulah saya berharap dapatnya kefahaman kita mengenai perkara ini.

Mengenai soal Bank Rakyat hari ini di bawah BAFIA, sama ada akan berlaku *confusion*, melaporkan kepada dua bos dan sebagainya, saya ingat ini tidak timbul kerana sekarang ini pun Bank Rakyat di bawah BAFIA, Bank Rakyat kena tanggungjawab dan *accountable* kepada Menteri Kewangan dan juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan bila ianya diwujudkan Suruhanjaya Koperasi, maka keadaan yang sama juga berlaku.

Ini jaminan daripada kementerian kerana kementerian mempunyai kepentingan untuk tentukan Bank Rakyat terus untung kerana itu juga mencerminkan keyakinan kita berkoperasi dan kepada sektor koperasi. Jadi itu penggulungan yang dapat saya berikan dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong rang undang-undang ini.

■ 1530

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan lagi yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah memberikan persetujuan secara prinsip pada 2 Mac 2005 bagi penukaran Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Sehubungan dengan persetujuan ini, satu cadangan rang undang-undang pindaan ke atas Akta Koperasi 1993 perlu dibuat bagi tujuan untuk menyelaraskannya dengan cadangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006. Cadangan rang undang-undang ini akan membolehkan urusan pengawalseliaan dan pemantauan ke atas sektor koperasi dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan ke arah memperkukuhkan sektor koperasi supaya ia lebih mapan, stabil dan teratur dalam urusan pentadbiran aktiviti dan perniagaan. Di samping itu akta ini akan dapat mengekang kelemahan-kelemahan dalam sektor koperasi di peringkat awal sesuai dengan konsep mengelak penyakit lebih baik daripada mengubati, mohon dengan izin *prevention is better than cure*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan pelaksanaan undang-undang yang lebih berkesan, rang undang-undang ini perlu dikuatkuasakan secara serentak dengan Rang Undang-undang Tubuh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Secara ringkas ciri-ciri pindaan yang dibuat ke atas Akta Koperasi 1993 adalah seperti berikut:

Pertama, meningkatkan tadbir urus koperasi. Beberapa peruntukan pindaan dibuat bagi maksud tersebut seperti berikut:

- (i) memansuhkan keperluan pelantikan Jawatankuasa Audit Dalam oleh anggota-anggota koperasi dalam Mesyuarat Agung. Sebaliknya pelantikan Jawatankuasa Audit Dalam akan dibuat oleh anggota Lembaga Pengarah kerana jawatankuasa ini hanya merupakan satu jawatankuasa kecil berdasarkan kepada undang-undang kecil koperasi.
- (ii) memberi kuasa kepada anggota-anggota koperasi untuk melantik anggota lembaga di mesyuarat agung khas dan mereka yang dilantik mempunyai kuasa, misi dan tugas yang sama seperti anggota lembaga yang dilantik dalam mesyuarat agung biasa. Anggota lembaga dan ketua eksekutif koperasi dikehendaki untuk mendedahkan kepentingan mereka dengan sesuatu pembiayaan ataupun kemudahan kredit yang dicadangkan untuk diberikan kepada seseorang yang dia mempunyai hubungan. Ketua lembaga dan ketua eksekutif koperasi dikehendaki untuk menzahirkan kepentingan bercanggah mereka jika jawatan yang dipegang dalam koperasi bertentangan dengan kewajipan atau kepentingan peribadi mereka.
- (iii) mengemukakan maklumat dan dokumen mengenai hal ehwal dan perniagaan koperasi seperti statistik berkala apabila dikehendaki oleh suruhanjaya.

Kedua, meningkatkan keperluan-keperluan berhemah untuk dipatuhi oleh koperasi-koperasi. Suruhanjaya akan diberi kuasa untuk mengenakan keperluan-keperluan berhemah atau dengan izin, *prudential requirement* atas koperasi, kelas atau kategori tertentu untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan dan koperasi mereka. Antara keperluan berhemah tersebut adalah:

- (i) keperluan menyelenggarakan aset cair minimum bagi memastikan koperasi mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan anggota-anggota koperasi pada bila-bila masa;
- (i) keperluan menyelenggarakan kumpulan wang ahli minimum bagi memenuhi keperluan operasi mereka dan sebagai pelapis dalam menghadapi kerugian
- (ii) sekatan ke atas pelaburan dalam harta tak boleh alih oleh koperasi

- (iii) sekatan ke atas pelaburan dalam subsidiari dan pemberian pendahuluan kepada subsidiari
- (iv) penetapan had maksimum ke atas pinjaman yang boleh diberikan kepada seseorang peminjam
- (v) penetapan bentuk dan kandungan penyata kewangan, piawaian perakaunan dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh koperasi dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan.

Ketiga, meningkatkan kuasa pengawalseliaan ke atas koperasi. SKM diberi kuasa pengawalseliaan ke atas koperasi-koperasi bagi menjadikan ia lebih efisien dan berdaya saing dengan sektor kewangan yang lain. Justeru ia dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) kuasa bagi SKM untuk memantau penubuhan subsidiari koperasi dan pergerakan wang atau aset dalam apa-apa bentuk daripada koperasi kepada subsidiarinya
- (ii) koperasi dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran bertulis daripada SKM sebelum membuka cawangannya sama ada dalam atau di luar negara
- (iii) SKM diberi kuasa untuk menyekat pinjaman koperasi daripada bukan anggota kecuali apabila kebenaran diberikan melalui arahan atau garis panduan. Tiap-tiap koperasi dikehendaki untuk menyelenggarakan kumpulan wang rizab *statutory* sebelum mengisytiharkan apa-apa dividen daripada untung bersih terauditnya bagi tiap-tiap tahun.
- (iv) kuasa koperasi untuk membuat pelaburan bagi kumpulan wangnya dalam bon dan *debenture* mana-mana koperasi, cagaran dalam mana-mana syarikat atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang berdaftar di Malaysia.

Keempat, meningkatkan peruntukan penalti atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah rang undang-undang. Hukuman kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dinaikkan menurut berat kesalahan. Hukuman denda diperuntukkan di antara RM100,000 ke RM5 juta. Hukuman penjara bagi tempoh enam bulan hingga lima tahun dan hukuman denda harian ditingkatkan antara RM100 hingga RM5,000. Pelanggaran kesalahan akan dikenakan bukan sahaja kepada koperasi tetapi juga anggota lembaga, pengerusi, setiausaha, bendahari dan juga pegawai koperasi berkenaan. Koperasi dilarang daripada menanggung kerugian akibat salah tindakan mana-mana pegawainya bagi apa-apa liabiliti berikutan pelanggaran undang-undang yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Koperasi 1993 sebagai pindaan berbangkit dan juga menambah beberapa peruntukan baru yang perlu bagi meningkatkan kuasa pengawalseliaan dan penguatkuasaan SKM ke atas sektor koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayaratnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■ 1540

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Munusamy, kemudian Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

3.41 petang

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak akan berbahas cuma minta sedikit penjelasan terhadap beberapa perkara sahaja. Tadi kita telah mendengar huraian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan kepentingan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 5 fasal 6 bertujuan untuk meminda Akta Koperasi 1993 bagi mengurangkan jumlah minimum anggota koperasi daripada 100 kepada 50 orang anggota. Sekiranya 50 orang anggota dikehendaki untuk menubuhkan koperasi, ada kemungkinan terlalu banyak koperasi ditubuhkan. Kalau koperasi terlalu kecil dan bilangan anggota terlalu kurang, koperasi yang sedemikian mungkin tidak *survive*.

Dalam pindaan seksyen 19 fasal 17, Akta Ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 19, supaya mendapat kelulusan secara bertulis daripada suruhanjaya bagi menubuhkan subsidiari koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, *old gold subsidiary* mestilah relevan atau berkaitan dengan menubuhkan objektif koperasi. Koperasi akan mengalami kerugian jika objektif subsidiari tidak relevan dengan objektif asal koperasi. Di sini saya juga ingin menarik perhatian supaya pegawai-pegawai khususnya *chief executive officers* dengan izin yang dilantik mestilah berpengalaman dalam urusan koperasi itu.

Satu lagi penjelasan yang saya minta ialah berkenaan dengan seksyen baru iaitu 52A yang mana larangan mengenai deposit daripada bukan anggota. Saya mengalu-alukan pindaan ini kerana ini boleh mengurangkan dan mengawal operasi *cooperative* dan juga tidak melibatkan orang-orang yang bukan anggotanya.

Ini mengehadkan penerimaan deposit bagi koperasi dan merupakan satu sekatan kepada koperasi yang mana koperasi tidak boleh menerima deposit daripada bukan anggota. Jika koperasi-koperasi boleh menerima deposit daripada anggota dan meminjam wang, koperasi-

koperasi mestilah bertanggungjawab bagi mengambil deposit dan peminjam wang. Konsep akauntabiliti seharusnya diguna pakai dalam konteks ini.

Saya mencadangkan akta mestilah mengehadkan amaun deposit dan pinjaman. Formula untuk mengehadkan ataupun *melimitkan* amaun deposit dan pinjaman harus dituliskan dalam akta ini. Ini sahajalah satu perkara yang saya ingin mendapat penjelasan. Dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

3.44 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada tiga perkara sahaja yang ingin disentuh mengenai Rang Undang-undang Akta Koperasi 1993 ini iaitu mengenai dengan pelaburan, keduanya tentang penubuhan subsidiari dan ketiganya penggabungan koperasi-koperasi ini.

Mengenai dengan pelaburan saya masih ingin membangkitkan perkara seksyen 54 perkara 1 dan 2 iaitu koperasi tidak boleh sewenang-wenangnya melabur ataupun mendepositkan wang berlebihannya sesuka hati. Walau pun akta ini sudah cukup ketat tetapi ada juga berlaku apa yang kita katakan melanggar peraturan ini.

Saya menyokong apabila akta ini memasukkan satu perkara baru iaitu soal denda iaitu lebih kurang sejuta ringgit dan penjara setahun dan denda ini juga dikenakan bukan sahaja kepada koperasi tetapi kepada ahli lembaga pengarahnya. Cuma soal yang saya ingin bangkitkan di sini, saya mengharapkan untuk penjelasan iaitu kenapakah kita tidak memasukkan perkara iaitu tentang pelaburan spekulasi ini, iaitu apakah kita hendak benarkan pelaburan spekulasi ini sedangkan dia banyak membawa kesan yang buruk kepada banyak koperasi terutama yang saya bangkitkan tadi ketika berlakunya *resession*.

Yang kedua ialah pelaburan saham ini. Apakah dalam akta ini ada kriteria-kriteria yang digariskan bagaimanakah koperasi-koperasi ini melibatkan diri dalam pelaburan saham sebab kita tidak mahu koperasi-koperasi ini dengan sewenang-wenangnya melakukan pelaburan saham ini dan akhirnya mendatangkan kerugian kepada koperasi itu sendiri.

Mengenai dengan pelaburan ini juga, saya ingin menyatakan iaitu tentang pinjaman iaitu apakah tidak ada satu mekanisme iaitu supaya koperasi yang ingin membuat pinjaman ini mestilah diperketat syarat-syarat supaya dia tidak mendatangkan kesan yang negatif kepada koperasi-koperasi yang membuat pinjaman terutamanya melalui bank-bank komersial.

Perkara yang kedua iaitu dalam seksyen 19, Akta 1993 ini iaitu mengenai dengan penubuhan subsidiari ini. Kita memang melihat bahawa trend yang berlaku ini kebanyakan koperasi yang mempunyai modal yang besar, trend mereka ialah hendak menubuhkan lebih banyak subsidiari-subsidiari, anak-anak syarikat. Saya berharap bahawa suruhanjaya khususnya SKM ini dapat memantau dan mengetatkan koperasi-koperasi daripada sewenang-wenangnya

mewujudkan apa yang dipanggil sebagai anak-anak syarikat yang mulanya menjadi satu bebanan. Kita lihat ada koperasi yang mempunyai mungkin dia mendapat anugerah tanah daripada kerajaan negeri tetapi modalnya adalah sedikit dan dia juga hendak mewujudkan subsidiari dan akhirnya mendatangkan kesulitan kepada koperasi itu sendiri akibat daripada banyaknya subsidiari-subsidiari yang tidak terkawal ini.

Kemudian soal penggabungan koperasi-koperasi ini. Kita melihat trend-trend yang berlaku seperti bank apabila digabungkan dia akan menjadi lebih kuat. Syarikat-syarikat perladangan yang digabungkan maka dia akan beroperasi dengan modal dan sumber yang lebih besar sebenarnya tetapi kita melihat di negara kita ini penggabungan koperasi-koperasi khususnya di luar bandar bukan jarang tetapi saya rasa macam tidak pernah berlaku.

Barangkali ini juga harus diberi perhatian melalui akta ini iaitu bagaimanakah jika sekiranya koperasi itu yang sudah terlalu kecil dan tidak berkemampuan ini digabungkan sahaja dan menjadi satu koperasi yang lebih besar dengan mendapat sokongan dan bantuan daripada suruhanjaya sendiri. Itu sahaja yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong sebenarnya rang undang-undang ini. Terima kasih.

3.48 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Munusamy dan juga Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan kepada pindaan Rang Undang-undang Akta Koperasi pada hari ini. Sebenarnya segala pindaan yang kita buat ini, selain daripada ianya adalah kesan daripada pembentangan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia ia juga mengambil kira pelbagai masalah dan cabaran yang sedang dihadapi oleh sektor koperasi pada hari ini dan cadangan-cadangan serta pindaan-pindaan untuk peruntukan-peruntukan yang kita pinda pada hari ini sememangnya merupakan perkara dan masalah yang sentiasa dihadapi oleh koperasi-koperasi di dalam negara kita.

Yang Berhormat Senator Munusamy telah melahirkan kebimbangan sama ada jumlah 50 itu jika ia menjadi syarat bagi mewujudkan koperasi boleh memungkinkan koperasi itu bertahan dan sebagainya.

■1550

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan kita mengurangkan jumlah syarat untuk menubuhkan koperasi dari 100 ke 50 orang ialah untuk menunjukkan betapa kita menggalakkan usaha-usaha bagi menubuhkan koperasi. Kalau penekanan kita hari ini ialah pada kaum wanita, golongan profesional dan juga belia. Kalau kita meletakkan syarat jumlah anggota yang begitu tinggi, mungkin akhirnya kita tidak akan dapat melihat mereka ini semua menyertai ataupun berusaha untuk mewujudkan koperasi.

Kita ingin memudahkan proses untuk mewujudkan koperasi. Soal sama ada mereka boleh berjaya, boleh *survive* ataupun tidak, kita akan lakukan melalui pendekatan yang lain. Saya tidak fikir jumlah itu menentukan *survival* ataupun tidak. Kadang-kadang ada koperasi yang besar, anggota seribu pun tidak boleh *survive*. Jadi, soal jumlah itu antara 100 ke 50 adalah semata-mata untuk mengatasi soal meningkatkan kecenderungan anggota masyarakat untuk mewujudkan koperasi.

Kita mahu peringkat permulaan dipermudahkan supaya mereka dapat mewujudkan koperasi. Atas sebab itulah jumlah daripada 100 itu diturunkan kepada 50. Malah saya juga suka nyatakan bahawa sebenarnya kadang-kadang ada juga yang datang berjumpa dengan saya, 20 orang. Sudah dikumpulkan 20 orang hendak wujudkan koperasi. Lebih-lebih lagi koperasi atas nama keluarga. Ia menunjukkan betapa soal kita kurangkan itu juga daripada 100 kepada 50 sudah memberi satu kemudahan yang boleh meningkatkan peluang mereka untuk mewujudkan koperasi.

Mengenai soal subsidiari mesti relevan dengan objektif koperasi. Sebenarnya dalam pihak Suruhanjaya Koperasi yang akan diwujudkan kemudian nanti membuat keputusan sama ada dibolehkan ataupun tidak, kita memang akan mengambil ini sebagai satu panduan. Selain daripada kita melihat bahawa tujuan penubuhan subsidiari itu juga bertujuan untuk mengembangkan perniagaan, bertujuan mewujudkan subsidiari bagi tujuan mendapat tenaga pengurusan yang lebih mahir dan berpengalaman.

Ini kerana mereka tidak mahu duduk di bawah koperasi tetapi mungkin duduk di bawah syarikat subsidiari yang diwujudkan oleh koperasi. Penubuhan subsidiari adalah bertujuan bagi membolehkan koperasi itu, melalui subsidiarinya mengadakan kerjasama dan pakatan perniagaan dengan syarikat-syarikat swasta yang lain, bukan antara koperasi tetapi subsidiarinya. Pelbagai alasan boleh dikemukakan oleh koperasi untuk tujuan mereka mewujudkan subsidiari. Pendek kata subsidiari memang merupakan satu cara dan pendekatan, lebih-lebih lagi dalam soal kita akan menggalakkan keusahawanan koperasi dan koperasi menjadi instrumen ekonomi.

Di negara Barat, tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah telah menyatakan semuanya koperasi mewujudkan syarikat supaya gerakan sebagai syarikat yang lebih fleksibel, yang boleh mengambil tenaga mahir dan sebagainya. Ini kerana dalam perniagaan hendak buat keputusan yang cepat, dalam koperasi hendak buat keputusan kena buat mesyuarat agung, jadi dipindahkan ke situ. Yang penting ialah urus tadbir yang selari, yang boleh jaga soal akauntabiliti, soal amanah, soal etika – Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi katakan tadi. Itu yang penting.

Ini semua dapat kita bangunkan, kita akan dapat bukan sahaja koperasi itu berjaya tetapi subsidiari yang diwujudkan itu juga boleh mendapat kejayaan yang dilakukan oleh koperasi-koperasi di luar negara. Begitu juga seksyen 52A, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi

mengenai larangan deposit daripada bukan anggota. Yang Berhormat telah meminta supaya dinyatakan amaun tersebut di dalam akta secara spesifik. Saya percaya soal ini biarlah dilakukan secara pentadbiran. Ini kerana kalau disebut secara spesifik dalam akta; dua, tiga tahun lagi dalam keadaan suasana yang berubah kita terpaksa pinda akta dan sebagainya.

Kita percaya kalau kita buat melalui cara pentadbiran, kita akan sentiasa mendapat input daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, di samping kita meneliti keadaan kedudukan koperasi-koperasi ini dan kita mengambil tindakan berasaskan kepada apa yang kita dapat lihat melalui perjalanan koperasi-koperasi itu. Jadi, pada pandangan Kementerian, tidaklah perlu kita menulis ataupun memperuntukkan secara spesifik jumlah-jumlah yang patut dikenakan ke atas koperasi.

Begitu jugalah dengan soal pelaburan dan juga pinjaman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, soal sama ada dibenarkan pelaburan yang bersifat spekulatif dan juga pelaburan dalam saham-saham dan sebagainya. Saya percaya ini antara perkara yang akan diambil kira oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang perlu melahirkan kriteria-kriteria yang tertentu, sebelum sesebuah koperasi itu boleh melibatkan diri di dalam pelaburan yang sedemikian rupa.

Walau bagaimanapun, sama ada pelaburan spekulasi, yang berbentuk spekulasi itu melanggar ataupun tidak kita kena juga melihat sama ada koperasi itu diwujudkan bertujuan untuk terlibat dalam pelaburan yang sedemikian rupa. Bagi koperasi-koperasi yang lain, yang hanya merupakan tempat di mana anggota menabung kemudian kerana jumlah tabungannya yang besar, mereka ingin melabur di dalam kegiatan yang bersifat spekulasi mungkin itu kita tidak akan benarkan. Kalau koperasi itu memang koperasi untuk terlibat dalam pelaburan dalam pasaran saham dan kerana anggota yang menyertainya memahami itu risiko yang mereka ambil, itu tidak menjadi masalah kepada kita.

Jadi, walau apa pun pihak Suruhanjaya Koperasi perlu melihat ini kerana sememangnya ini merupakan satu daripada punca kita menghadapi masalah dalam sektor koperasi. Seterusnya soal penubuhan subsidiari tadi, memang kita akan membuat pemantauan kerana sebelum daripada ini antara masalah kita ialah kadang kala ada koperasi yang mewujudkan subsidiari bertujuan semata-mata untuk memindahkan kewangan dan sebagainya. Bertujuan juga semata-mata untuk menentukan mereka yang menerajui subsidiari itu diberi bayaran yang lebih sebagai anggota pengarah dan sebagainya. Jadi, semuanya ini akan dipantau oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Soal penggabungan, saya bersetuju. Satu daripada prinsip koperasi yang perlu difahami ialah koperasi menolong koperasi. Perlu wujudnya *networking* antara koperasi dengan koperasi. Dalam negara kita memang perkara ini kurang. Kita akan beri tumpuan kepada soal-soal supaya koperasi jangan lihat ke dalam tetapi koperasi melihat ke luar. Cuba untuk mengadakan kerjasama antara mereka sesama mereka, wujudkan satu *networking* dan jalinan dan akhirnya memaksimumkan kekuatan yang ada pada koperasi itu apabila mereka berganding.

Perkara ini adalah merupakan satu pendekatan yang kita percaya perlu dilakukan dalam usaha kita untuk merealisasikan matlamat koperasi sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Kita juga sedang melihat sama ada boleh kita wujudkan koperasi sekunder atau *secondary co-operative* untuk menangani isu-isu dan cabaran-cabaran yang ada dalam masyarakat pada hari ini. Misalnya dalam soal kepenggunaan, koperasi yang mempunyai bilangan anggota yang ramai; koperasi guru, koperasi polis dan koperasi tentera.

■1600

Jika digabungkan kesemuanya, anggotanya mungkin berjumlah sejuta orang. Yang mungkin menggunakan modal yang ada padanya, mereka melibatkan diri dengan membuka kilang dan sebagainya yang boleh mengeluarkan barang-barang pengguna seperti sabun ataupun barang makan yang boleh dijual kepada anggota dengan harga yang berpatutan. Ini yang dilakukan oleh banyak koperasi di negara-negara lain dan di dalam negara kita belum lagi dilakukan itu, tetapi saya berharap dan percaya kepada kementerian dan suruhanjaya, apabila diwujudkan kelak akan memainkan peranan sebagai fasilitator. Fasilitator untuk bergabung, menemukan mereka supaya mereka dapat memikirkan bagaimana jumlah anggota yang ramai, dana yang banyak, modal yang sedia ada digunakan untuk menangani cabaran dan masalah yang ada di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun sebenarnya sudah habis untuk menggulung. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan kepada pindaan Akta Koperasi pada hari ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 86 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang terhormat, kita telah dapat saksikan bagaimana sesuatu rang undang-undang atau beberapa rang undang-undang telah dipandu dengan baik oleh seorang Yang Berhormat Menteri supaya ia menjadi undang-undang. [*Tepuk*]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan rang undang-undang berikut, pertama, Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006 bagi meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 sebagai pindaan berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006. Apabila Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Akta Koperasi (Pindaan) 2006 berkuat kuasa, koperasi berasaskan pertanian akan dikawal selia dan diawasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006. Butiran terperinci mengenai rang undang-undang adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 dan 3 bertujuan untuk memotong seksyen 33 dan 34 Akta Pertubuhan Peladang 1973 kerana kuasa mengawal selia dan mengawasi koperasi berasaskan pertanian akan terletak hak pada Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006.

Fasal 4 bertujuan untuk memotong subperenggan 35(2)(c)(iii) Akta Pertubuhan Peladang 1973 kerana kuasa untuk mengawal selia penubuhan, pengurusan dan pengawalan koperasi berasaskan pertanian akan terletak hak pada Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006.

Fasal 5 mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Siapa yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ada ahli-ahli yang bercadang untuk berbahas? Ya, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan keizinan kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Saya cuma ingin membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh semasa Pertubuhan Peladang di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kuasa Lembaga Pertubuhan Peladang sebagai pendaftar dari zaman berzaman, ini bermakna suruhanjaya akan mengambil alih. Jadi, sudah pasti akan ada satu kejutan budaya (*cultural shock*) kerana sepanjang-panjang masa daripada selepas merdeka sampai sekarang, pendaftarnya ialah Lembaga Pertubuhan Peladang yang memang memahami tentang perjalanan institusi Pertubuhan Peladang Kawasan, Pertubuhan Peladang Negeri dan NAFAS Kebangsaan. Ini kali yang pertama kita akan dapati bahawa peralihan kuasa pada suruhanjaya. Saya hendak pastikan sama ada pelantikan menteri untuk Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Peladang Negeri akan dimasukkan iaitu selain daripada Ahli Lembaga Pengarah yang dipilih dan ada empat yang dilantik. Yang ini *prerogative* pemimpin menteri.

■ 1610

Saya rasa sekarang ini usahawan bukan Menteri Pertanian, jadi saya cuma nak pastikan siapa yang nak melantik empat orang ini, ada atau tidak? Akan ada atau tidak lantikan menteri, mungkin lantikan menteri ialah *check* dan *balance* lah, jika setengah persatuan itu mempunyai anggota yang tidak profesionallah kita kata.

Jadi menteri akan lantik orang yang arif yang akan *balance* supaya perjalanan pertubuhan peladang itu tadi berada di garis yang sewajarnya.

Saya berharaplah supaya pihak suruhanjaya juga akan turun untuk melihat sendiri organisasi pertubuhan peladang itu sendiri, sebab apa bukan senang kita nak tahu juga tentang apakah peranan yang dimainkan oleh pertubuhan peladang, kawasan dan negeri dan nafas kebangsaan kerana kalau tidak ia tidak *tally*, kalau kita tidak betul faham dia tidak akan *tally* dan mangsanya akan jatuh kepada petani-petani luar bandar dan ini akan menjejaskan kredibiliti ekonomi, kewibawaan dan kemiskinan petani itu sendiri.

Ini penting. Kita bukan nak tengok hierarki di atas tetapi hierarki sebenarnya yang praktikal, yang membuat kerja dan manusia sebenar yang mendukung kerajaan ialah petani-petani. Jadi kita hendak pastikan bahawa petani terbela sebenar-benarnya.

Bukan kita hendak glamor kan suruhanjaya sahaja, tapi tak guna pada nama tapi pada perbuatan, jadi dalam pertubuhan peladang negeri ia ada input pertanian, unit mekanisasi, kilang-kilang, mini market dan ada berbagai-bagai perkara yang kita nak jaga. Kalau sekarang keadaan dah elok kita adakan suruhanjaya kerana kita nak lebih elok, lebih cantik dan lebih aktif program. Masyarakat luar bandar ini petani hanya keseluruhan di Malaysia yang beri kita beras, yang sekarang pun masuk sekali bermakna ada beras, ada nelayan selamat negara ini.

Jadi yang ini saya nak pastikan supaya benar-benar ada *accountability* kepada rakyat luar bandar, dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tidak ada saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang merasakan keprihatinan Yang Berhormat tadi bila akan diambil alih oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini.

Jadi Yang Berhormat sebenarnya dengan berkuat kuasanya Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang telah diluluskan, maka semua kuasa-kuasa yang diletak hak kepada ketua Pengarah LPP seperti Yang Berhormat kata tadi berhubung dengan pendaftaran, penyeliaan dan pengawasan koperasi-koperasi yang berasaskan pertanian memang akan dipindah kepada SKM.

Maka kedudukan koperasi dan pertubuhan peladang akan kembali kepada kedudukan asal seperti mana sebelum tahun 1973 iaitu sebelum tahun 1973 memang ini di kawal selia oleh koperasi tapi selepas itu diberi kepada LPP dan sekarang ia berbalik kepada asalnya.

Jadi jumlah koperasi yang berasaskan pertanian yang akan diserahkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sekarang ini berjumlah 553 buah. Sebenarnya jumlah asal adalah 1533 buah tetapi 900 buah selebihnya telah ditutup atau di batalkan sebab sudah tidak berfungsi.

Jadi dalam pada itu LPP sudah menjalankan rundingan dengan pihak Jabatan Pembangunan Koperasi untuk membenarkan LPP terus membantu. Kita rasa apa Yang Berhormat sebutkan tadi.

Jadi kita telah menulis kepada Jabatan Pembangunan Koperasi untuk membenarkan LPP terus membantu mengawal selia dan membangunkan koperasi-koperasi ini di atas justifikasi sebagai unit ahli kepada pertubuhan peladang kawasan.

Tadi Yang Berhormat telah bertanya dari segi lantikan. Sebenarnya Yang Berhormat bila kita sudah serah macam itu bermakna segala-galanya telah diserahkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Jadi terpulang kepada Yang Berhormat Menteri yang menjaga Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk menentukan mereka-mereka yang akan menduduki di dalam mungkin ahli lembaga pengarah sebab ini memang kita serahkan.

Yang Berhormat izinkan saya memberi kesan positif untuk menenangkan hati Yang Berhormat, kesan positifnya adalah kerajaan berkeyakinan bahawa dengan adanya Akta SKM ini, dan pindaan kepada Akta Pertubuhan Peladang 1973 akan menambah nilai atau dengan izin *value added* kepada kualiti pergerakan koperasi seluruh negara kerana bantuan dan sokongan kerajaan akan di salurkan melalui SKM kepada koperasi-koperasi yang didaftar di bawahnya.

Oleh yang demikian, koperasi-koperasi berasaskan pertanian yang sekarang ini di bawah LPP akan turut menerima manfaat bantuan dana dan latihan serta nasihat dari SKM, di samping boleh terus mendapat bantuan penyeliaan dan bantuan pembangunan dari LPP.

Kerajaan melalui LPP boleh menumpukan aktiviti dan fungsi untuk membangunkan pertubuhan peladang. Jadi Yang Berhormat, pertubuhan peladang masih di bawah kita. Nikmat, nafas masih di bahawa kita dan usahawan peladang untuk kita bangunkan lagi usahawan peladang. Jadi kita tolakkan cerita koperasi dikawal selia oleh SKM tetapi dari segi pertubuhan peladang dan semua kegiatannya masih di bawah Kementerian Pertanian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN NELAYAN (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.19 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang

undang-undang bernama sewaktu akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971 di bacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya mohon mengemukakan rang undang-undang berikut iaitu Rang Undang-undang Persatuan Nelayan 1971 (Pindaan 2006) bagi meminda Akta Persatuan Nelayan 1971.

■ 1620

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971 sebagai pindaan berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006. Apabila Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Akta Koperasi (Pindaan) 2006 berkuat kuasa Koperasi Nelayan akan dikawal selia dan diawasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Butiran terperinci mengenai rang undang-undang adalah seperti berikut. Fasal 1, mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2, 3, dan 4, adalah pindaan berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan pindaan kepada Rang Undang-undang Koperasi 1993.

Fasal 5, 6 dan 7, bertujuan untuk memotong seksyen 34, 35 dan 36 Akta Persatuan Nelayan 1971 kerana kuasa mengawal selia dan mengawasi Koperasi Nelayan akan terletak hak kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006.

Fasal 8, mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua: Tiada perbahasan. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab kalau ada.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak ada perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada Yang Berhormat boleh menjawab.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.26 ptg.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penggunaan mandatori biobahan api pelesenan aktiviti yang berhubungan dengan biobahan api dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, faktor-faktor seperti kenaikan harga bahan api fosil yang agak tinggi pada tahun lepas dan kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar telah mendorong kebanyakan negara di dunia untuk menggunakan bahan api alternatif yang mesra alam dan boleh diperbaharui sebagai sumber tenaga.

Dalam hubungan ini, Malaysia juga tidak ketinggalan dalam usaha untuk menghasilkan sumber tenaga alternatif. Kerajaan telah memutuskan agar usaha-usaha diambil untuk memajukan pengeluaran biobahan api berasaskan sawit bagi kegunaan dalam negara dan untuk pasaran eksport.

Program penyelidikan dan pembangunan berkaitan biobahan api berasaskan sawit telah lama dilaksanakan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, biobahan api sawit boleh

dihasilkan melalui dua kaedah. Kaedah pertama adalah melalui proses penukaran minyak sawit kepada metil ester, kaedah kedua adalah dengan mengadunkan terus minyak sawit proses dengan diesel petroleum.

Melalui usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah berjaya mempertingkatkan teknologi pengeluaran biobahan api berasaskan sawit atau biodiesel sawit dengan mengkomersialkan teknologi tersebut untuk pasaran dunia. Kedua-dua teknologi berkenaan adalah hasil biobahan api biasa atau dalam takat tuang 15°C dan biobahan api bertakat tuang rendah, takat tuangnya 0°C sehingga -21°C yang sesuai untuk negara beriklim sederhana.

Teknologi MPOB ini juga mampu memenuhi piawaian antarabangsa iaitu piawaian biodiesel Eropah EN14214 dan Amerika Syarikat ASTM D6751.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, dasar biobahan api negara telah dirangka dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Mac 2006. Dasar ini bertujuan untuk menjelaskan komitmen kerajaan ke arah penggunaan sumber tenaga yang lebih mesra alam dan boleh diperbaharui. Di samping itu, dasar ini juga menetapkan hala tuju dan menasaskan biofuel atau biobahan api dijadikan satu daripada lima sumber tenaga di Malaysia. Lima teras strategi utama di bawah Dasar Biobahan Api Negara adalah penggunaan-penggunaan biobahan api untuk pengangkutan, industri, pembangunan teknologi biobahan api, eksport biobahan api dan penggunaan biobahan api yang lebih mesra.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006 ini merupakan satu perundangan yang berkenaan dengan industri biobahan api. Ia merangkumi pelbagai aspek yang membolehkan negara melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan biobahan api berlandaskan undang-undang. Dengan adanya rang undang-undang ini, saya pasti pembangunan dan pelaksanaan industri biobahan api dapat dikawal selia untuk memastikan perkembangannya dengan berdaya maju dan berdaya saing.

Secara amnya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Biobahan Api Malaysia 2006 ini mempunyai IV bahagian dan 56 fasal. Bahagian I, mengandungi peruntukan permulaan daripada Fasal 1 sehingga 3. Bahagian II, mengandungi peruntukan mengenai aktiviti yang ditetapkan dan perlesenan daripada Fasal 4 sehingga Fasal 15. Bahagian III, mengandungi peruntukan berhubung dengan penguatkuasaan, penyitaan, penangkapan dan sebagainya. Daripada Fasal 16 sehingga Fasal 45. Bahagian IV, mengandungi peruntukan am daripada Fasal 46 sehingga 56.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang substantif yang terdapat di dalam rang undang-undang tersebut adalah aktiviti yang ditetapkan. Fasal 4 mengenai aktiviti yang di mana Yang Berhormat Menteri boleh menetapkan:

- (i) jenis biobahan api yang dinyatakan di dalam jadual pertama dan peratusan mengikut isi padu untuk diadunkan dalam mana-mana bahan api; atau
- (ii) apa-apa aktiviti yang baginya penggunaan biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain hendaklah dijadikan mandatori.

Jadual pertama di dalam rang undang-undang ini adalah berhubung jenis biobahan api iaitu olein minyak sawit dan metil ester. Mengenai kehendak bagi lesen Fasal 5 mengandungi peruntukan mengenai kehendak bagi perlesenan aktiviti tertentu yang berhubung dengan biobahan api di mana tidak ada seorang pun boleh:

- (i) memulakan untuk membina apa-apa loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api;
- (ii) mengeluarkan apa-apa biobahan api;
- (iii) mengadun apa-apa biobahan api dengan apa-apa bahan api atau biobahan api yang lain;
- (iv) mengeksport apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain;
- (v) mengimport apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api yang lain;
- (vi) mengangkut apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api yang lain yang berkaitan dengan aktiviti huluan;
- (vii) menyimpan apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api yang lain yang berkaitan dengan aktiviti huluan;
- (viii) mengukur apa-apa biobahan api. Biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api yang lain; atau

- (ix) menguji apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api yang lain.

Semua ini Tuan Yang di-Pertua perlulah mengadakan pelesenan. Kalau tanpa lesen yang sah dikeluarkan di bawah akta ini, maka sesiapa sahaja yang menjalankan aktiviti tersebut akan disifatkan sebagai kesalahan dalam undang-undang.

Pihak berkuasa pelesenan. Fasal 6 peruntukan bahawa pihak berkuasa pelesenan berkenaan dengan biobahan api yang tertentu adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua. Jadual Kedua di dalam rang undang-undang ini menyatakan bahawa pihak berkuasa pelesenan adalah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi atau semasa tiada ketua setiausaha, mana-mana orang yang diberi kuasa sewajarnya oleh menteri secara bertulis. Kuasa menteri Tuan Yang di-Pertua adalah melalui Fasal 4 kerana menteri diberi kuasa menetapkan melalui peraturan-peraturan jenis biobahan api dan peratusannya mengikut isi padu untuk diadunkan dalam mana-mana bahan api seperti yang di dalam Jadual Pertama.

Menteri diberi kuasa untuk menetapkan aktiviti yang di dalamnya. Penggunaan biobahan api hendaklah dijadikan mandatori. Fasal 14 pula bertujuan untuk memberi kuasa untuk memberi arahan am kepada pihak berkuasa pelesenan. Di bawah 15, menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai pelesenan aktiviti biobahan api dan cara memohon bagi lesen, fi, syarat dan untuk menghadkan bilangan lesen yang dikeluarkan.

Fasal 16 pula memberi menteri kuasa melantik pegawai berkuat kuasa yang perlu bagi maksud perjalanan kuasa penguatkuasaan di bawah akta ini.

■1640

Fasal 53 bertujuan untuk memberi menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan akta yang dicadangkan ini. Fasal 54 - menteri boleh selepas berunding dengan pihak berkuasa pelesenan meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua melalui perintah yang disahkan dalam warta. Melalui Fasal 55 - menteri boleh selepas berunding dengan pihak berkuasa pelesenan membuat peraturan-peraturan yang perlu atau sesuai bermanfaat bagi melaksanakan sepenuhnya atau menjalankan peruntukan-peruntukan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah permulaan metil ester berasas sawit yang dihasilkan adalah bagi tujuan eksport. Metil ester berasaskan sawit ini mempunyai pasaran yang luas terutamanya di negara-negara di Eropah, Korea Selatan, Jepun dan Amerika Syarikat. Untuk kegunaan tempatan pula, kerajaan bercadang untuk memulakan penggunaan biobahan api yang merupakan adunan B5 yang dikenali sebagai Envodiesel. Envodiesel adalah adunan 5% minyak sawit proses dengan diesel petroleum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MPOB sedang menjalankan pelbagai uji kaji lapangan berhubung dengan penggunaan Envodiesel. Beberapa kenderaan daripada sektor awam dan juga sektor swasta terlibat dalam uji kaji ini. Setakat ini uji kaji berkenaan menunjukkan keputusan yang positif. Kita harap dalam hujung bulan ini, semua uji kaji itu akan siap, akan tamat dan hasilnya akan dikumpulkan. Satu keputusan yang umum akan dibuat dan pada masa itulah kita harap semua uji kaji ini akan ada keputusan yang positif juga.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mencakupi pengeluaran semua biobahan api atau biodiesel dan bioetanol tidak kira daripada apa-apa sumber jua. Jadual Pertama boleh dipinda melalui perintah yang disiarkan melalui warta untuk memansuhkan atau menambah jenis-jenis biobahan api yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan untuk membangunkan industri biobahan api telah mendapat reaksi yang positif daripada pihak industri. Ini dapat dilihat daripada jumlah permohonan yang mendapatkan lesen biobahan api. Sehingga kini, sebanyak 51 permohonan telah diluluskan. Tujuh buah kilang telah mula beroperasi di mana empat buah kilang telah menjalankan pengeluaran komersial dengan kapasiti 240,000 tan dan tiga buah kilang lagi sedang menjalankan pengeluaran percubaan dengan kapasiti 212,000 tan.

Bagi tempoh Ogos 2006 sehingga April tahun ini, sejumlah 31,725 tan biodiesel telah dieksport dengan nilai pendapatan RM178.59 juta. Destinasi utama pengeksportan adalah Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun. Terdapat beberapa kilang-kilang di dalam pelbagai fasa pembinaan dan pada akhir tahun ini, dijangka tujuh sehingga sepuluh buah kilang lagi akan bermula beroperasi. Sekiranya rang undang-undang ini diluluskan, kementerian saya akan memastikan pemantauan yang lebih rapi ke atas aktiviti-aktiviti pengeluaran biobahan api. Kerajaan ingin memastikan bahawa mereka yang betul-betul serius dan layak sahaja terlibat dalam pengeluaran biobahan api.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertanya bahawa akta ini belum diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, macam mana kita sudah boleh mengeluarkan lesen bagi kilang biobahan api. Ingin saya sebut di sini pada awal pembentangan akta ini bahawa lesen yang sekarang dikeluarkan adalah daripada pihak MIDA dan bukan daripada kementerian saya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayaratnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penggunaan mandatori biobahan api, pelesenan aktiviti yang berhubung

dengan biobahan api dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Hendak bagi siapa dahulu? Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, selepas itu Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

4.47 ptg.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyertai dalam perbahasan Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006 yang sebentar tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri yang mana tersendiri mencerminkan betapa pentingnya rang undang-undang ini serta kesungguhan menteri sendiri terhadap industri minyak sawit. Ia juga menandakan satu tuju arah dan melangkah satu titik lagi dalam menambahbaikkan industri minyak sawit dan perkembangannya sehingga masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum tentang perkembangan pembangunan industri minyak sawit di negara ini. Pokok kelapa sawit atau dipanggil nama saintifiknya *Elaeis Guineensis* yang berasal dari Afrika Barat dan diperkenalkan di Malaya dulu sebagai pokok perhiasan sahaja. Namun sejak tanaman komersial dimulakan pada tahun 1917 di Kuala Selangor, tanaman ini telah berkembang dengan begitu pesat. Sehingga kini, lebih dari dua juta hektar telah ditanam dengan kelapa sawit. Pengeluarannya pada tahun 1960 ialah lebih kurang 92,000 tan sahaja tetapi kini ianya telah mencapai lebih kurang 18 juta tan pada tahun 2006 dan dijangka meningkat ke 20 juta tan pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dari segi nilai eksport, ia bergantung kepada harganya. Kadangkala ianya pernah mencecah saya ingat tahun ini akan mencecah lebih daripada RM30,000 juta. Di samping itu, lebih daripada 200,000 keluarga pekebun kecil FELDA, FELCRA dan RISDA bergantung pada industri ini dan tambahan lagi lebih kurang 100,000 pekerja di ladang-ladang swasta.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya dalam menghuraikan fakta-fakta ini secara ringkas adalah untuk menekankan betapa pentingnya industri minyak sawit terhadap negara mahupun dari segi pendapatan negara ataupun dari segi peluang pekerjaan dan seterusnya memberi satu gambaran yang jelas tentang peranan industri minyak sawit dan sumbangannya terhadap pembangunan negara pada amnya.

■ 1650

Bagi saya sendiri, saya amat sentimental memandangkan saya pernah berkhidmat dan telah berkhidmat di kementerian terdahulu, Kementerian Perusahaan Utama selama lebih dari 20 tahun dan saya masih teringat-ingat betapa pahit dan manis bagaimana kita melawan sebagai satu pasukan jitu dalam semangat kepentingan negara Persatuan Kacang Soya Amerika

(*American Soy Bean Association*) yang bertubi-tubi melontarkan berbagai-bagai tohmahan terhadap minyak sawit kononnya minyak sawit adalah mudarat bagi kesihatan manusia.

Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengimbas kembali secara ringkas peristiwa kempen anti minyak sawit supaya kita sama-sama dapat mengerti serta memahami dengan lebih jelas akan perjuangan ini yang mana saya amat terlibat dalam apa saya gelar sebagai dengan izin, *war of the oils*. Peperangan ini dimulakan pada Ogos tahun 1986. Kebetulananya Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik baru mengambil alih jawatan Menteri Perusahaan Utama dari Yang Berhormat Dato'Paul Leong.

Apabila *Centre for Science in the Public Interest* menghantar petisyen kepada USFDA supaya semua minyak tropika iaitu minyak sawit dikelaskan sebagai minyak *saturated* dalam lima bulan kemudian *American Soy Bean Association* dengan izin juga mengemukakan petisyen yang sama. Di samping itu pada 23 April 1987 *House of Representative United States of America* menerima Rang Undang-undang HR2148 yang dikemukakan oleh Ahli Kongres Dan Glickman dari Kansas. Enam hari kemudian Senator Tom Harkin dari Iowa juga mengemukakan Rang Undang-undang S1108. Sokolof dari *American Heart Association* juga mengambil berbagai-bagai tindakan dan langkah untuk memburuk-burukkan imej minyak sawit.

Begitulah keadaannya USA dengan konco-konconya menyerang bertubi-tubi industri minyak sawit. Selama lebih dari dua setengah tahun kita lawan di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik sebagai menteri bertanggungjawab bersama-sama dengan pegawai-pegawai dan pihak swasta yang perlu saya sebutkan Allahyarham Tan Sri Mohamad Basir Ismail, Mendiang Tan Sri Bek Nielsen, Tan Sri Dato' Dr. Wong Kam Choon, Tan Sri Dr. Agustin Ong, Tan Sri Dato' Yusof Basiron, Mendiang Toh Pang Huat, Tan Sri Dato' Dr Ani bin Arope, Allahyarham Abdul Fatah Zakaria dan duta besar kita Denise Ignatiust dan lain-lain lagi sebagai satu pasukan dan semangat jitu yang mana pada akhirnya kita berjaya menangani kempen ini apabila pada Julai 1989 ASA (*American Soy Bean Association*) bersama-sama dengan MPOGC (*Malaysian Palm Oil Growest Council*) menandatangani satu perjanjian persefahaman di Honolulu untuk memberhentikan kempen berkenaan. Syabas dan tahniah saya ucapkan walaupun selepas 18 tahun yang lalu. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya perjuangan ini penuh dengan cabaran. Ia tidak begitu senang untuk mengatasi tetapi dengan kegigihan dan kesungguhan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik beliau telah berjaya mengatasinya. Kita harus merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik dan pasukannya dalam menyelamatkan industri minyak sawit dari terjerumus dalam muslihat jahat ASA yang saya maksudkan *trade wars* tetapi diselimutkan dengan isu kesihatan.

Ia juga melambangkan bagaimana kepimpinan dan penyelarasan serta pengurusan jentera kerajaan dengan kerjasama erat pihak swasta, institusi penyelidikan dan kedutaan di luar negara dan yang amat penting sekali ditambah-tokok dengan kebijaksanaan kepimpinan politik,

political wisdom and savvy dengan izin menjayakan perjuangan ini untuk memberhentikan kempen minyak sawit. Peristiwa ini berakhir dan kita dapat memberi tumpuan mempromosikan dan menggalakkan penggunaan minyak sawit dan meningkatkan pasarannya di perdagangan antarabangsa.

Izinkan saya mendapat pedoman daripada pengerusi MAPA terdahulu Tan Sri Dato' Dr. Ani bin Arope dengan memetik kertas kerjanya sebagai kata-kata perangsang dengan izin:

"We were naive enough to believe that hard work of sibilance scientific research and improvement in productivity and efficiency alone keep us in the forefront. We believe that the international community and international trade practices treat us fairly, the price we paid for being naive has costly".

Kini Tuan Yang di-Pertua, ini komplot dan konspirasi sedemikian telah pun muncul semula. Muncul dan menular tapi kali ini dalam dimensi yang berlainan. Kempen anti minyak sawit telah mula lebih kurang dua tahun berlarutan. Sehingga kini terdapat berbagai-bagai tindakan dan langkah yang dijalankan di Eropah termasuk terdapat rang undang-undang di Parlimen Eropah. Saya fikir-fikir, saya renung-renung dan saya tidak dapat elakkan diri dari membuat kesimpulan bahawa kempen anti minyak sawit yang dilancarkan di Eropah kononnya industri minyak sawit memusnahkan alam sekitar. Tebang pokok, hilangkan biodiversiti, bunuh habitat khususnya orang utan dan macam-macam lagi merupakan satu muslihat sahaja, ada udang di sebalik batu.

Kegiatan kempen anti minyak sawit mula giat cergas sekali lagi pada masa Yang Berhormat Menteri mengambil alih jawatan menteri. Nampaknya *timing* juga boleh menimbulkan syak wasangka. Pendek kata penganjur-penganjur komplot dan konspirasi ini agak atau berpendapat boleh buli menteri baru ini. Tapi saya percaya dan saya berpendapat Yang Berhormat Menteri yang ada di Dewan ini seorang yang pandai, seorang yang cerdik dan bijaksana. Yang Berhormat Menteri saya yakin akan tangkap udang ini, telan, makan dia dan buang batu itu ke dalam Sungai Kuching.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: *[Bangun]*

Dato' Gooi Hoe Hin: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, apakah tujuan Yang Berhormat membangkitkan soal kempen anti minyak sawit ini boleh dikaitkan bahawa ia akan menggagalkan industri *bio fuel* atau bio bahan api yang mahu kita laksanakan di negara kita ini kerana ia boleh menjadi sumber pembangunan ekonomi di negara kita? Saya memang mendapati kempen di Eropah sekarang ini iaitu untuk memulaukan barang-barang yang dibuat daripada *palm oil* ini dan mereka bermula di pasar raya-pasar raya seperti di Tesco, Saints Bury dan Morrison. Saya tidak tahu sebenarnya apa yang boleh kita lakukan untuk berhadapan dengan kempen mereka ini dan yang lebih jelas lagi ialah mereka mengaitkan ini dengan soal *global warming* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini berpunca barangkali apabila

permintaan kelapa sawit ini begitu murah untuk dibawa masuk ke dalam negara mereka dan menyebabkan mereka terpaksa seolah-olah kerajaannya memberi subsidi sebenarnya untuk membawa masuk minyak sawit ini.

■ 1700

Maka ini menyebabkan mereka berasa iri hati dengan kita dan sebab itulah antara tuduhan yang dikemukakan dalam kempen itu ialah ini akan menyebabkan hutan di Malaysia ini akan digondolkan. *Global warming* ini akan berlaku. Jadi cuma yang saya ingin nyatakan dan memohon penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah ini boleh menjejaskan industri bio bahan api yang kita hendak pertingkatkan kemampuannya ini dan barang kali bagaimanakah kita hendak menghadapi kempen-kempen seumpama ini terutamanya yang berlaku di pasar raya-pasar raya besar ini di Eropah.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Yang Berhormat jiran saya dari Johor. Memang banyak kelapa sawit datangnya dari Johor. Seperti yang saya jelaskan, ini adalah satu muslihat yang cukup, strategi kempen dia sebentar lagi saya akan jelaskan. Mereka memahami bahawa ciri-ciri *techno* ekonomi minyak sawit itu mempunyai kelebihan, jadi minyak sayuran yang lain khususnya di Eropah tidak boleh bersaing, apatah lagi tadi Yang Berhormat Menteri sendiri menyatakan eksport kita sudah cecah RM178.59 juta, lagi sepuluh atau lima tahun lagi kita akan gondol semula pasaran bio-diesel. Bukan sahaja di Eropah di Amerika Syarikat, di Jepun, di China, di seluruh dunia, jadi kempen itu sudah menular dua tahun.

Jadi saya harap, saya sambung, oleh yang demikian saya ingin menyeru dan menggesa agar KPPK lebih serius dan harus memberi tumpuan yang lebih menyeluruh serta menggembelng segala tenaga dan seterusnya merumuskan suatu strategi yang lebih komprehensif dan jitu serta bersepadu. Apakah bersepadu, kali ini mengaitkan dua kementerian termasuk alam sekitar demi menangani komplot dan konspirasi ini. Ini bukan satu perkara yang boleh dipandang ringan. Biodiesel kita keluarkan, minyak sawit, kita tidak akan mendapat pasaran jika penganjur komplot dan konspirasi ini berjaya menanam dalam fikiran dalam minda pengguna bahawa minyak sawit ini betul-betul memusnahkan alam sekitar.

Mereka ini telah mempamerkan lagi satu sensasi, iaitu orang utan erti kata lain *a sentimental* habitat untuk menjalankan kempen anti minyak sawit seperti dahulu dalam Kempen Anti-Kayu Tropika di mana kaum Penan menjadi lambang mereka *a human face*. Saya penuh yakin ini adalah satu lagi dengan izin *a trade war*, peperangan perdagangan, *this guy has an environmental issue* kerana minyak-minyak sayuran yang lain seperti kacang soya, *red seed* dan lain-lain tidak dapat bersaing apatah lagi minyak-minyak sawit mempunyai pelbagai kelebihan dari ciri-ciri *techno* ekonominya.

Hasil keluaran minyak sawit sehektar lebih kurang empat-lima tan berbanding dengan 36.5 tan minyak bagi kacang soya, *red seed* di antara 1.1 ke 1.5 tan minyak bagi *red seed*. Kelapa sawit apabila tanam 25 tahun, pokoknya daunnya lebih besar daripada kacang soya. Apa

itu mat salleh di Eropah kata hidung dia banyak tinggi dia suka kacau orang. Ramai orang tidak faham di sini, dia tidak faham mana Malaysia letaknya. Tanpa subsidi pertanian yang mana EEC belanja lebih daripada euro300 bilion tanaman *red seed* dan soya *bean* tidak akan berada di Eropah. Minyak sawit mempunyai kelebihan khasiat, kacang soya perlu melalui *hydrogenation* dan semua ini naik kos, semuanya berkaitan dengan kos kerana mereka tidak boleh bersaing, jadi dia main politik kayu tiga, tunjuk *environment*.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, KPPK haruslah berhati-hati, kali ini ianya lebih dahsyat. Pada hemat saya kini penganjur komplot dan konspirasi Kempen Anti Minyak Sawit telah merumuskan satu strategik satu lontaran batu, dia bunuh dua ekor burung. Bermakna serampang dua tikam yang mana mereka bukan sahaja menyerang industri minyak sawit, tetapi tanpa lagi industri kayu-kayan. Bayangkan jika ianya berjaya dua industri utama negara akan terjejas dan ekonomi negara terancam. Saya amat khawatir, saya amat bimbang, kekhawatiran dan kebimbangan saya boleh rasai, saya sendiri rasai apabila saya perhatikan KPPK kini kurang fokus dan begitu leka kerana harga minyak sawit adalah begitu baik termasuk kayu kayan juga sehingga KPPK kemungkinan itu strateginya.

Jadi KPPK apabila buta, kelabu semuanya baik-baik belaka perjuangan ini mula akan berjaya. Mungkin dalam usaha murni Yang Berhormat Menteri sendiri dalam memperkenalkan pelbagai strategik baru termasuk kenaf, selalu di dengar di berita kenaf, kenaf, kenaf yang dibayangkan, akan tetapi, segala perhatian tidak perlu kepada kenaf-kenaf sahaja. Saya khawatir dan bimbang KPPK akan hilang arah tuju dengan izin *miss the trees as well as the forest*. Bukan sekadar para perwakilan EEC melawat Sarawak tiga bulan dahulu, saya *monitor*. Cerita sudah habis, mungkin perwakilan tu balik, mungkin mereka tidak puas hati apa yang mereka lihat, mereka akan merumuskan strategi lain, hantam balik kita sekuat-kuatnya matilah kita. Kita harus berjaga-jaga dan keadaan agak mendesak dan KPPK perlu ambil tindakan tegas.

Saya pohon supaya Yang Berhormat Menteri memberi tumpuan khas dan lebih proaktif.

Terdapat juga pegawai-pegawai yang berpengalaman yang sedia ada, Tan Sri Yusof Basiron yang kita sama-sama lawan. Dia faham selok-beloknya kerana jika gagal pasaran minyak sawit yang begitu lama kita telah perkukuhkannya sehingga kini di mana minyak sawit dapat menguasai lebih daripada 50% pasaran antarabangsa akan terjejas dan teruk. Banyak keluarga dan pekerja industri minyak sawit yang bergantung kepadanya sebagai mata pencarian akan mengalami kesusahan. Jika komplot dan konspirasi ini berjaya, jangan kita menjadi naif dengan izin dan biar keadaan itu berlarutan tanpa sesuatu tindakan yang lebih konkrit sehingga apabila para pengguna itu menerima persepsi iaitu minyak sawit pemusnah alam sekitar, makanya sudah terlewat. Maka kita akan hancur akibat kelekaan dan ketidakberkesanan tindak balas KPPK.

Saya juga faham Yang Berhormat menteri akan melawat Eropah bulan hadapan untuk betul-betul mewakili negara Malaysia untuk lawan balik, saya ucapkan syabas dan tahniah atas

tindakan tegas itu. Itu adalah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri, tanggungjawab itu berat dalam perkara yang amat penting dan Yang Berhormat Menteri harus memberi kepimpinan yang lebih berkesan. Jangan sesekali biarkan sahaja, namun saya percaya dan yakin Yang Berhormat menteri bersama-sama pegawai KPPK akan melakukan sesuatu yang lebih konkrit bagi saya *attack is the best defense* bagi masalah itu.

■1710

Saya berdoa dan berharap penuh Yang Berhormat Menteri akan berjaya dalam peperangan atau perjuangan ini kerana beratus ribu rakyat Malaysia bergantung kepada tindak laku Yang Berhormat Menteri KPPK.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, izinkan saya membangkitkan satu perkara yang juga pentingnya sekian lama. Ini sentiasa dalam hati sanubari saya, iaitu pekerja ladang. Pekerja ladang merupakan suatu komponen penting sesuatu input. Tanpa pekerja, tiada pengeluaran minyak sawit, tiada lagi biodiesel, biobahan api ke, apa api. Tiada apa lagi. Jadi selalu saya kurang faham, mengapa kebajikan pekerja dibiarkan sahaja?

Saya pernah terlibat dalam perbincangan dengan MAPA, MEOA dan NUPW, tentang hal ini. Malangnya, kejayaan dalam melaksanakan falsafah dan prinsip tertentu, tidak tercapai dengan lebih memuaskan. Walaupun tidaklah dinafikan banyak kemudahan telah pun ditambah tokok. Saya ingin ulang lagi apa yang saya nyatakan. Sebelum merdeka, pemilik-pemilik ladang adalah penjajah, 'orang putih'. Falsafah 'orang putih' adalah membayar gaji yang amat rendah, untung mereka di ladang. Orang mereka lahir lebih anak, satu *football team* kalau boleh.

Seterusnya 'orang putih' mempunyai suatu tenaga buruh yang mapan dengan izin, a *sustainable cheap source of labour supply*. Itulah modes operandi 'orang putih', penjajah British itu. Seterusnya kumpulan ini terperangkap dalam *vicious circle of poverty*. Kini kita sudah merdeka. Pemilik-pemilik ladang seperti Guthrie, Golden Hope, Sime Darby ia GLC, sekarang Sinergy Drive. IOI, KLAK dan lain-lain adalah kepunyaan rakyat Malaysia sendiri. Tidak akan falsafah dan prinsip ini diteruskan terhadap kumpulan yang menjadi penyokong kuat kepada kerajaan. Ini tidak betul, tidak peri kemanusiaan. Kita harus bersama-sama mendukung apa jua langkah kerajaan dalam memastikan kumpulan ini yang ketinggalan ataupun dipinggirkan supaya dapat menyertai dalam arus pembangunan perdana negara. Kita tidak boleh benarkan keputusan ini dibuat oleh swasta sahaja. Kerajaan harus campur tangan.

Oleh itu saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar Yang Berhormat Menteri boleh menerajui. *You can use your velvet gloves with the iron fist*, dengan izin. Boleh menerajui dan mengambil satu tindakan dan langkah yang lebih bermakna, agar suatu dana pendidikan pekerja ladang ditubuhkan sebagai permulaan. Jika setiap syarikat perladangan memberi geran RM4 juta, suatu jumlah yang amat kecil berbanding dengan keuntungan syarikat, beribu-ribu atau beratus-ratus juta. Dana pendidikan pekerja ladang akan bertujuan untuk

menolong dan membantu anak-anak pekerja ladang dalam apa jua bentuk dan mencungkil kemahiran dalam pendidikan dan sebagainya.

Saya yakin, KPPK akan dapat melaksanakan cadangan ini jika bertekad dan beriltizam. Izinkan saya, *we must have the political will*. Kalau berjaya, Yang Berhormat Menteri akan meletakkan namanya dalam sejarah sebagai wira pekerja ladang. Banyak perkara saya hendak berhujah seperti daya pengeluaran, OER, masalah perkapalan yang akan saya serahkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat lain untuk menyertai dalam perbahasan ini. Maka saya, sekali lagi dengan penuh harapan Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian berat atas pandangan yang telah saya hujahkan. Dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Semoga dengan rang undang-undang ini, industri minyak sawit akan terus maju. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Dr. Norraesah.

5.15 ptg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk membahaskan tentang Rang Undang-undang Biobahan Api yang pada saya adalah satu perkara yang amat penting memandangkan perkembangan dan pergolakan ekonomi dunia yang ada sekarang. Perbahasan saya akan menentukan ataupun memberi pengkhususan kepada soal industri bahan api dan pandangan saya juga adalah sesuatu yang tidak sama dengan Yang Berhormat Dato' Gooi tadi. Ada kesamaan, tetapi kekhuatiran saya bukan terhadap penyekatan pengeksportan kelapa sawit kepada negara-negara luar, tetapi kepada saya *opposite*. Yang sebaliknya, iaitu peningkatan pengeksportan kelapa sawit akibat dari peningkatan keperluan biofuel. Ini kaitan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kita membincangkan tentang satu isu, satu keluaran, satu produk baru yang mempunyai *double-edged sword*, dengan zin. Ia ada membawa impak positif sebab keperluan biofuel sekarang oleh sebab krisis petrol, *crude oil*, minyak mentah itu semakin meningkat harganya. Maka kita mencari bahan alternatif yang *biodegradable*, yang *renewable*, dapat dibaharui dan lain-lainnya. Maka dengan itu, sayur-sayuran ataupun minyak sayur-sayuran menjadi bahan alternatif sekarang ini. Di sini, merupakan satu perkara yang positif sebab kita dapat meningkatkan pasaran kita.

Apa jua tindakan yang diambil untuk menyekat kita Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dan saya yakin di kecenderungan atau trend ialah untuk mengimport lebih lagi kelapa sawit yang menjadi bahan utama biofuel dan biodiesel. *Double-edge sword* nya ialah saya membawa isu ini kepada gambaran makroekonomi kita. Iaitu kita hendakkan industri yang baru, kita hendakkan satu alternatif kepada petrol sebab kita juga mengimport banyak minyak mentah. Kita juga akan meningkatkan penggunaan biofuel, tetapi dalam aspek makronya, apa terjadi kepada petani kita?

Apa akan terjadi kepada ladangan kecil kita? Saya akan huraikan di sini Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membincangkan sedikit tentang apa yang saya katakan latar belakang untuk kita dapat menghayati apa yang saya percakapkan tadi iaitu isu *double-edge sword* tadi. Iaitu impak yang positif dan impak yang negatif. Biobahan api ialah satu kuasa, *energy* yang boleh dibaharui, *renewable* dan juga mempunyai elemen *biodegradable*. Iaitu sesuatu yang membantu kita menangani isu *green house gas emissions*, dengan izin.

Sungguhpun biobahan api sudah pun digunakan, terutama *liquid biofuel* dengan izin, semenjak industri automobil bermula pada tahun 1924, ia menarik lebih perhatian dan minat semenjak apa yang kita katakan *oil shocks* pada tahun 1973 dan juga tahun 1979 apabila harga bahan minyak mentah itu meningkat dengan begitu tinggi sekali, 49 pada tahun 1974 semasa teretusnya *The War of Kippur*, Peperangan Kippur.

Fenomena kini minat terhadap pengeluaran dan penggunaan biobahan melonjak kerana dua perkembangan. Pertama, fenomena *green house gas emissions* yang kita sebutkan, yang kita tahu dengan impak *global warming*nya. Kedua ialah peningkatan harga minyak mentah di samping fakta ianya kian berkurangan. *Supply* juga berkurangan, maka harga semakin meningkat dan tidak boleh diperbaharui. Sehingga pada tahun 2006, ia menjangkau kepada 80 US\$ *per barrel*, satu *barrel*.

■1720

Ini membebankan negara-negara yang menggunakan minyak petrol termasuk negara kita sendiri. Biobahan seperti etanol dan biodiesel – etanol menggunakan jagung umpamanya dan biodiesel kegunaan bahan terpenting ialah kelapa sawit. Ianya dikatakan dapat mengurangkan *global warming* dan mewujudkan pekerjaan untuk mereka yang kurang bernasib baik terutama mereka yang merupakan peladang dan petani kecil-kecilan. Ia dapat juga mengurangkan pergantungan kita terhadap minyak mentah.

Begitu juga dengan Malaysia yang kaya dengan *biomass* dan bahan untuk pengeluaran *biofuel* daripada minyak kelapa sawit, poliol dan juga metil ester yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu *I think the chemical name* untuk biodiesel. Biobahan api yang juga semakin meningkat penggunaannya ialah bioetanol, tetapi kita tidak secara langsung bersaing dengan bahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahan api dari minyak kelapa sawit, soya dan *rapeseed* hanya memenuhi keperluan dunia sekarang ini, hanya 1% sahaja. Tetapi dianggarkan akan meningkat dengan cepat, tinggi dan dengan besar sekali. Satu laporan yang dikeluarkan di Chicago baru-baru ini iaitu pada bulan Ogos menyatakan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*the best performing oil investment comes from trees in Malaysia, kelapa sawit, and not from the deserts of Saudi Arabia*. Ini menunjukkan bahawa permintaan terhadap kelapa sawit pada masa-masa hadapan ini tentu sekali akan meningkat.

Apa juga reaksi dan apa juga tindakan untuk menjatuhkan nama kelapa sawit, tetapi keperluan untuk *biofuel* itu akan meniadakan usaha-usaha ini kerana keperluan untuk *biofuel* akan meningkat begitu sekali. Kita lihat umpamanya perkembangan-perkembangan yang sudah pun berlaku. Minyak kelapa sawit yang digunakan untuk mayonis dan juga coklat, kini digunakan untuk Mack Trucks. Harga minyak mentah melambung dua kali, kegunaan kelapa sawit untuk menjalankan Mack Trucks ini juga meningkat.

Jadi gambar kartun yang Lat lukiskan di dalam surat khabar baru-baru ini amat relevan sekali. Memang sudah ada kereta-kereta dan trak yang menggunakan biodiesel, yang menggunakan bahan mentah kelapa sawit.

Kedua, kerajaan di dunia meningkatkan penggunaan biobahan api. Jadi apabila ianya dipromosikan oleh kerajaan, maka akan terdapat segala kemudahan (*facility*) untuk membangunkan industri biobahan api, terutama sekali daripada kelapa sawit. Diesel daripada kelapa sawit meningkat dua kali ganda dalam masa tiga tahun yang terdekat, yang baru-baru ini. Peningkatan mencatat 17% dalam tahun 2006, ia *outperform*, ia melebihi prestasi minyak mentah pada kadar 20%. Maka logiklah dan tepatlah Rang Undang-undang Biobahan Api dikemukakan oleh kementerian untuk mengembangkan industri ini.

Izinkan saya membahaskan rang undang-undang ini dari segi legitimasinya, kita sebutkan ianya memang *legitimate*, harus kita lakukan skop dan penguatkuasaannya dan juga melihat aspek-aspek yang negatif yang mungkin akan timbul hasil daripada keghairahan, kalau boleh saya gunakan perkataan untuk memperkenalkan dan meningkatkan industri perkilangan biobahan api. Biar kita lihat kepada statistik-statistik yang sedia ada yang akan menunjukkan bahawa eksport minyak kelapa sawit dan juga kegunaan *biofuel* akan meningkat dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebut tadi bahawa *soya bean* - minyak soya dan minyak kelapa sawit yang mengeluarkan diesel, penggunaannya hanya 1% sekarang ini. Kalau kita lihat kepada polisi atau dasar yang dikeluarkan oleh EU baru-baru ini iaitu menjelang tahun 2010, 5.7% dari bahan kuasa untuk trak dan kereta (automobil) akan datang daripada bahan yang dikatakan bahan yang boleh dibaharui iaitu *renewable resources*, dengan izin.

Kedua, International Environment Agency menganggarkan bahawa keluaran bahan api atau *fuel* dari minyak sayuran, yang penting sekali kelapa sawit akan meningkat tiga kali ganda pada tahun 2008, 20% pada tahun 2020 apabila kita mencapai Wawasan 2020 dan akan meningkat tujuh kali ganda daripada tahun 2020 pada tahun 2022. Bayangkan betapa penting dan berapa banyak permintaan terhadap *biofuel* yang sumber bahan utamanya ialah kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2005, permintaan untuk biodiesel melonjak 80% berbanding dengan etanol yang hanya meningkat 17% dan *biofuel* amat kompetitif maknanya. Kos minyak kelapa sawit sekarang ini ialah USD507 satu tan di Eropah sementara diesel

daripada *crude oil*, diesel daripada minyak mentah, *fossil oil* ialah USD680 satu tan. Ini bermakna bahan diesel daripada kelapa sawit jauh lebih murah. Maka kalau kita lihat kepada *demand and supply*, *demand* mestilah terhadap barangan yang jauh lebih murah dan ini akan meningkatkan tentu sekali permintaan untuk minyak kelapa sawit dan juga minyak keluaran iaitu biodiesel daripada kelapa sawit. Kerajaan juga merata-rata di Jepun, di Amerika Syarikat dan juga di Eropah memberi subsidi kepada pengeluaran biodiesel di samping dengan tujuan mengurangkan *greenhouse gas emissions*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perkembangan-perkembangan ini, maka jelas kepada kita bahawa mereka yang menjadi peladang dan mengeluarkan kelapa sawit adalah satu sektor yang dinamik yang akan berkembang dengan begitu pesat sekali. Di Eropah, biodiesel, kosnya ialah 72 sen (Amerika) sahaja untuk dikeluarkan dan diesel fosil ialah 1 sen. Satu liter minyak mentah diesel, 1 sen *wholesale price*. Ini bermakna biodiesel daripada minyak itu jauh lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam membaca, mencari dan membuat penyelidikan, saya terbaca tentang dua perkara - maklumat yang amat menarik iaitu satu syarikat United Kingdom (UK), RWE – *RWE is a supplier of utilities* di Eropah – iaitu yang ketiga syarikat utiliti yang terbesar di United Kingdom akan mengalihkan produksi pengeluaran *power plant*nya untuk mengeluarkan *biofuel* dengan menggunakan minyak kelapa sawit.

Keduanya, satu syarikat yang amat besar di Netherlands, Biox Group, iaitu satu pengeluar biobahan api akan menubuhkan *power plant* dia yang pertama. Tuan Yang di-Pertua, dipanggilnya *power plant*. Ini bermakna satu penjana kuasa yang amat penting kalau ianya dipanggil sebagai *power plant* seperti kita punya *independent power plant* (IPP) iaitu pada tahun 2007 atau 2008 dan ia memerlukan 100 ribu tan setahun. Ia akan memerlukan 100 ribu tan setahun minyak kelapa sawit. Itu untuk satu. Dia berhajat untuk buat empat. Ini bermakna peluang Malaysia mengeksport kelapa sawit adalah amat baik, tetapi kita harus melihat kepada nilai tambahan kita sendiri sebab harga atau nilai tambahan memberi pendapatan yang jauh lebih tinggi sekiranya kita mengeluarkan biobahan kita sendiri dan mengeksport. Jangan kita hantar sahaja, eksport sahaja minyak kelapa sawit *in the raw form* dan orang lain yang meraih keuntungannya jauh lebih tinggi.

Malaysia dan Indonesia kini merupakan pengeluar yang terbesar minyak kelapa sawit iaitu 85%, Brazil dan Argentina merupakan pengeluar yang terpenting *soya bean*. Kalaupun kita bersaing, kita bersaing dengan pengeluar-pengeluar *soya bean* dan juga dengan pengeluar-pengeluar *rapeseed*, tetapi penyelidikan sudah pun menunjukkan bahawa minyak kelapa sawit jauh lebih efisien sebagai barangan biobahan api. Ini tidak dapat dinafikan, United Nations, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga agensi-agensi yang berkaitan sudah pun menentukan dan membuat penemuan bahawa minyak kelapa sawit jauh lebih efisien dan *constituencynya* adalah jauh lebih baik daripada minyak-minyak sayuran yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagi ke, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh, saya sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.